

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Bahasa adalah sistem lambang pertuturan ciptaan manusia yang bersifat arbitrari (Sapir, 1921; Nathesan, 1995). Manusia menggunakan bahasa sebagai media interaksi yang penting dalam kegiatan seharian (Abdul Hassan, 2005). Sebagai satu keperluan sosial, bahasa membolehkan manusia menyampaikan buah fikiran dan idea-idea kepada penutur lain secara lisan atau penulisan (Lyons, 1987; Zulkifley Hamid, 1996). Dengan ini, manusia dapat meluahkan perasaan, menyatakan emosi, berkongsi hal peribadi dan reaksinya melalui bahasa pada konteks dan masa tertentu (Zulkifley Hamid, 1996). Halliday (1973) dalam bukunya bertajuk *Explorations in the functions of language* membicarakan bahawa bahasa yang mendukung fungsi interaksi memainkan peranan bagi menentukan supaya pertalian antara manusia dapat terus berkekalan ataupun dipertahankan. Hal ini kerana manusia berinteraksi dengan orang lain setiap masa.

Dengan adanya bahasa, manusia juga memahami sesuatu ujaran yang dituturkan oleh penutur lain dalam interaksi pada konteks tertentu(Asmah, 1992). Manusia boleh menganalisis dan memahami pertuturan yang didengar atau dibacanya. Oleh yang demikian, individu dapat bertindak balas mengikut apa yang ditaksirkan oleh mindanya. Sehubungan dengan itu, bahasa tidak hanya menyediakan kerangka bagi pemikiran, malahan turut berfungsi sebagai sarana cetusan idea dan perkembangan minda yang menghasilkan ideologi. Seperti yang dinyatakan oleh Roslina Abdul Wahid (2005) bahawa bahasa bukan sahaja memacu cara manusia berfikir, malahan dapat mengawal

pemikiran dan kepercayaan sesebuah masyarakat. Ini terbukti dalam hipotesis Sapir-Whorf, bahasa membentuk pemikiran manusia, atau sebaliknya bahasa menentukan cara kita berfikir (Goddard dan Patterson, 2000).

Bahasa juga merupakan instrumen yang mencerminkan persepsi dunia individu, di mana persepsi dunia tersebut dibina dan dibentuk oleh nilai-nilai budaya tertentu melalui sosialisasi sejak dilahirkan. Wilhem Von Humbolt (dalam Asmah 1987) menjelaskan bahawa bahasa berperanan sebagai pembentuk sikap, dan sikap ini mempengaruhi cara individu mentafsir pelbagai fenomena dalam kehidupan harian. Oleh yang demikian, bahasa akan mempengaruhi persepsi dan fikiran serta menentukan lakukan bahasa individu. Ini jelas membuktikan bahawa bahasa dan pemikiran manusia mempunyai perhubungan yang rapat dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Lantaran itu, fenomena ini menyebabkan berlakunya perbezaan lakukan bahasa individu, misalnya cara pertuturan yang berbeza antara penutur wanita dengan lelaki (Jespersen, 1922; Kluckhohn, 1953; Trudgill, 1972; Kramer, 1974; Sachs, 1975).

Pengaruh gerakan pembebasan wanita di Amerika Syarikat dan perkembangan bidang sosiolinguistik sebagai disiplin lingusitik yang berasingan telah menimbulkan minat dan mendorong penyelidik untuk melihat perhubungan fenomena-fenomena yang berkaitan dengan bahasa dan gender sejak tiga dekad yang lalu. Para penyelidik juga kian rancak meninjau variasi bahasa yang dipengaruhi oleh faktor gender. Hasil kajian-kajian lepas (Jespersen, 1922; Anderson, 1973; Haas, 1964; Lakoff, 1975; Thorne dan Henley, 1975; Spender, 1980) mendapati bahawa pertuturan wanita mengandungi pelbagai variasi bahasa berbanding dengan percakapan lelaki semasa berinteraksi. Ini menunjukkan bahawa wanita dan lelaki juga mungkin berbeza dalam penggunaan bahasa untuk

menyempurnakan pelbagai fungsi sosial melalui lakuan bahasa seperti pujian, pohon maaf, pengucapan terima kasih dan sebagainya.

Beberapa kajian (Manes, 1983; Holmes, 1986; Herbert, 1989; Farghal dan Al-Khatib, 2001) telah membuktikan bahawa wanita dan lelaki berbeza dalam merealisasikan lakuan bahasa pujian merentasi budaya. Penyelidik-penyelidik yang mengkaji lakuan bahasa memuji (Manes, 1983; Holmes, 1986; Herbert, 1989; Farghal dan Al-Khatib, 2001) mendapati bahawa pujian merupakan nilai sosiobudaya yang bersifat *universal* dan sejagat, namun berbeza dari satu budaya dengan budaya yang lain.

Lakuan bahasa memuji juga dipengaruhi oleh pemboleh ubah sosial seperti kuasa, jarak (Wolfson, 1983, 1989; Gajaseni, 1995; Nelson *et al.* 1996b), gender (Herbert, 1989; Herbert dan Straight, 1989; Holmes, 1989; Johnson dan Roen, 1992) dan budaya (Pomerantz, 1978; Mursy dan Wilson, 2001; Shanmuganathan, 2003; Ramazanoglu, 2003), topik (Manes dan Wolfson, 1981; Baba, 1999) dan norma-norma pragmatik (Han, 1992; Farghal dan Al-Khatib, 2001; Yuan, 2001; Golato, 2002).

Penyelidikan atas lakuan bahasa memuji telah dijalankan di seluruh dunia dalam pelbagai bahasa, terutamanya bahasa Inggeris (Herbert, 1989, 1990; Herbert dan Straight, 1989; Holmes, 1989; Johnson dan Roen, 1992). Berbanding dengan penyelidikan dalam konteks masyarakat barat, kajian pujian dalam bahasa Cina bermula agak lambat dan terhad. Lebih-lebih lagi, sebahagian besar daripada penyelidik timur mengkaji pujian dalam bahasa Inggeris (Xu, 2006), terutamanya memfokus pada strategi respon pujian. Sungguhpun begitu, masih terdapat limitasi dalam kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh para penyelidik barat atau timur (Jiang, 2010). Kebanyakan kajian lepas

pujian berorientasikan pragmatik dan bertujuan melihat pola pujian dan strategi respon pujian (Xu, 2006). Hanya segelintir penyelidik melihat lakuan bahasa memuji yang dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial seperti gender dan status (Ye, 1995; Jia, 1997; Wei, 1998; Sun, 2002; Feng, 2003; Quan, 2004; Zhang, 2007). Sebagaimana yang dinyatakan oleh ahli linguistik (Herbert, 1997), keperluan dan kepentingan menganalisis pujian dalam pelbagai konteks haruslah diutamakan. Justeru itu, kajian lanjutan yang dijalankan secara empirikal dan sistematik amat diperlukan untuk mendapatkan gambaran menyeluruh terhadap lakuan bahasa memuji dalam konteks masyarakat Cina.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Sebagai insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, golongan wanita dan lelaki tidak mendapat layanan yang sama rata dalam dunia ini sejak dahulu sehingga kini. Dalam masyarakat *patriarchal*, kedudukan kaum lelaki lebih dominan berbanding dengan wanita yang subordinat (Lakoff, 1975). Lebih-lebih lagi, kaum lelaki berperanan sebagai ketua rumah dan pencari nafkah secara tradisi, ternyata menempatkan wanita pada status yang lebih rendah. Fenomena ini mempengaruhi cara pertuturan antara gender, iaitu wanita dan lelaki. Sehubungan dengan itu, penggunaan bahasa mereka adalah berbeza dari segi fonologi, leksikal dan sintaksis (Jesperson, 1922; Kluckhohn, 1953; Trudgill, 1972; Kramer, 1974; Lakoff, 1975; Sachs, 1975).

Kajian-kajian lepas (Jesperson, 1922; Kluckhohn, 1953; Trudgill, 1972; Kramer, 1974; Lakoff, 1975; Sachs, 1975) membuktikan bahawa kewujudan perbezaan bahasa yang digunakan oleh wanita dan lelaki adalah kerana mereka mempunyai sub-budaya yang berasingan dalam sesuatu komuniti. Dalam hal ini, kedudukan sosial wanita dalam masyarakat adalah tidak stabil dibandingkan dengan status lelaki (Sun, 2000). Oleh

yang demikian, kedudukan sosial wanita akan mempengaruhi cara seseorang wanita diperlakukan, cara mereka dihargai dan cara mereka bertutur (Lakoff, 1975).

Menurut Lakoff (1975), bahasa wanita disimpulkan sebagai mesra, lemah lembut, dan bersemangat serta lebih gramatis. Malah, pertuturan wanita yang bersifat ‘bawahan’ (*inferior*) dan kekurangan (*deficient*) menghalang mereka memperoleh kuasa dalam sosial (*ibid.*). Tambahan pula, pertuturan wanita juga dibatasi oleh budaya yang diwaris secara turun temurun. Ini menyebabkan wanita kurang berkeyakinan dan terlalu sopan semasa berinteraksi dengan orang lain (*ibid.*).

Namun, zaman telah berubah. Wanita kini diberi peluang untuk mendapat pendidikan seperti lelaki. Sebagai graduan wanita yang berkaliber, mereka berkemampuan menyandang jawatan yang tinggi di sektor swasta dan kerajaan serta berkebolehan mencari rezeki seperti lelaki.

Kuasa, status sosial dan tahap pendidikan wanita yang kian meningkat membolehkan mereka turut berjaya dalam kerjaya. Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh Wolfson (1989) dan Xu (2006) membuktikan bahawa kaum lelaki lebih cenderung memuji wanita dari segi penampilan. Bagi kaum lelaki, mereka tidak mempedulikan betapa tinggi status dan jawatan wanita, wanita masih tidak dilayani setaraf dengan lelaki (Zimmerman dan West, 1975; Holmes, 1988; Wolfson, 1989). Tambahan pula, kajian Zimmerman dan West (1975), Eakins & Eakins (1978), Edelsky (1981), Tannen (1990) dan Coates (1993) juga mendapati bahawa lelaki jarang memuji seseorang berbanding dengan wanita.

Dalam konteks pendidikan pula, terdapat ketidakseimbangan interaksi antara guru dengan murid dalam bilik darjah (Brophy dan Good, 1970; Kelly, 1988; Jariah Mohd. Jan dan Khatijah Shamsudin, 2003). Kajian-kajian lepas yang dilaksanakan oleh Brophy dan Good (1970), Kelly (1988), Jariah Mohd. Jan dan Khatijah Shamsudin (2003) menegaskan bahawa murid lelaki mendapat lebih banyak peluang interaksi dalam pelbagai bentuk termasuk pujian daripada guru lelaki atau guru wanita.

Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk menyelidik penggunaan pujian antara wanita dan lelaki dalam interaksi. Oleh itu, kajian mengenai perilaku memuji antara gender berdasarkan situasi yang tertentu perlu dijalankan secara teliti dan sistematis.

### **1.3 Objektif Kajian**

Secara umum, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau pujian dalam bahasa Cina yang kerap digunakan oleh guru wanita dan lelaki sekolah menengah kebangsaan di negeri Kedah, Malaysia semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Aspek kedua yang diberi perhatian ialah mengenal pasti jenis-jenis pujian dalam bahasa Cina yang digunakan oleh guru-guru. Seterusnya, penggunaan leksikal dan pola sintaksis pujian dalam bahasa Cina oleh guru-guru juga dikaji.

#### **1.4. Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif yang dinyatakan di Bahagian 1.3, persoalan yang akan diselidiki dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah pujian dalam bahasa Cina yang kerap digunakan oleh guru wanita dan lelaki sekolah menengah kebangsaan di negeri Kedah, Malaysia semasa proses pengajaran dan pembelajaran?
- ii. Apakah jenis-jenis pujian dalam bahasa Cina yang digunakan oleh guru-guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran?
- iii. Bagaimanakah leksikal dan pola sintaksis dipilih oleh guru wanita dan lelaki semasa memuji dalam bahasa Cina?

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

Penggunaan kata-kata pujian dengan betul dan sempurna memainkan peranan yang penting dalam sesuatu ujaran atau interaksi. Ini memandangkan bahawa seseorang tidak dapat mengelakkan diri untuk meluahkan perasaan dan kekaguman melalui pujian semasa berinteraksi dengan orang lain. Dengan mengujarkan kata-kata pujian yang bersesuaian dengan konteks tertentu, seseorang itu bukan sahaja dapat menunjukkan kesopanan bahasanya, malah dapat mengelak daripada menyenggung perasaan orang lain. Di samping itu, kesesuaian kata-kata pujian dapat membina dan mengekalkan hubungan kemanusiaan yang harmoni sentiasa terjamin, lebih-lebih lagi bagi masyarakat Malaysia yang mempunyai latar belakang sosiosejarah dan sosiobudaya yang rencam seperti perbezaan etnik, bangsa, kaum dan budaya.

Hasil kajian ini akan dapat memperkaya pengalaman dan mempertajam pengetahuan para pendidik, khasnya guru-guru mata pelajaran Bahasa Cina mengenai penggunaan kata-kata pujian dalam kehidupan seharian, terutamanya semasa berinteraksi dengan murid-murid di dalam kelas. Ini adalah kerana kata-kata pujian yang diujarkan oleh guru-guru merupakan peneguhan positif dari segi psikologi pendidikan. Kata-kata pujian tersebut bukan sahaja dapat memotivasi murid-murid mengekalkan tingkah laku yang diingini oleh guru, malahan mendorong mereka mengulanginya pada masa kelak. Tingkah laku yang diingini oleh guru adalah seperti menyempurnakan tugas pada tepat masa dan belajar dengan bersungguh-sungguh. Sehubungan dengan itu, kesesuaian penggunaan pujian bukan sahaja menjamin murid menikmati keseronokan pembelajaran ilmu dan kemahiran yang disampaikan oleh guru dalam bilik darjah, malahan membantu pencapaian kejayaan yang cemerlang dalam akademik serta memberikan pengiktirafan dalam mengejar kerjaya.

Hasil kajian ini juga menyumbang terhadap pemelajaran bahasa, misalnya bahasa Cina. Ini adalah kerana topik pujian dan perkara yang diandaikan sebagai pujian mungkin berbeza antara satu komuniti dengan komuniti yang lain. Tambahan pula, kebolehan menginterpretasi, menyampaikan dan memberi respon terhadap pujian secara sewajarnya adalah suatu kemahiran sosial. Oleh itu, individu yang ingin mempelajari suatu bahasa yang baru haruslah menguasai kecekapan dari segi tatabahasa dan pragmatik (Thomas, 1983) atau norma interaksi bahasa sasaran. Selain memperoleh cara menghasilkan semula ujaran yang betul dari segi pola sintaksis dan semantik, penutur yang cekap perlu mengambil kira kesesuaian pertuturan dari segi masa, lokasi dan penerima dalam interaksi, demi mengelakkan kesalahfahaman silang budaya dan kegagalan komunikasi (*cross-cultural misunderstanding and communication*

*breakdowns*). Ini adalah kerana perbezaan lakuan bahasa dan nilai-nilai sosial antara satu budaya dengan budaya lain.

Setakat ini, kajian-kajian mengenai pujian dalam bahasa Inggeris telah banyak dijalankan oleh para penyelidik di barat dan khususnya di negara China. Namun demikian, kajian-kajian yang pernah dilakukan oleh penyelidik tempatan berkaitan pujian bahasa Cina masih terhad. Oleh itu, kajian ini akan menjadi batu lonjatan kepada para pengkaji yang berminat dalam bidang bahasa dan linguistik untuk menerokai dan menyelidik dalam aspek ini dengan lebih teliti dan luas lagi.

Pujian merupakan amalan atau tingkah laku harian yang jarang sekali membangkitkan kesedaran pengguna bahasa. Walau bagaimanapun, pujian terdiri daripada paradigma yang penting atau peraturan tingkah laku yang baik membina semula perhubungan interpersonal sosial yang kompleks. Oleh itu, melalui tingkah laku memuji, kita boleh memperoleh pandangan yang jelas mengenai cara gender berperanan dengan parameter sosial yang kompleks dalam komunikasi harian.

## **1.6 Limitasi Kajian**

Kajian ini hanya tertumpu kepada penggunaan kata-kata pujian oleh guru-guru mata pelajaran Bahasa Cina sekolah menengah kebangsaan semasa pengajaran dalam kelas. Respon pujian yang diberikan oleh murid-murid tidak ditumpukan dalam kajian kerana mereka kerap membalasnya melalui bahasa bukan verbal. Pertimbangan untuk mengecualikan aspek berkenaan dilakukan kerana skop interaksi bukan verbal amat luas. Adalah kurang wajar sekiranya hanya sebahagian kecil sahaja disentuh, dan sebahagian daripadanya ditinggalkan. Tambahan pula, respon pujian melalui bahasa bukan verbal

merupakan salah satu bidang kajian yang boleh diselidik secara mendalam pada masa akan datang.

Pengumpulan kata-kata pujian yang digunakan oleh guru-guru mata pelajaran Bahasa Cina hanya memfokus kepada interaksi dengan murid-murid semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas sahaja. Pujian yang didapati di situasi lain tidak diambil kira untuk kajian ini.

Populasi kajian ini hanya merangkumi guru-guru mata pelajaran Bahasa Cina sekolah menengah kebangsaan di negeri Kedah Darul Aman. Justeru itu, kajian ini hanya melibatkan guru-guru beropsyen bahasa Cina dan mengajar mata pelajaran Bahasa Cina di sekolah menengah kebangsaan sahaja. Tambahan lagi, guru-guru yang berbangsa Cina tetapi bukan beropsyen bahasa Cina tidak diambil kira sebagai responden kajian. Ini untuk mengelak menjelaskan keesahan dan kebolehpercayaan kajian yang dijalankan.

### **1.7 Definisi Konsep**

Penjelasan istilah-istilah yang kerap digunakan dalam kajian ini adalah penting untuk pemahaman dan rujukan pada masa akan datang. Ini kerana terdapat beberapa istilah penting seperti pujian, gender dan interaksi mempunyai pelbagai definisi. Berikut adalah definisi yang digunakan di sepanjang kajian.

**Pujian** merujuk kepada lakuan bahasa memuji seseorang dengan kata-kata yang sopan untuk meluahkan perasaan kekaguman, menyantung dan menyatakan penghargaan mengikut situasi atau konteks yang tertentu (Holmes, 1988).

**Gender** merujuk kepada kategori berasaskan konsep lelaki dan wanita yang terbina secara sosial (Coates, 1993).

**Interaksi** merujuk kepada proses pertukaran ujaran menggunakan bahasa lisan, yang berlaku antara guru dengan murid dalam aktiviti pengajaran (Roselan Baki, 2003).

## **BAB 2**

### **KAJIAN KEPUSTAKAAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Dalam bab ini, kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan topik kajian akan dibincangkan. Bermula dengan definisi pengajaran dan pembelajaran, konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina dalam kelas, konsep interaksi, definisi gender oleh ahli linguistik, bahasa wanita dan lelaki dikemukakan, seterusnya perbincangan dan penjelasan mengenai pujian dalam budaya barat dan timur.

#### **2.2 Definisi Pengajaran dan Pembelajaran**

Menurut Mok (2008), pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang berhubungkait dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran yang tertentu. Ia merangkumi perkara-perkara seperti aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian yang bertujuan menyebar ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada murid-murid dengan cara yang berkesan. Bagi Roselan Baki (2003) pula, beliau mendefinisikan pengajaran sebagai proses komunikatif yang membina pengetahuan dan kefahaman yang terbentuk melalui budaya.

Pembelajaran yang berlaku ialah hasil daripada latihan atau pengalaman sedia ada. Ini bermakna sebarang perubahan tingkah laku yang tidak pernah melalui latihan atau pengalaman sedia ada tidak diterima sebagai pembelajaran (Mok, 2008). Justeru itu, perubahan tingkah laku yang melalui pembelajaran mempunyai ciri-ciri berkekalan (ibid.).

Proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai perhubungan yang rapat. Matlamat utama pengajaran adalah untuk mewujudkan kegiatan pembelajaran. Seterusnya, keberkesanan pengajaran amat bergantung kepada kemahiran mengajar yang berjaya memudahkan proses pembelajaran murid-murid. Justeru itu, merangsangkan pembelajaran dan mewujudkan situasi pembelajaran yang kondusif merupakan fungsi utama proses pengajaran (Mok, 2008). Pendek kata, objektif pengajaran ialah membawa hasil pembelajaran dengan membentuk perubahan tingkah laku dari tahap yang rendah ke tahap yang lebih tinggi (ibid.)

### **2.3 Konteks Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Cina dalam Kelas**

Bagi pendidikan, pengajaran adalah aktiviti atau proses yang dirancangkan secara sistematik dan teliti untuk menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran supaya murid-murid dapat mempelajari dan menguasainya dengan berkesan (Mok, 2008). Di samping itu, pengajaran juga merupakan proses komunikasi yang melibatkan interaksi dua hala antara guru dan murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (ibid.). Justeru itu, proses dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan dalam kelas amat bergantung kepada interaksi antara guru dengan murid-murid.

Dalam konteks pendidikan pula, interaksi merujuk kepada tindak balas antara guru dengan murid, antara murid dengan murid dan antara murid dengan persekitaran (Rosini Abu dan Ramlah Hamzah, 1998). Di dalam kelas bahasa Cina, guru perlu mewujudkan pelbagai jenis interaksi supaya meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (Mok, 2008). Biasanya, interaksi guru dengan murid amat berkait rapat dengan objektif pelajaran, pendekatan dan strategi pengajaran yang digunakan (Rosini Abu dan Ramlah Hamzah, 1998). Oleh yang demikian, interaksi dalam pengajaran dan

pembelajaran memainkan peranan yang penting kerana interaksi merupakan langkah utama bagi guru menyampaikan isi pelajaran dengan efektif (Mok, 2008). Melalui interaksi, guru mata pelajaran Bahasa Cina dapat melaksanakan rancangan pengajaran berpandukan objektif pelajaran yang ditetapkan. Selanjutnya, keberkesanan interaksi dua hala antara guru dengan murid akan memotivasi dan menggalakkan murid-murid supaya menumpukan perhatian mereka dalam kelas bahasa Cina (ibid.).

Tambahan pula, demi menjamin keseronokan dan keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, peneguhan diberikan apabila murid-murid menunjukkan prestasinya yang menggalakkan (Mok, 2008). Dalam situasi begini, guru mata pelajaran Bahasa Cina akan memberi kata-kata pujian kepada murid-murid supaya tingkah laku positif agar diulangi pada masa hadapan. Lantaran itu, murid-murid yang dipuji berasa usahanya dihargai oleh gurunya (ibid.). Sehubungan dengan itu, murid-murid tidak hanya berusaha mengulangi tingkah laku yang diingini, semangat keyakinan terhadap daya pembelajarannya juga meningkat (ibid.).

Bagi murid-murid lain yang belum menerima pujian pula, mereka juga berusaha menunjukkan tingkah laku yang diharapkan (Mok, 2008) semasa pembelajaran bahasa Cina. Hal ini akan membolehkan disiplin kelas bahasa Cina bertambah baik. Justeru itu, proses pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja dapat dilaksanakan seperti yang dirancangkan oleh guru, malahan menjadi lebih seronok dan bermakna. Selanjutnya, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih optimum (Rosini Abu dan Ramlah Hamzah, 1998).

Walau bagaimanapun, kajian-kajian lepas (Kelly, 1988; Jariah Mohd Jan dan Khatijah Shamsudin, 2003) membuktikan bahawa layanan guru kepada murid dalam bilik darjah berbeza antara gender. Kajian berkaitan dengan interaksi guru dengan murid yang dilaksanakan oleh Kelly (1988) merupakan kajian yang paling komprehensif. Beliau pernah membuat meta-analisis ke atas 81 kajian. Sebahagian besar daripada kajian Kelly, iaitu 80% dijalankan di Amerika Syarikat dan yang selebihnya dari Britain. Hasil kajian beliau mengatakan bahawa kekerapan murid perempuan berinteraksi dengan guru adalah lebih kurang daripada murid lelaki (Jariah Mohd. Jan dan Khatijah Shamsudin, 2003). Pendek kata, murid lelaki mendapat lebih banyak interaksi dalam pelbagai bentuk termasuk pujian daripada guru lelaki atau guru wanita.

Kesimpulannya, interaksi antara guru dengan murid-murid dalam kelas bahasa Cina adalah untuk menyampaikan isi pelajaran dengan efektif (Mok, 2008). Oleh itu, peneguhan diberikan demi menjamin keseronokan murid-murid dan keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, pengalaman bilik darjah bagi murid perempuan dan murid lelaki sangat berbeza antara satu sama lain (Kelly, 1988; Jariah Mohd. Jan dan Khatijah Shamsudin, 2003), khasnya dari segi kuantiti dan kualiti interaksi dengan guru.

## **2.4 Konsep Interaksi**

Interaksi merupakan proses saling bertindak antara individu dengan alam sekitarnya. Ripley (1985) menyatakan bahawa interaksi adalah suatu proses mencipta, merundingkan dan menterjemahkan makna. Pendapat ini juga sejajar dengan pandangan Wahlstrom, Hanna dan Yoder *et al.* (1994) yang mendefinisikan interaksi sebagai suatu proses pertukaran makna antara individu menggunakan sistem simbol

yang dikongsikan bersama. Ia dilaksanakan secara bersemuka atau gabungan beberapa pola, tetapi ia menggambarkan bentuk asas bahasa lisan; mesejnya menghilang dan tidak dapat diulang dan sangat bergantung kepada konteks fizikal, linguistik dan paralinguistik semasa (Sulzby, 1987). Menurut Roselan Baki (2003), interaksi merujuk kepada proses pertukaran ujaran menggunakan bahasa lisan, yang berlaku antara guru dengan murid dalam aktiviti pengajaran.

Ee (1994) berpendapat bahawa interaksi berbahasa merujuk kepada proses pertukaran pertuturan antara individu dengan individu lain. Justeru itu, dalam konteks pendidikan formal, konsep interaksi merujuk kepada tindak balas yang diwujudkan antara guru dengan murid, antara murid dengan murid dan antara murid dengan persekitaran (Rosini Abu dan Ramlah Hamzah, 1998).

Interaksi yang berlaku secara langsung atau tidak langsung boleh mempengaruhi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas (Rosini Abu dan Ramlah Hamzah, 1998). Apabila guru memuji, memberi arahan atau menjelaskan isi kandungan pengajaran, maka dikatakan interaksi secara langsung berlaku antara guru dengan murid. Flanders (1970) telah memperkenalkan dan mengkategorikan pertuturan yang sering berlaku di dalam interaksi kelas. Berdasarkan sistem Flanders (1970), kategori-kategori pertuturan antara guru dengan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran adalah seperti bersyarah, memuji, memberi dorongan, menerima pendapat atau idea murid, menyoal murid, percakapan murid melalui tindak balasnya, inisiatif murid sendiri. Beliau juga berpendapat bahawa keadaan kesenyapan semasa proses pengajaran dan pembelajaran turut merupakan salah satu interaksi antara guru dengan murid dalam kelas (Flanders, 1970).

Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa interaksi dalam kelas melibatkan tindak balas guru dengan murid, murid dengan murid, murid dengan isi kandungan pelajaran dan alam persekitarannya.

#### **2.4.1 Jenis-jenis Interaksi dalam Kelas**


Demi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan keseronokan pembelajaran, guru haruslah memahami jenis-jenis interaksi yang wujud dalam kelas. Secara umumnya, terdapat tiga jenis interaksi dalam kelas iaitu,

- i. Interaksi sehala
- ii. Interaksi dua hala dan
- iii. Interaksi pelbagai hala

##### **2.4.1.1 Interaksi Sehala**

Menurut Mok (2008), interaksi sehala merupakan proses tindakan yang berlaku sehala daripada guru kepada murid. Lazimnya, interaksi yang bercorak sehala berlaku dalam situasi guru berperanan sebagai penyampai maklumat, manakala murid hanya sebagai pendengar setia. Oleh yang demikian, pemusatan diberikan kepada guru. Yang nyata, guru kurang atau tiada langsung berinteraksi dengan murid semasa aktiviti pengajaran dijalankan. Perhubungan antara guru dengan murid hanya terbatas kepada pendengaran atau menyampaikan maklumat sahaja. Ini tidak hanya menyebabkan murid pasif dan berasa bosan, malahan proses pengajaran dan pembelajaran kurang berkesan. Rajah 2.1 menunjukkan hubungan interaksi sehala antara guru dengan murid. Guru hanya memberi arahan dan murid menunggu untuk menerima arahan daripada guru berkenaan dengan tugas yang perlu disempurnakan. Dalam situasi sebegini, murid-murid tidak


tidak diberi peluang untuk menyuarakan pendapat atau mengenengahkan cadangan.



Rajah 2.1: Interaksi Sehala

#### 2.4.1.2 Interaksi Dua Hala

Interaksi dua hala melibatkan perhubungan antara guru dengan murid. Dalam interaksi dua hala, guru dan murid terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Rosini Abu dan Ramlah Hamzah, 1998). Guru menggalakkan murid menyertai aktiviti yang dilaksanakan dalam kelas. Interaksi tidak hanya memusatkan kepada guru sahaja. Murid juga mempunyai kebebasan untuk berbincang, memberi jawapan, menyuarakan pendapat dan bertanya soalan. Ini akan mendorong dan mewujudkan perhubungan yang mesra dan rapat antara guru dengan murid. Oleh yang demikian, murid sudi dan rela melibatkan diri dalam aktiviti, manakala guru sedia dan buka hati menerima pendapat, cadangan dan idea daripada murid. Rajah 2.2 memaparkan hubungan interaksi dua hala, anak-anak panah menunjukkan guru berinteraksi dengan murid dan sebaliknya.




Rajah 2.2: Interaksi Dua Hala

#### **2.4.1.3      Interaksi Pelbagai Hala**

Interaksi pelbagai hala merupakan perhubungan antara guru dengan murid, atau murid dengan murid, atau murid dengan guru. Dalam interaksi kelas yang bercorak pelbagai hala, guru menjadi salah seorang peserta dalam aktiviti kelas (Rosini Abu dan Ramlah Hamzah, 1998; Mok, 2008). Selain itu, guru juga memberi peluang kepada murid berbincang dan bekerjasama dengan murid-murid lain. Interaksi antara guru dan murid masih dikekalkan. Pemusatan kepada kedua-dua pihak iaitu kepada guru dan juga murid. Lazimnya, interaksi ini berlaku apabila murid-murid sedang menyiapkan sesuatu projek, menjalankan kerja-kerja amali dan sebagainya.

Interaksi dalam kelas yang bercorak pelbagai hala memainkan peranan penting supaya mewujudkan suasana proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik, menyeronok dan mencabar (Rosini Abu dan Ramlah Hamzah, 1998; Mok, 2008). Ini akan membantu membina pemikiran yang kreatif dan kritis dalam kalangan guru dan murid. Di samping itu, nilai-nilai murni seperti semangat kerjasama, toleransi dan tolongan-menolong dapat dipupuk dalam kalangan murid melalui interaksi pelbagai hala. Rajah 2.3 menunjukkan interaksi dalam kelas yang bercorak pelbagai hala.



Rajah 2.3: Interaksi Pelbagai Hala

## 2.5 Interaksi dalam Kelas Bahasa Cina

Dalam kelas bahasa Cina, guru perlu mewujudkan pelbagai jenis interaksi supaya meningkatkan keberkesanan pengajaran dan keseronokan pembelajaran. Secara umumnya, interaksi yang berlaku antara guru dengan murid mempunyai perkaitan rapat dengan objektif pelajaran, pendekatan dan strategi pengajaran yang digunakan (Rosini Abu dan Ramlah Hamzah, 1998). Oleh yang demikian, interaksi dalam proses pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan yang penting. Ini adalah kerana interaksi merupakan langkah utama bagi menjamin guru mata pelajaran Bahasa Cina menyampaikan isi pelajaran dengan efektif. Melalui interaksi, guru-guru mata pelajaran Bahasa Cina dapat melaksanakan rancangan pengajaran dan pembelajaran berpandukan objektif pelajaran yang ditetapkan (Mok, 2008). Selanjutnya, keberkesanan interaksi dua hala antara guru dengan murid akan memotivasi dan menggalakkan murid-murid supaya menumpukan perhatian mereka dalam kelas bahasa Cina.

Tambahan pula, demi menjamin keseronokan dan keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, peneguhan berbentuk pujian disampaikan apabila murid-murid menunjukkan prestasinya yang menggalakkan. Dalam situasi begini, guru-guru akan melafazkan kata-kata pujian terhadap murid-murid supaya tingkah laku positif akan

diulangi kelak. Lantaran itu, murid-murid yang dipuji berasa usahanya dihargai oleh guru-guru. Sehubungan dengan itu, murid-murid tidak hanya berusaha mengulangi tingkah laku yang diingini, semangat keyakinan terhadap daya pembelajarannya juga meningkat (Mok, 2008).

Bagi murid-murid lain yang belum menerima pujian pula, mereka juga berusaha menunjukkan tingkah laku yang diharapkan semasa kelas bahasa Cina. Hal ini akan membolehkan disiplin kelas bahasa Cina bertambah baik. Justeru, proses pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja dapat dilaksanakan seperti yang dirancangkan oleh guru mata pelajaran Bahasa Cina, malahan menjadi lebih seronok dan bermakna. Selanjutnya, keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih optimum.

## **2.6 Gender**

Konsep gender telah disesuaikan untuk kegunaan sosiologi buat pertama kali oleh Oakley (1972). Perkataan ‘gender’ telah digunakan untuk menggambarkan pembinaan sosial dan sumbangannya ke arah kajian tingkah laku yang bersesuaian dengan status seseorang. Oleh yang demikian, gender adalah konsep yang dihasilkan oleh ahli masyarakat, dimana ia merujuk kepada perhubungan pembawaan diri dengan konsep normatif sikap dan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian untuk kategori jantina tertentu (West dan Zimmerman, 1975). Pendek kata, gender tidak hanya merupakan ciri individu, tetapi suatu konsep yang dicapai dalam interaksi dengan orang lain. Maka, gender adalah klasifikasi berdasarkan konsep lelaki-wanita yang terbina secara sosial.

### **2.6.1 Bahasa dan Gender**

Bahasa dan gender pula merujuk kepada perhubungan di antara bahasa dan idea kita terhadap wanita dan lelaki. Perkara ini sering menimbulkan kekeliruan kerana ramai pengguna bahasa menganggap gender sebagai satu kategori tatabahasa dan bukannya kategori sosial. Sebenarnya, istilah gender berbeza daripada seks. Gender melihat kepada ciri-ciri sosial yang dijangka oleh masyarakat umum, sebaliknya seks menjelaskan ciri-ciri biologi manusia yang dilahirkan secara semulajadi. Kesedaran tentang gender dan pengaruhnya dalam sesuatu masyarakat biasanya dicerminkan oleh bahasa itu sendiri, sama ada dalam bentuk lisan atau penulisan. Ini adalah kerana hasil penulisan lebih mudah disebarluaskan dan maklumat dapat disampaikan secara meluas, lengkap dan mampu bertahan lama, maka buah fikiran dan pemikiran masyarakat juga akan tersebar dengan lebih berkesan.

Untuk keterangan yang lebih lanjut, ahli linguistik (Hirshman, 1973, 1974; Lakoff, 1975; Zimmerman dan West, 1975; Tannen, 1990, 1993) telah memberikan pelbagai definisi terhadap bahasa dan gender seperti berikut:

Menurut Hirshman (1973, 1974) bahawa wanita bercakap lebih cepat daripada lelaki. Ini adalah kerana wanita lebih suka menyampu jika dibandingkan dengan lelaki. Oleh yang demikian, penutur wanita berkeupayaan untuk bercakap dengan jelas, jitu dan lebih pantas daripada lelaki.

Lakoff (1975) pula membuat kesimpulan bahawa wanita menggunakan fitur-fitur bahasa yang menunjukkan ketidakpastian dan kurang yakin. Oleh itu, pertuturan wanita dianggap tidak penting dan mempunyai kekurangan, maka kaum lelaki menafikan

peluang wanita memberi pendapat mereka. Di samping itu, Lakoff (1975) juga mentafsirkan bahawa cara pertuturan wanita yang bersifat 'bawahan' menghalang mereka memperoleh kuasa dalam sosial. Seterusnya, beliau juga menyatakan bahawa wanita lebih mahir menggunakan diskripsi warna apabila menghuraikan sesuatu warna. Ini disebabkan penelitian wanita lebih daripada lelaki, membolehkan mereka lebih prihatin dalam perkara seperti nada suara, ekspresi muka dan bahasa fizikal.

Kajian yang dijalankan Zimmerman dan West (1975) menunjukkan bahawa terdapat lebih gangguan berlaku dalam sesuatu pertuturan yang melibatkan penutur wanita dan lelaki. Ini adalah kerana lelaki sering menyampuk dan celahan dalam sesuatu interaksi.

Bagi Fishman (1983) pula, beliau berpendapat bahawa penutur wanita berkecenderungan memberi sokongan semasa interaksi berlaku. Fishman (1983) mendapati bahawa wanita menggunakan ujaran seperti '*mm hmm*', '*yeah*', '*right*' dan sebagainya untuk menunjukkan mereka sedang mendengar dan berminat mengenai topik perbincangan atau perbualan pada konteks tersebut.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Tannen (1990, 1993) menyatakan bahawa wanita menggunakan bahasa demi mencapai kerapatan, menghasilkan '*rappor talk*'. Bagi wanita, bersempang dapat mengeratkan perhubungan kerana perbualan merupakan perundingan kerapatan. Di samping itu, wanita cuba memperoleh dan memberi keyakinan serta sokongan kepada ahli-ahli dalam kumpulan interaksi, seterusnya mendapat persetujuan daripada ahli kumpulan melalui perbualan. Sedangkan, lelaki berbahasa bertujuan untuk menyampaikan sesuatu maklumat atau pendapat yang menghasilkan 'bahasa laporan'. Tambahan pula, lelaki mengekalkan persahabatan

melalui kegiatan lain tetapi bukan melalui perbualan. Bagi lelaki, perbualan merupakan perundingan status di mana pihak-pihak yang berinteraksi ingin mengukuhkan dan memajukan status sosial masing-masing.

## **2.7 Bahasa Wanita dan Lelaki**

Sejak bidang sosiolinguistik diasingkan sebagai satu disiplin yang tersendiri pada 1960-an, ahli-ahli linguistik, terutamanya ahli-ahli sosiolinguistik (Kluckhohn, 1953; Trudgill, 1972; Kramer, 1974; Sachs, 1975; Lakoff, 1975) mulai memberi minat dan perhatian terhadap perhubungan antara bahasa dengan masyarakat. Ahli-ahli sosiolinguistik Kluckhohn, 1953; Trudgill, 1972; Kramer, 1974; Sachs, 1975) memfokuskan tumpuan dan perhatian kepada gejala-gejala sosial yang wujud dalam suatu bahasa. Aspek gender dalam bahasa merupakan fenomena sosial yang sangat diperbincangkan.

### **2.7.1 Bahasa Wanita**

Lakoff (1975) banyak mengkaji dan membincangkan tentang bahasa wanita. Beliau merupakan pelopor kajian terhadap bahasa wanita. Huraian yang seterusnya banyak menjuruskan kepada kajian yang dibuat oleh beliau.

Menurut Lakoff (1975) bahawa kaum wanita menerima didikan dan asuhan supaya sentiasa berkelakuan bersopan dan berhemah tinggi sejak kecil. Oleh yang demikian, mereka berkelakuan tidak tegas dan lemah seperti yang diharapkan oleh masyarakat secara umumnya. Lama-kelamaan, wanita menjadikan golongan yang tidak berkeyakinan. Akibatnya, kaum wanita bukan sahaja bertutur mengikut cara tertentu yang diterima oleh masyarakat, malahan pertuturan wanita bersesuaian dengan sifat-sifat semula jadi mereka yang sedemikian.

Kaum wanita lebih cenderung menggunakan bahasa standard atau bentuk-bentuk bahasa yang lebih berprestij berbanding dengan lelaki (Lakoff, 1975). Dalam masyarakat barat, kaum wanita didapati lebih kerap menggunakan bentuk-bentuk bahasa yang halus dan standard kerana mereka lebih sensitif kepada kepentingan sosial. Kata-kata halus yang digunakan oleh kaum wanita seperti *Oh dear, what a divine idea!* dan *It's very kind of you* (Lakoff, 1975). Contoh-contoh bahasa halus tersebut membuktikan bahawa mereka lebih mementingkan kesopanan demi mengambil hati penutur lain, sebaliknya kaum lelaki lebih mengutamakan penyampaian maklumat dengan jelas.

Coates (1989) juga mendapati bahawa penutur wanita menyampaikan sesuatu ujaran yang menunjukkan sifat kurang berkeyakinan dan tiada komitmen. Beliau mengatakan bahawa *hedges* sering digunakan oleh wanita semata-mata demi mengurangkan tekanan kepada ujaran. *Hedges* yang digunakan seperti *perhaps, I think, I mean, sort of* dan *probably*.

### **2.7.1.1           Fitur-fitur Linguistik Wanita**

Fitur-fitur linguistik (Lakoff, 1975) yang dikenal pasti bagi wanita adalah seperti berikut:

- i.       Wanita menggunakan istilah perkataan untuk menceritakan aktiviti mereka.
- ii.      Wanita dapat menggunakan istilah warna dengan tepat.
- iii.     Wanita menggunakan kata adjektif yang memberi gambaran tentang emosi dan perasaan.

- iv. Wanita mengelakkan menggunakan perkataan kesat.
- v. Wanita menggunakan perkataan pengisian (*hedges*) seperti *you know*, *well*, *kind of*, *sort of* untuk mengurangkan tekanan ujaran.
- vi. Wanita sentiasa menggunakan intensifiers *so* dalam pertuturan.
- vii. Tag question digunakan untuk mendapat persetujuan kerana mungkin kurang berkeyakinan diri dan juga mengurangkan tekanan seperti *don't you?*, *Shall we?*
- viii. Wanita meninggikan intonasi di akhir soalan dan menjadikan penutur kurang yakin.
- ix. Wanita menggunakan bahasa standard dengan nahu bahasa itu terlalu betul.
- x. Wanita suka memberi penekanan kepada sesuatu perkataan (*italics*) seperti *Comelnya*, kucing ini.
- xi. Pertuturan wanita tidak berterus terang dan lebih bersopan daripada lelaki.

### **2.7.2 Bahasa Lelaki**

Kajian-kajian lepas dalam bidang sosiolinguistik membuktikan bahawa gender merupakan faktor sosial yang memberikan pengaruh utama terhadap penggunaan bahasa sesuatu komuniti. Lantaran itu, huraiyan yang seterusnya akan membentangkan perbezaan tersebut dari aspek bahasa lelaki.

Spender (1980) menyatakan bahawa kaum lelaki mereka cipta bahasa. Ini adalah kerana kaum lelaki merupakan golongan yang keluar bekerja sejak dahulu lagi. Mereka bekerja sebagai petani, peladang, buruh dan lain-lain. Pekerja dalam sektor tersebut

kebanyakannya diceburi oleh kaum lelaki maka pertuturan mereka dianggap mengandungi ciri-ciri kelakian. Malahan, penutur lelaki lebih cenderung menggunakan cara pertuturan bukan standard. Selanjutnya, hal ini dihubungkaitkan dengan hakikat bahawa pertuturan cara kelas pekerja tersebut membawa implikasi ‘kekuatan’ yang secara tradisi dianggap sebagai suatu ciri hidup kelas pekerja. Ciri kekuatan ini pula dianggap sebagai salah satu ciri kelakian.

Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh Zimmerman dan West (1975) mendapati bahawa golongan lelaki menggunakan lebih banyak mekanisme untuk mengawal topik perbualan, misalnya memperkenalkan topik perbincangan yang baru dan menguasai perkembangan topik. Dominasi yang ditunjukkan oleh golongan lelaki dalam suatu perbualan adalah seiring dengan pengaruh dan kedudukan mereka di dalam masyarakat (Gumperz, 1982). Tambahan pula, lelaki juga menonjolkan kuasa melalui celahan. Bagi golongan lelaki, kuasa tersebut berasaskan susunan sosial dan diperkuuhkan lagi dalam interaksi bersemuka dengan golongan wanita.

Baroni dan Nicolini (1995) pula mengkaji bahasa berdasarkan perbualan pasangan yang sama gender. Mereka mendapati bahawa penutur lelaki cenderung menggunakan lebih banyak perkataan daripada penutur wanita. Ini adalah cara kaum lelaki menguasai sesuatu perbualan dan menunjukkan kewibawaan kuasa yang dimilikinya. Selain itu, kaum lelaki gemar menunjukkan kekuatan mereka dengan menggunakan perkataan kesat dan kasar seperti *damn* dan *shit*.

Tannen (1990) pula membuktikan bahawa kaum lelaki lebih cenderung menggunakan bahasa laporan, terutamanya dalam bidang kerjaya. Ketika perundingan perniagaan

dijalankan, penggunaan bahasa laporan digunakan oleh penutur lelaki demi memaparkan ketegasan dan mengekalkan tarafnya dalam kumpulan. Penggunaan bahasa sedemikian dapat menunjukkan individu tersebut memperoleh informasi yang tepat dan berkemahiran dalam sesuatu bidang.

Pengkaji-pengkaji tempatan seperti Tan (1997) dan Jariah Mohd. Jan (1999) juga mengakui fenomena ini. Tan (1997) mendapati bahawa celahan dan bercakap dengan lebih banyak adalah cara kaum lelaki menonjolkan kuasa. Jariah Mohd. Jan (1999) pula melakukan kajian yang berdasarkan program perbincangan di televisyen tempatan. Beliau mendapati bahawa kaum lelaki dan peserta yang berstatus tinggi, termasuk wanita, lebih dominan dalam interaksi antara lelaki dan wanita. Kajian ini juga membuktikan bahawa kaum lelaki kerap menonjolkan kuasa dengan mengawal perbincangan dan hala tuju perbincangan. Kedua-dua kajian ini menunjukkan bahawa penutur lelaki lebih cenderung menguasai perbualan.

#### **2.7.2.1           Fitur-fitur Linguistik Lelaki**

Fitur-fitur bahasa yang digunakan oleh lelaki seperti yang dinyatakan oleh Lakoff (1975) adalah:

i.       *Expletives ( Makian)*

Lelaki gemar menggunakan bahasa makian. Misalnya, perkataan *Damm it!* atau *Oh, shit!* Coates (2004) juga menyatakan bahawa kaum lelaki lebih kerap memaki dan menyumpah berbanding wanita yang suka bergosip.

ii. *No Tag Question*

Lelaki jarang menggunakan *tag question* kerana mereka lebih berkeyakinan.

iii. *Intonation*

Intonasi kaum lelaki lebih rendah berbanding dengan wanita. Ini adalah kerana lelaki lebih yakin daripada wanita.

iv. *Impolite Forms*

Lelaki dianggap kurang sopan ketika mengemukakan pendapat ataupun meminta sesuatu.

v. *No Hedges*

*Hedges* merupakan perkataan pengisian seperti *you know*, *well*, *kind*, *sort of* dan lain-lain. Lelaki jarang menggunakan perkataan pengisian atau *hedges* kerana lelaki terbiasa langsung (*direct*) dan tidak menunjukkan pembelaan dirinya (*apology*).

vi. *No Hypercorrect Grammar*

Lelaki kurang menggunakan tatabahasa yang betul. Lelaki lebih banyak menggunakan varian '*n*' pada perkataan yang mempunyai akhiran '*ng*', contohnya perkataan *walking* menjadi *walkin*.

vii. *Joke-telling dan humour*

Berjenaka merupakan satu sifat yang sering dihubungkaitkan dengan kaum lelaki. Ini kerana tabiat suka ketawa adalah sebahagian daripada satu persepsi stereotaip bahawa lelaki tidak seharusnya serius atau emosional. Oleh yang demikian, lelaki mempunyai sifat berjenaka atau suka bergurau yang lebih tinggi berbanding wanita.

## **2.8 Pujian**

Bahagian ini membincangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan. Bermula dengan definisi pujuan yang diberikan oleh ahli linguistik, fungsi pujuan, topik pujuan, pemilihan leksikal dan pola sintaksis, serta pujuan dan gender akan dikemukakan. Selain itu, bahagian ini juga menghuraikan kajian-kajian lepas berkaitan dengan pujuan yang dilakukan oleh ahli linguistik setempat dan luar negara. Ini diikuti dengan huraian, penerangan dan penjelasan pujuan dalam kajian-kajian yang dijalankan ke atas budaya barat dan timur.

Sejak 1970-an, ramai ahli linguistik barat bukan sahaja telah melihat dan meninjau terhadap pujuan, malahan mereka juga memperoleh pelbagai maklumat daripada hasil penyelidikan (Pomerantz, 1978; Manes dan Wolfson, 1981; Wolfson, 1983; Holmes, 1988; Holmes and Brown, 1987; Herbert, 1989, 1990). Para penyelidik mengumpul contoh pujuan daripada kehidupan harian, kemudian data-data yang dikumpulkan dikaji dan dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif.

### **2.8.1 Definisi Pujian**

Memuji merupakan suatu tingkah laku yang diterima secara *universal* dan sejagat (Herbert, 1997). Perilaku memuji mendedahkan maklumat yang menarik tentang nilai-nilai sosio budaya sesuatu masyarakat. Ini adalah kerana kelainan budaya dan bahasa mewujudkan perbezaan fungsi dan penggunaannya. Sehubungan itu, ahli-ahli linguistik memberikan pelbagai interpretasi bagi pujuan berdasarkan konteks tertentu.

kajian mengenai tingkah laku memberikan pujuan dalam bahasa Inggeris, New Zealand, Holmes (1986) telah mentafsirkan definisi pujuan seperti yang dinyatakan berikut:

*“A compliment is a speech act which explicitly or implicitly attributes credit to someone other than the speaker, usually the person addressed, for some ‘good’ (possession, characteristic, skill, etc.) which is positively valued by the speaker and the hearer.”*

Berdasarkan kenyataan di atas, pujian didefinisikan sebagai suatu pernyataan atau penghargaan yang ditutur secara eksplisit maupun implisit terhadap individu tertentu, biasanya pihak yang diberikan pujian. Penghargaan dilafazkan bagi beberapa ‘kebaikan’ seperti pemilikan, kemahiran, personaliti dan sebagainya yang dinilai secara positif oleh pemberi dan penerima pujian (Holmes, 1986).

Menurut Herbert (1997) pula, pujian eksplisit digunakan untuk mengarahkan tingkah laku pertuturan secara tersurat, manakala pujian implisit untuk bertindak percakapan secara tersirat atau tidak langsung. Beliau menjelaskan bahawa pujian eksplisit boleh diiktiraf sebagai ‘pujian di luar konteks’ (*compliments outside of context*), yang dihasilkan melalui satu set formula konvensional. Oleh yang demikian, pujian eksplisit ditempatkan dengan jelas, memberikan semantik pujian yang nyata dan boleh dikenal pasti secara literal semasa pertuturan (*ibid.*). Sebaliknya, pujian implisit tidak boleh sekadar melihat atau menganalisis perkataan-perkataan dalam ujaran; malah memerlukan penjelasan atau andaian lanjut daripada penutur. Secara umumnya, lakuan bahasa memuji untuk melahirkan penghargaan, kekaguman dan keprihatinan terhadap personaliti peribadi, kebolehan dan harta benda yang dimiliki oleh individu berkenaan (Holmes, 1986; Herbert, 1997).

Selain daripada pujian eksplisit dan implisit, pujian juga mempunyai hala tuju dari atasan kepada bawahan (Herbert, 1990). Sebagai contoh, majikan memberikan galakan kepada para pekerjanya boleh diterima sebagai pujian. Dalam keadaan sedemikian,

penerima pujian, terutamanya bagi kaum lelaki, menganggap penilaian positif terhadap keupayaan atau kemahiran sebagai inspirasi untuk mengekalkan perpaduan antara majikan dengan pekerja. Justeru, galakan boleh disifatkan selaku pujian.

Wolfson (1983) berpendapat bahawa pujian adalah pernyataan atau ungkapan persetujuan yang disampaikan oleh penutur dalam sesuatu kumpulan sosial budaya. Beliau juga menegaskan bahawa pujian haruslah memaklumkan persetujuan akan sesuatu yang dirasakan bernilai positif oleh kedua-dua pihak penutur dan penerima. Lantaran itu, memuji bukan sahaja mencerminkan budi bahasa penutur, malahan mewujudkan perhubungan solidariti dengan penutur lain dalam interaksi. Oleh yang demikian, pujian berperanan sebagai ‘pelincir minyak masyarakat’ (*social lubricants*) untuk melicinkan perhubungan sosial (*as the way to grease the social wheels*) (*ibid.*).

Mengikut pandangan Brown dan Levinson (1987: 107) pula, mereka mentafsirkan pujian sebagai penyampaian keperluan dan kekaguman penutur terhadap matlamat atau benda yang dimilik oleh seseorang. Selain itu, kedua-dua pengkaji juga melihat pujian sebagai strategi kesopanan positif yang diaplikasi demi memuji seseorang dari aspek minat, keinginan dan kebaikannya. Melalui perilaku memuji, seseorang individu akan diterima sebagai ahli bagi suatu kumpulan penutur yang tertentu.

Wierzbicka (1987) memberikan pengertian pujian berdasarkan andaian berikut.

- i. Saya melihat sesuatu yang baik mengenai anda, Y.  
(*I perceive something good about you, Y*).

- ii. Saya mahu mengatakan sesuatu yang baik tentang anda kerana itu.  
*(I want to say something good about you because of that).*
- iii. Saya berkata: (sesuatu yang baik mengenai X dan Y X).  
*(I say: (something good about X and X's Y).*
- iv. Saya rasa berfikir sesuatu yang baik mengenainya.  
*(I feel something good thinking about it).*
- v. Saya katakan ini kerana saya mahu anda mengetahui bahawa saya berfikir sesuatu yang baik tentang anda.  
*(I say this because I want to cause you to know that I am thinking something good about you).*
- vi. Saya mengandaikan bahawa anda berasa sesuatu yang baik kerana itu.  
*(I assume that you will feel something good because of that).*

Ramai ahli linguistik termasuk Wierzbicka (1987) dan Herbert (1990) mendefinisikan pujian berdasarkan andaian, di mana menyenangkan hati atau ingin menggembirakan penutur lain merupakan fungsi asas tingkah laku memuji. Justeru itu, beberapa perkara boleh dirumuskan di sini. Pertama, perbezaan antara pujian eksplisit dan implisit adalah penting, sepadan kepada perbezaan antara tingkah laku pertuturan secara langsung dan tidak langsung. Sehubungan dengan itu, pujian eksplisit boleh dikenal pasti melalui leksikal yang bersemantik positif, manakala pujian implisit hanya diketahui berdasarkan konteks dan penjelasan lanjutan daripada penutur.

Perkara kedua adalah relevan kepada definisi yang dikemukakan oleh Holmes (1986), dimana berkaitan dengan perhubungan antara penerima dan topik tingkah laku pujian, seperti yang dipaparkan berikut.

Konteks: Dua orang wanita berbincang tentang pembaca berita televisyen.

A: Oh, tetapi anda perlu mengakui bahawa dia mempunyai suara yang indah.

(*Oh, but you must admit that she's got a lovely voice.*)

B: Dia sememangnya mempunyai.

(*She certainly has.*)

Berdasarkan konteks perbualan di atas, wanita A menyampaikan kekagumannya terhadap suara pembaca berita televisyen yang indah, manakala wanita B bersetuju dengan pandangan wanita A. Walau bagaimanapun, pembaca berita televisyen merupakan pihak ketiga yang tidak wujud semasa perbualan antara kedua-dua wanita. Sehubungan dengan itu, Holmes (1986) berpendapat bahawa penghargaan dan kekaguman yang ditujukan kepada pihak ketiga juga diterima sebagai pujian. Namun, konsep mengenai pujian yang dibentangkan oleh Wierzbicka (1987) tidak mengambil kira penguraian yang diberikan oleh Holmes (1986), iaitu penerima pujian tidak semestinya wujud dalam sesuatu interaksi atau perbualan.

Dalam konteks timur, Li (2007) menganggap pujian adalah fenomena linguistik yang lazim berlaku dalam kegiatan harian. Memuji bukan sahaja menunjukkan kekerapan penggunaan yang tinggi, malahan boleh diaplikasikan dalam pelbagai situasi, seperti dalam ucapan salam (*greeting*), menyampaikan ucapan terima kasih, jemputan, ucapan tahniah dan sebagainya. Di samping itu, pujian juga digunakan di permulaan, di tengah atau di akhir perbualan (Ummul Khair Ahmad dan Koh, 2010). Keajaiban pujian boleh didapati di mana-mana keadaan, terutamanya menyingkirkan situasi yang memalukan semasa berinteraksi.

Pelbagai definisi dan penjelasan mengenai pujian diberikan oleh ahli linguistik barat dan timur (Wolfson, 1983; Holmes, 1986; Brown dan Levinson, 1987; Wierzbicka, 1987; Herbert, 1990, 1997; Li, 2007), di antaranya terdapat dua kriteria penting tentang pujian. Pertama, pujian adalah suatu pernyataan kekaguman dan penghargaan yang diujarkan oleh penutur. Kedua, kekaguman ditujukan ke atas pemilikan harta benda, pencapaian, perwatakan atau ciri-ciri personaliti oleh penerima pujian.

### **2.8.2 Jenis Pujian**

Ahli linguistik barat dan timur merumuskan bahawa makna pujian yang diujarkan oleh individu adalah tidak konsisten (Zhang, 2007). Ye (1995) dan Boyle (2000) mendapati bahawa pujian mengandungi makna tersurat dan tersirat. Makna yang dibawa oleh pujian boleh dikenal pasti melalui semantik sesuatu perkataan. Sehubungan dengan itu, pujian terbahagi kepada empat kategori, iaitu pujian eksplisit (*explicit compliment*), pujian implisit (*implicit compliment*), tidak memberi pujian (*non-compliment*) dan tidak memberi respon (*no response*) (Ye, 1995).

#### **2.8.2.1 Pujian Eksplisit (Holmes, 1986)**

Menurut Holmes (1988), pujian eksplisit merupakan sesuatu penilaian positif yang diujar oleh penutur secara langsung kepada pendengar dalam interaksi. Secara umunya, pujian eksplisit mudah dikenal pasti kerana mengandungi kata kerja, kata adjektif atau kata adverba yang bersemantik positif (Ye, 1995; Boyle, 2000).

Menurut Herbert (1997), pujian eksplisit digunakan untuk mengarahkan tingkah laku pertuturan secara tersurat. Beliau menjelaskan bahawa pujian eksplisit boleh diiktiraf sebagai ‘pujian di luar konteks’ (*compliments outside of context*), yang dihasilkan

melalui satu set formula konvensional. Misalnya, *I like your hair short like that*. Oleh yang demikian, pujian ditempatkan dengan jelas, memberikan semantik pujian yang nyata dan boleh dikenal pasti secara literal semasa tingkah laku pertuturan (ibid.).

### **2.8.2.2 Pujian Implisit (Holmes, 1986)**

Pujian implisit pula merupakan lakuan bahasa yang dipertuturkan secara tidak langsung (Holmes, 1988; Herbert, 1991; Ye, 1995). Pujian implisit hanya dapat dikenal pasti berpandukan sesuatu konteks atau nilai-nilai sesuatu budaya (Holmes, 1988). Di samping itu, nilai bagi pujian implisit tidak boleh sekadar melihat atau menganalisis perkataan-perkataan dalam ujaran. Sebaliknya, pujian implisit ditonjolkan dalam erti kata yang memerlukan penjelasan atau maklumat lanjut daripada penutur. Contoh pujian implisit seperti *I wish I could manage my work like you do* (Herbert, 1991). Secara umumnya, lakuan bahasa memuji untuk melahirkan penghargaan, kekaguman dan keprihatinan terhadap personaliti peribadi, kebolehan dan harta benda yang dimiliki oleh individu berkenaan (Holmes, 1986; Herbert, 1997).

### **2.8.2.3 Tidak Memberi Pujian (Ye, 1995)**

Strategi tidak memberi pujian (*non-compliment*) merupakan salah satu jenis pujian yang diklasifikasikan oleh Ye (1995). Menurut Ye (1995), strategi tidak memberi pujian merujuk kepada penutur memberi reaksi secara lisan yang menunjukkan berminat terhadap pemilikan seseorang dalam situasi tertentu, tetapi reaksi yang diberikan tidak berfungsi sebagai pujian atau penghargaan. Biasanya, penutur mengujarkan dalam bentuk ayat tanya atau permintaan untuk menyampaikan kekaguman terhadap pemilikan individu. Misalnya 什么时候买的? (shénme shíhòu mǎi de / Bilakah anda membelinya?).

#### **2.8.2.4 Tidak Memberi Respon (Ye, 1995)**

Ye (1995) mengkaji pujian dalam bahasa Cina telah mengategorikan strategi tidak memberi respon (*no response*) sebagai salah satu jenis pernyataan penilaian positif semasa berinteraksi. Beliau (1995) mendapati bahawa penutur tidak memberikan sebarang tindak balas secara lisan ke atas pemilikan individu. Ini bermakna penutur tidak mengujarkan sebarang perkataan untuk menyatakan kekaguman kepada penutur lain.

#### **2.8.3 Ciri-ciri Pujian**

Kata-kata pujian mengandungi beberapa ciri yang tertentu seperti berikut (Li, 2007).

##### a. Kesahihan

Sebagai lakuan bahasa kesopanan, pujian merupakan alat mengukur nilai. Ia memberikan penilaian positif secara terbuka terhadap seseorang atau sesuatu. Oleh itu, penilaian perlu diujarkan secara ikhlas, benar dan berwibawa supaya fungsi pujian dapat dijanakan. Sebaliknya, penghargaan dan kekaguman yang dirakamkan tidak jujur akan menjadi tipu helah yang bertentangan dengan prinsip-prinsip komunikasi.

Pujian yang ikhlas boleh diujarkan dalam pelbagai bentuk. Biasanya, pujian disampaikan dalam tiga keadaan:

##### i. Memuji individu yang berprestasi cemerlang.

Penghargaan diberikan atas kebolehan, kemahiran dan perwatakan individu.

ii. Memuji kualiti objek.

Kandungan pujian lebih fokus pada pemilikan individu seperti pakaian, perhiasan bilik, perabot, kenderaan dan lain-lain objek yang berkualiti tinggi. Oleh yang demikian, bagi masyarakat barat, terutamanya Eropah, keperibadian dan perjuangan peribadi adalah satu konsep yang sangat penting, juga usaha pencapaian kendiri. Sehubungan dengan itu, penilaian positif terhadap penampilan dan perwatakan individu, terutamanya pakaian dan fesyen rambut, berada di kedudukan yang tertinggi dan menonjol. Lazimnya, kata-kata pujian tersebut diberikan dan diterima oleh wanita (Manes, 1983).

iii. Memuji kebolehan menyempurnakan tugas.

Penghargaan diberikan kepada sikap individu melaksanakan tugas dan prestasi pencapaian mereka.

b. Kesesuaian kenyataan

Setiap individu tidak hanya mengharapkan kata-kata pujian daripada orang lain, juga menginginkan penghargaan terhadap perkara yang disempurnakan. Namun, pujian bagai pedang bermata dua (Li, 2007). Pujian bukan sahaja dapat merapatkan hubungan, sebaliknya juga memburukkan pertalian. Oleh itu, pujian yang tidak ikhlas akan menimbulkan kebencian orang lain, malahan menjatuhkan air muka sendiri. Misalnya, pujian mengenai panjang usia amat ketara disampaikan kepada warga tua dalam masyarakat timur, sebaliknya ia menjadi taboo dalam konteks barat. Bagi masyarakat barat, perkataan ‘tua’ membawa makna ‘tidak berguna’ (*useless*), oleh itu, ia digantikan dengan penggunaan perkataan euphemisms *senior citizen* (*ibid.*).

c. Berstruktur formula

Perbezaan nilai budaya bagi sesuatu komuniti wujudnya corak ungkapan yang berlainan. Walau bagaimanapun, pola pertuturan yang lazim dan tetap dapat dikesan dalam komunikasi merentasi budaya, misalnya kekerapan penggunaan kata adjektif dalam pujian (Wolfson, 1983).

#### **2.8.4 Fungsi Pujian**

Perbezaan nilai budaya komuniti membawa kepada kelainan pemahaman tentang fungsi pujian. Maka, kata-kata pujian yang sama diujarkan dalam konteks yang berbeza mungkin mewujudkan perubahan makna dan fungsinya. Oleh itu, untuk menentukan fungsi pujian, analisis data haruslah berdasarkan konteks budaya dan interaksi. Sehubungan dengan itu, analisis kajian dan pemerhatian yang dilakukan oleh ahli-ahli linguistik (Manes dan Wolfson, 1981; Manes, 1983; Wolfson, 1983; Brown dan Levinson, 1987; Holmes, 1993) membuktikan bahawa pujian mempunyai pelbagai fungsi mengikut konteks tertentu.

Wolfson (1983) berpendapat bahawa pujian adalah ‘gris roda sosial’ (*grease the social wheels*) berfungsi sebagai ‘pelincir sosial’ (*social lubricants*) untuk menghasilkan atau memperkuuhkan perasaan solidariti antara penyampai dan penerima dalam situasi tertentu (Manes dan Wolfson, 1981; Manes, 1983; Wolfson, 1983; Holmes, 1993). Pandangan Wolfson (1983) disokong oleh Holmes (1993), dimana pujian merupakan alat kesopanan positif yang nyata (*very obvious positive politeness devices*). Tambahan pula, kata-kata pujian juga dilafazkan demi menyampaikan penilaian positif, kekaguman atau penghargaan kepada pendengar (Holmes, 1986).

Brown dan Levinson (1987) berpendapat bahawa lakuhan bahasa memuji adalah strategi kesopanan positif yang sering digunakan semasa berinteraksi. Penutur melafazkan kata-kata pujian untuk menjaga air muka pendengar, seterusnya membentuk perpaduan sosial dan hubungan solidariti dengan orang lain dalam perbualan. Pendapat Brown dan Levinson (1987) disokong oleh Lewandowske-Tomszacyk (1989) dengan menyatakan bahawa pujian berperanan sebagai ‘strategi sosial’ dan usaha membina perpaduan.

Hasil kajian yang diperoleh oleh Johnson dan Roen (1992) mendapati bahawa responden kajian menggunakan strategi memuji di permulaan, di tengah dan di akhir sesuatu ujaran dalam wacana penulisan (Ummul Khair Ahmad dan Koh, 2010). Kata-kata pujian yang diujarkan demi mewujudkan dan mengekalkan hubungan baik, seterusnya untuk mengurangkan ancaman air muka (Johnson dan Roen, 1992).

Selain mewujudkan hubungan solidariti, pujian juga berperanan sebagai galakan dan penghargaan serta melembutkan kritikan dalam sesetengah konteks (Holmes dan Brown, 1987; Herbert, 1990; Wu, 2005). Penilaian positif pada kebolehan atau kemahiran yang disampaikan oleh majikan diterima sebagai inspirasi dan galakan, tetapi bukan untuk mengekalkan perpaduan, terutamanya bagi kaum lelaki (*ibid.*). Maka, penilaian yang positif, dalam keadaan sedemikian, boleh disifatkan selaku pujian.

Menurut Herbert (1989), kadangkala kata-kata pujian dilafazkan adalah kerana kewajipan (*obligation*). Seseorang itu diwajibkan untuk memuji rakan karib yang muncul dengan penampilan baru. Oleh yang demikian, hubungan antara penutur dan pendengar mempengaruhi dan mengubah fungsi pujian sebagai galakan mengikut

konteks tertentu (Wu, 2005). Tambahan pula, tingkah laku memuji juga dapat mencerminkan amalan budaya suatu masyarakat atau komuniti.

Hasil kajian Jia (1997) membuktikan bahawa kata-kata pujian memiliki pelbagai fungsi dalam budaya Cina yang berbeza dengan barat. Fungsi pujian dalam bahasa Cina adalah untuk membuatkan seseorang berasa baik (*feel good*), menghargai dan memperalatkan orang lain (*ibid.*). Justeru itu, bagi masyarakat timur, tingkah laku memuji berfungsi untuk memperalatkan orang lain dan bukannya demi mewujudkan perhubungan solidariti. Ini jelas menunjukkan perbezaan fungsi pujian bagi konteks barat dan timur. Di samping itu, memuji dilihat sebagai lakuan bahasa dalam aktiviti sosial harian (Li, 2007). Pujian bukan sahaja dapat merapatkan jarak sosial antara penutur, tetapi juga mengeratkan hubungan antara sesebuah negara dengan negara lain dalam komunikasi merentasi budaya.

Dalam konteks pendidikan pula, kajian yang dilakukan oleh Rusli Ahmad dan Abg Ishar Abg Yaman (2010) terbukti bahawa prestasi pelajar boleh meningkat dan mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik setelah menerima kata-kata pujian yang dilafazkan oleh ibu bapa. Ini adalah kerana perasaan pelajar menjadi gembira, bangga, terharu dan semangat berkobar-kobar dalam akademik. Sehubungan dengan itu, ibu bapa sangat digalakkan mengujarkan pujian kepada anak-anak mereka demi memberi dorongan dan rangsangan minda. Di samping itu, pujian juga membantu pencapaian kejayaan yang cemerlang dalam akademik dan memberikan pengiktirafan (*recognition*) dalam mengejar kerjaya (*ibid.*).

Mengikut Burton (2003), kata-kata pujian yang mengandungi makna positif seperti ‘anda sangat berjaya (*very successful*)’, ‘anda berkebolehan (*you are very capable*)’ dan ‘anda cemerlang (*you are excellent*)’ boleh meningkatkan semangat orang bawahan. Beliau menyatakan bahawa pekerja-pekerja di sebuah syarikat boleh meningkatkan penghasilan setelah pengurus-pengurus syarikat kerap mengujarkan kata-kata pujian. Hasil kajian beliau menekankan kepentingan pujian demi merangsang dan membakar semangat pekerja bawahan dalam pekerjaan mereka (dipetik daripada Rusli Ahmad dan Abg Ishar Abg Yaman, 2010).

Zafar Araq dan Noraini M. Noor (2005) telah meninjau fungsi kata-kata pujian yang berbentuk peribahasa dalam budaya masyarakat Melayu. Dalam kajian yang dilakukan, mereka menyatakan bahawa kata-kata pujian dalam peribahasa budaya Melayu boleh meningkatkan kecerdasan emosi (*emotional quotient*) (dipetik daripada Rusli Ahmad dan Abg Ishar Abg Yaman, 2010).

Kajian lepas yang dilaksanakan oleh Lewandowske-Tomszacyk (1989) mendapati bahawa tingkah laku memuji tidak selalu berhasil dan diterima atau difahami oleh pendengar). Kadangkala kata-kata pujian berperanan sebagai gangguan verbal untuk menjatuhkan air muka pendengar (Holmes, 1986). Justeru, pujian juga dianggap sebagai tingkah laku yang mengancam air muka individu bagi beberapa budaya atau kumpulan sosial tertentu, terutamanya oleh sesetengah kaum lelaki.

Brown dan Levinson (1987) menyokong Lewandowske-Tomszacyk (1989) dengan menyatakan bahawa penutur bertindak sebegitu kerana cemburu atau iri hati terhadap pemilikan oleh penerima, seperti rumah, kereta atau perwatakan. Lantaran itu, tingkah

laku yang sedemikian merupakan fungsi pujian yang negatif, dimana semata-mata untuk menyindir dan mengejek. Di samping itu, pemberi pujian menghina penerima demi memanipulasi kepentingan diri sendiri dan menyebabkan penerima pujian ‘kehilangan air muka’ (Herbert, 1989). Ini adalah bertentangan dengan fungsi asal pujian yang mengurangkan kesan negatif ancaman air muka dan mengangkat air muka individu lain (ibid., 1989).

Kadangkala, pujian bukan sahaja digunakan untuk mengangkat orang lain (*flattery*), malahan berfungsi sebagai perilaku untuk permintaan (dipetik daripada Mursy dan Wilson, 2001). Ini terbukti dalam kajian yang dijalankan oleh Mursy dan Wilson (2001) berkaitan dengan kata-kata pujian bahasa Arab, Mesir. Sehubungan dengan itu, mereka membangkitkan persoalan kesukaran menentukan keikhlasan terhadap ujaran pujian.

Secara keseluruhannya, fungsi pujian dipengaruhi oleh komuniti penutur dan konteks penggunaan. Menggembirakan individu dalam perbualan merupakan fungsi utama bagi tingkah laku memuji dalam budaya barat dan timur (Wu, 2005). Selain itu, pujian juga dapat mengeratkan hubungan atau memperkuatkan solidariti. Seterusnya, ia membantu kewujudan persefahaman antara satu sama lain semasa berinteraksi dalam situasi atau konteks yang tertentu. Bagi konteks pendidikan pula, kata-kata pujian dilafazkan supaya murid-murid mengulangi perilaku yang positif, meningkatkan semangat belajar dan membentuk sahsiah yang cemerlang. Walau bagaimanapun, fungsi memperalatkan individu hanya wujud dalam masyarakat timur.

### **2.8.5 Topik Pujian**

Kajian-kajian lepas menjelaskan bahawa topik pujian terbahagi kepada dua kategori iaitu perwatakan (*appearance*) dan keupayaan (*ability*) (Wolfson, 1983). Kedua-dua

topik tersebut paling popular dan kerap diutarakan dalam pujian bahasa Inggeris. Sehubungan dengan itu, penampilan wanita selalu menjadi tumpuan dan dipuji dalam masyarakat Amerika Syarikat, tanpa mengira faktor umur, status sosial dan pekerjaan (Wolfson, 1989; Cui, 2007). Oleh yang demikian, kaum wanita sentiasa dipuji oleh sesiapa pun pada bila-bila masa dan tempat (*ibid.*).

Selain daripada perwatakan, keupayaan dan prestasi, harta benda dan ciri-ciri personaliti seperti keramahan juga menjadi topik pujian dalam bahasa Inggeris, New Zealand (Holmes dan Brown, 1987; Nelson *et al.*, 1996a). Walau bagaimanapun, perwatakan dan keupayaan seseorang masih menyumbang peratusan yang paling tinggi, iaitu merangkumi kira-kira 70 peratus daripada data keseluruhan kajian yang dijalankan oleh Holmes dan Brown (1987). Di samping itu, Knapp *et al.* juga membuktikan bahawa perwatakan dan pakaian (*attire*) merupakan topik pujian yang diminati, diikuti dengan prestasi, personaliti dan harta benda (1984). Justeru, hasil kajian Wolfson (1983) diperkuuhkan lagi melalui penemuan Holmes dan Brown (1987) dan Knapp *et al.* (1984).

Lewandowske-Tomszaczky (1989) meninjau pujian dalam bahasa Poland mendapati bahawa pemberi pujian dari latar belakang akademik dan kelas menengah lebih cenderung memuji mengenai penampilan, pemilikan benda dan perkara yang berkaitan dengan penerima seperti keluarga, sahabat, harta dan pekerjaan (1989). Herbert (1991) juga melihat perbezaan tingkah laku memberi pujian dalam bahasa Poland. Namun, Herbert mendapati bahawa penghargaan ditumpukan atas pemilikan penerima, terutamanya harta benda baru (1991). Penemuan ini bukan sahaja berbeza dengan

dapatkan kajian Lewandowske-Tomszaczky (1989), malahan memperlengkapkan lagi terhadap kajian-kajian lepas dalam konteks barat.

Hasil penyelidikan pada pujian dalam bahasa Arab, Mesir menunjukkan bahawa penampilan, ciri-ciri personaliti dan kemahiran adalah topik pujian yang paling lazim. Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Achugar (2001) meneroka penggunaan *piropos* di dunia bahasa Sepanyol menunjukkan sedikit perbezaan. Topik *piropos* dalam bahasa Sepanyol lebih berkaitan dengan makanan, kegiatan, adab dan ketuhanan.

Dalam budaya Cina pula, penutur lebih cenderung menyampaikan pujian atas prestasi (Daikuahara, 1986) atau penampilan (Ye, 1995). Dapatan kajian Yuan (2002) tidak sejajar dengan hasil kajian Ye (1995), kerana keupayaan, harta benda, kanak-kanak dan pakaian adalah topik pujian yang popular dalam bahasa Cina, Kunming.

Di Malaysia, topik yang disampaikan kekaguman dan penghargaan adalah berlainan dengan pujian dalam bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Kasut baru, dandan rambut, penampilan peribadi, kebolehan memasak, pemilikan dan kanak-kanak dianggap sebagai topik-topik yang sesuai untuk pujian dalam bahasa Melayu (Akmar Mohamad, 2000).

Kesimpulanya, sebahagian besar daripada pujian tergolong dalam topik tertentu secara meluas, seperti ciri-ciri personaliti, pemilikan harta benda, anak, kebolehan atau prestasi dan perwatakan (Holmes, 1988; Herbert, 1989; Wolson, 1989). Berbanding dengan barat, pujian dalam bahasa Cina lebih ditumpukan kepada prestasi atau keupayaan individu (Ye, 1995).

## **2.8.6 Formula Pujian**

Pujian merupakan lakuhan bahasa yang berformula penuh berstruktur (Manes dan Wolfsan, 1981; Holmes, 1988). Pujian dicerminkan melalui tiga aspek iaitu pembentukan leksikal yang bersemantik positif, pemilihan subjek dalam ayat dan pola sintaksis yang terhad (Zhang, 2007). Formula tersebut dapat disesuaikan dengan mudah bagi pelbagai keadaan yang memerlukan atau menginginkan ulasan yang menggalakkan.

### **2.8.6.1 Pemilihan Leksikal Pujian**

Dari segi pemilihan leksikal yang bersemantik positif, kebanyakan pujian tergolong dalam julat kata yang sangat terbatas (Akmar Mohamad, 2000).

Dalam kajian pujian dalam bahasa Inggeris, Wolfson (1983) mendapati bahawa *nice*, *good*, *pretty*, *beautiful* dan *great* adalah lima penilaian positif bersifat adjektif yang paling kerap digunakan. Analisis kajian Ye juga membuktikan bahawa kata adjektif, kata kerja dan kata adverba paling kerap digunakan selaku pembawa semantik positif bagi pujian dalam bahasa Cina (1995). Hasil kajian Ye (1995) menyokong penemuan kajian Wolfson (1983). Walau bagaimanapun, Wolfson (1983) berpendapat bahawa kelima-lima kata adjektif pada asasnya hanya digunakan dalam pujian. Ini adalah kerana kata adjektif *nice* dan *good* mempunyai medan semantik yang lemah (*weak semantic load*).

Holmes (1986) juga mendapati bahawa sebahagian besar daripada pujian merangkumi medan semantik yang terhad. Jadual 2.1 memaparkan senarai kata adjektif yang disampaikan dalam pujian (Holmes, 1986).

Jadual 2.1: Kekerapan Penggunaan Kata Adjektif dalam Pujian (Holmes, 1986)

Kata Adjektif	Bilangan	Kata Adjektif	Bilangan
<i>nice</i>	100	<i>not bad</i>	5
<i>good</i>	60	<i>clever</i>	5
<i>lovely</i>	42	<i>bright</i>	5
<i>beautiful</i>	34	<i>brilliant</i>	4
<i>great</i>	25	<i>excellent</i>	3
<i>neat</i>	17	<i>fantastic</i>	3
<i>wonderful</i>	13	<i>fine</i>	3
<i>delicious</i>	11	<i>cute</i>	3
<i>pretty</i>	10	<i>classy</i>	2
<i>new</i>	8	<i>cool</i>	2
<i>smart</i>	8	<i>impressive</i>	2
<i>gorgeous</i>	6		

Bagi kajian pujian dalam bahasa Jepun yang dilakukan oleh Daikuhara (1986) juga menemukan dapatan yang serupa dengan Manes dan Wolfson (1981), iaitu kata adjektif memaparkan peratusan yang paling tinggi. Kata adjektif yang paling kerap digunakan dalam pujian bahasa Jepun adalah ‘ii’ (*nice / good*), ‘sugoi’ (*great*), ‘kirei’ (*beautiful / clean*), ‘kawaii’ (*pretty / cute*), ‘oishii’ (*good / delicious*), dan ‘erai (*great / diligent*).

Akmar Mohamad (2000) juga membuktikan bahawa pujian dalam bahasa Melayu bergantung kepada suatu kata adjektif untuk menyatakan penilaian positif. Terdapat lima kata adjektif yang digunakan secara kerap iaitu cantik, sedap, lawa, baik dan *smart*. Kelima-lima kata adjektif tersebut merangkumi tiga perempat daripada semua kata adjektif yang digunakan dalam kajian beliau (2000). Dapatan ini sejajar dengan hasil kajian Wolfson (1983), yang menjelaskan penggunaan kata adjektif dalam pujian menunjukkan kekerapan yang paling tinggi berbanding dengan golongan kata lain. Selain daripada kata adjektif, dua kata kerja yang paling popular dipilih oleh penutur semasa memuji ialah *love* dan *like* (Wolfson, 1983). Holmes (1986) juga mendapati

bahawa kata kerja seperti *like*, *love*, *enjoy*, *admire* dan *be impressed by* juga disampaikan semasa memuji. Justeru, Holmes (1989) mengatakan bahawa:

*“One cannot avoid the conclusion that there are remarkable regularities in compliment behaviour which appears to extend across communication.”*

Yuan (2002) pula menegaskan bahawa dapatan berkenaan membentuk satu perbezaan yang ketara dengan bahasa Inggeris, Amerika Syarikat yang menekankan penggunaan kata kerja. Ini adalah kerana tingkah laku memuji dalam bahasa Cina mempunyai ciri-ciri yang tertentu.

Kata-kata adverba juga digunakan dalam pembentukan kata-kata pujian eksplisit dan implisit (Ye, 1995; Cui, 2007; Zhang, 2007). Bagi pujian dalam penulisan pula, Johnson dan Roen (1992) memaklumkan bahawa wanita lebih kerap menggunakan kata adverba (*intensifiers*) seperti *really*, *very*, dan *particularly* daripada lelaki. Pendapat Johnson dan Roen (1992) disokong oleh Cui (2007), yang menyatakan bahawa penutur wanita selalu menggunakan kata adverba seperti *tremendously*, *wonderfully*, *really* dan lain-lain. Ini adalah kerana bahasa wanita wujud sifat-sifat kurang keyakinan. Siat kurang keyakinan ini adalah kerana status surbodinat kaum wanita dalam masyarakat. Sebaliknya, penutur lelaki lebih gemar memilih kata penguat, misalnya *utterly*, *completely*, *absolutely* dan sebagainya (Cui, 2007). Penggunaan kata penguat tersebut adalah kerana dominasi yang ditunjukkan oleh golongan lelaki dalam suatu perbualan adalah seiring dengan pengaruh dan kedudukan mereka di dalam masyarakat (Gumperz, 1982). Tambahan pula, kaum lelaki seringkali bersaing apabila berinteraksi dengan individu lain untuk menunjukkan kuasanya.

Zhang (2007) juga menemui dapatan yang sejajar dengan Johnson dan Roen (1992), yang menyatakan bahawa kebanyakannya pujian dalam bahasa Cina mengandungi kata adverba. Secara umumnya, pembentukan kata-kata pujian melalui gabungan kata adverba dengan kata adjektif, kata kerja, kata nama dan frasa sendi nama untuk menyatakan semantik yang positif. Kata adverba 真 (zhēn / memang) dan 挺 (tǐng / sangat) menunjukkan kekerapan penggunaan yang tinggi dalam kajian Zhang (2007). Walau bagaimanapun, faktor gender mempengaruhi pemilihan kata adverba yang berbeza untuk melafazkan kata-kata pujian.

Menurut Manes dan Wolfson (1981), kata penguat tidak sekali-kali merupakan unsur yang diperlukan dalam struktur formula pujian, namun kata penguat muncul dengan kerap sehingga diandaikan sebagai suatu aspek yang lazim dalam ujaran penghargaan atau penilaian positif. Sehubungan dengan itu, kata adverba seperti *well* didapati paling lazim digunakan dalam kajian Wolfson (1983). Akmar Mohamad (2000) juga mendapati bahawa penutur bahasa Melayu agak lazim menggunakan kata penguat seperti ‘sungguh’ dalam pujian.

Selain kata adjektif dan kata kerja, penggunaan kata nama yang membawa semantik positif jarang disebut dalam kajian-kajian lepas pujian, seperti yang dilaporkan dalam kajian Ye (1995), Sun (2002) dan Zhang (2007). Kata nama yang paling kerap digunakan dalam kajian Sun (2002) adalah 两下子 (liǎng xià zi / *some know-how*), 风范 (fēngfàn / *manner*) dan 功底 (gōngdǐ / *grounding*). Menurut Zhang (2007) pula, kata nama yang digunakan dalam pujian bahasa Cina adalah seperti 天才 (tiāncái / cerdik

pandai), 女强人 (nǚ qiáng rén / wanita yang berkaliber) dan 大英雄 (dà yīngxióng / wira).

Dirumuskan bahawa pujian adalah lakuan pertuturan yang penuh berstruktur formula. Ye (1995) juga mengulaskan bahawa lakuan pertuturan memuji mungkin menjadi perkara yang rutin dalam budaya yang berlainan. Di samping itu, kata adjektif dan kata kerja dipilih dalam pujian bahasa Inggeris dan bahasa Cina, namun kata nama lebih kerap digunakan dalam kata-kata pujian bahasa Cina.

#### **2.8.6.2 Pemilihan Subjek dalam Ayat**

Kajian-kajian lepas pujian dalam bahasa Inggeris terbukti bahawa kekerapan penggunaan kata ganti nama pertama paling tinggi (Zhang, 2007), dengan merangkumi satu pertiga daripada keseluruhan. Namun, penyelidikan pujian dalam konteks timur memaparkan penemuan yang berbeza.

Zhang (2007) telah mengklasifikasi subjek yang wujud dalam ujaran pujian kepada tiga kategori. Kategori pertama menggunakan kata ganti nama pertama iaitu 我 (wǒ / saya) sebagai subjek ketika menyampaikan penilaian positif. Seterusnya, kategori yang kedua terdiri daripada kata ganti nama kedua 你 (nǐ/ awak atau anda). Akhirnya, kategori ganti nama bukan manusia merujuk kepada tidak menggunakan sebarang kata ganti nama manusia atau tiada subjek semasa mengujarkan kekaguman kepada penerima pujian seperti dipaparkan dalam Jadual 2.2.

Jadual 2.2: Klasifikasi Kata Ganti Nama oleh Zhang (2007)

<b>Bil</b>	<b>Klasifikasi Kata Ganti Nama (Zhang, 2007)</b>	<b>Contoh</b>
1	Kata ganti nama pertama	<i>I like your new suit!</i>
2	Kata ganti nama kedua	<i>You played very well in the football match.</i>
3	Kata ganti nama bukan manusia atau tiada subjek	<i>It is a beautiful!</i> <i>What an unusual necklace!</i>

Zuo (1988) menyatakan bahawa pujian dalam bahasa Cina jarang menggunakan kata ganti nama pertama sebagai subjek. Kajian yang dilaksanakan oleh Li dan Feng (2000) membuktikan bahawa pemilihan kata ganti kedua bagi pujian dalam bahasa Cina menyumbang peratusan yang tinggi, iaitu sebanyak 64.11%, sebaliknya penggunaan kata ganti pertama hanya 3.7%.

Pendapat Zuo (1988) mendapat sokongan daripada Herbert (1990), Cui, 2007 dan Zhang (2007) yang menyatakan bahawa kaum wanita lebih kerap memilih kata ganti nama pertama. Bagi kaum lelaki jarang menggunakan kata ganti nama pertama sebagai subjek, sebaliknya mereka lebih cenderung menggunakan sebarang kata ganti nama bukan manusia atau tiada subjek semasa mengujarkan kekaguman kepada individu lain (Cui, 2007).

### **2.8.6.3 Pola Sintaksis Pujian**

Ahli linguistik seperti Wolfson (1981), Manes(1983), Herbert (1989) dan Holmes (1986) telah banyak menyumbang kepada pemahaman pujian dalam bahasa Inggeris di Amerika Syarikat dan New Zealand. Mereka mendapati bahawa pujian merupakan formula yang penuh.

Wolfson dan Manes (1981) mengkaji tingkah laku linguistik memuji berdasarkan data perbualan harian bahasa Inggeris, Amerika Syarikat. Mereka telah mengemukakan corak formula memuji yang komprehensif di peringkat nahu dan semantik. Hasil kajian mereka (1981) membuktikan bahawa majoriti daripada pujian yang berlaku secara semula jadi terbahagi kepada sembilan jenis formula tatabahasa utama seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.3.

Jadual 2.3: Pola Sintaksis oleh Wolfson dan Manes (1981)

Bil	Pola Sintaksis Wolfson dan Manes (1981)	Contoh
1	<i>NP (is, looks) (really) ADJ (PP)</i>	<i>Your cell phone is very fashionable.</i>
2	<i>I (really) (like, love) NP</i>	<i>I love your new pairs of glasses.</i>
3	<i>PRO is (really) (a) (ADJ) NP</i>	<i>You are really a good teacher.</i>
4	<i>You V(a) (really) ADJ NP</i>	<i>You did a good job.</i>
5	<i>You V(NP) (really) ADV (PP)</i>	<i>You cook really deliciously.</i>
6	<i>You have (a) (really) ADJ NP</i>	<i>You have such an attractive figure.</i>
7	<i>What (a) (ADJ) NP!</i>	<i>What a great job you did!</i>
8	<i>ADJ (NP)!</i>	<i>Good job!</i>
9	<i>Isn't NP ADJ!</i>	<i>Isn't your courage praiseworthy!</i>

NP: Noun Phrase; PRO: Pronoun; ADJ: Adjective; ADV: Adverb

Ketiga-tiga pola sintaksis, iaitu *NP (is, looks) (really) ADJ (PP)*, *I (really) (like, love) NP* dan *PRO is (really) (a) (ADJ) NP* merangkumi sebanyak 85% daripada semua pujian yang dikumpul. Menurut Wolfson dan Manes (1981), tiga pola sintaksis yang utama bukan sahaja melibatkan penilaian positif, tetapi juga merangkumi item leksikal tertentu dalam perilaku pujian.

Holmes (1986) juga mendapati bahawa pujian merupakan struktur yang berformula dari segi pola sintaksis. Jadual 2.4 memaparkan pola sintaksis pujian yang dijumpai dalam kajian Holmes (1986).

Jadual 2.4: Pola Sintaksis Pujian oleh Holmes (1986)

Bil	Pola Sintaksis Pujian oleh Holmes (1986)	Contoh
1	<i>NP Be (INT) ADJ</i>	<i>Your hair is really great</i>
2	<i>Be looking</i>	<i>You're looking terrific</i>
3	<i>I (INT) like NP</i>	<i>I simply love that skirt</i>
4	<i>PRO Be a (INT) ADJ NP</i>	<i>That's a very nice coat</i>
5	<i>PRO Be (INT) (a) ADJ NP</i>	<i>That's really great juice</i>
6	<i>(INT) ADJ NP</i>	<i>Really cool ear-rings</i>

NP: Noun Phrase; Be: Verb; PRO: Pronoun; ADJ: Adjective; INT: Intensifier

Dalam konteks timur, Jia (1997) meninjau pola sintaksis dalam pujian bahasa Cina. Beliau mendapati bahawa terdapat tiga struktur ayat yang popular semasa memberikan pujian kepada individu lain. Jadual 2.5 memaparkan hasil kajian Jia (1997) yang berkaitan dengan struktur sintaksis pujian dalam bahasa Cina.

Jadual 2.5: Pola Sintaksis Pujian dalam Bahasa Cina oleh Jia (1997)

Bil	Pola Sintaksis Pujian Jia (1997)	Contoh
1	(KGN) FN (K ADV) ADJ.	nǐdezhèijiànyángmáoshānzhēnpào 你的这件羊毛衫真漂亮! Baju panas anda amat cantik!
2	(KGN) KK (PB) FN (K ADV) ADJ.	nǐchuānzhèjiànjiákèzhēnpàolia 你穿这件夹克真漂亮。 Anda memakai kot ini benar-benar indah.
3	(KGN) KK FN (K ADV) ADJ.	nǐzuòdegōngzuòzhēnhǎo 你做的工作真好。 Anda menjalankan tugas dengan bagus.

KGN : Kata ganti nama, KK: Kata Kerja, FN : Frasa nama, K ADV : Kata Adverba, ADJ : Kata adjektif

Bagi kajian yang dilaksanakan oleh Wang (2003) pula mendapati bahawa terdapat tujuh pola sintaksis yang utama bagi pujian dalam bahasa Cina, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.6.

Jadual 2.6: Pola Sintaksis Pujian dalam Bahasa Cina oleh Wang (2003)

Jenis	Pola Sintaksis Wang ( 2003)	Contoh
Pujian Eksplisit Adjektif	(Your) NP (ADV) ADJ (Part)	nǐdepífūyuèláiyuèhǎolā 你的皮肤越来越 好 啦! (Your complexion becomes better. )
	(You) ADV ADJ!	nǐzhēnnénggàn 你 真 能 干。 (You are really able. )
	You V ADJ NP	ā chuānpiàoliangyīfule 啊! 穿 漂 亮 衣服 了。 (Oh ! You have pretty clothes on. )
Pujian Eksplisit Adverba	You V NP (ADJ) ADV (Part)	nǐduìpéngyouzhēndehěnhǎo 你 对 朋 友 真 的 很 好。 (You treat friends so well. )
	(You) V ADV ADV (Part)!	nǐpǎodézhēnkuài 你 跑 得 真 快 ! (You run so fast!)
Pujian Eksplisit Nominal	You be/ have NP	nǐzhēnshìgètiāncái 你 真 是 个 天 才 ! (You are really a genius.)
Pujian Eksplisit Kata Kerja	I like (your) NP	wǒtǐngxǐhuānnǐzhègebēizi 我 挺 喜 欢 你 这 个 杯 子。 (I like your cup very much.)
Pujian Implisit	--	wǒkāishíjuédenǐzhēndeshìshuāng 我 开 始 觉 得 你 真 的 是 双 yúzuòdenánshēngle 鱼 座 的 男 生 了。 (Now I begin to feel that you are the boy of the Pisces.)

NP: Noun Phrase; V: Verb; ADJ: Adjective; ADV: Adverb; Part: Particle

Wang (2003) juga mendapati bahawa pujian eksplisit adjektif merangkumi 50% pola sintaksis yang digunakan, iaitu pola sintaksis (Your) NP (ADV) ADJ (Part), (You) ADV ADJ! dan You V ADJ NP, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.6. Selain itu, beliau

juga menjelaskan bahawa pola sintaksis bagi pujian eksplisit adverb adalah *You V ADJ NP* dan *You V NP (ADJ) ADV (Part)*. Seterusnya, pola sintaksis *You be / have NP adalah* pola sintaksis bagi pujian eksplisit nominal, manakala *I like (your) NP* merupakan pola sintaksis bagi pujian eksplisit kata kerja. Di samping itu, dapatkan kajian Wang (2003) didapati bahawa pujian secara implisit tidak mempunyai pola sintaksis yang tetap.

Akmar Mohamad (2000) mengkaji tentang pujian dalam kalangan bahasa Melayu dengan menggunakan suatu korpus yang mengandungi dua ratus empat puluh pujian. Beliau mengumpul data melalui soal selidik terbuka. Soal selidik berkenaan telah direka untuk memaparkan situasi pujian yang dianggap sesuai. Hasil kajian mendapati bahawa pujian dalam bahasa Melayu berformula sifatnya dan selaras dengan sebilangan kecil pola yang dapat dikenal pasti dengan mudah (2000). Dapatkan kajian beliau menunjukkan terdapat tujuh jenis pola sintaksis seperti di Jadual 2.7.

Jadual 2.7a: Pola Sintaksis Pujian oleh Akmar Mohamad (2000)

<b>Bil</b>	<b>Pola Sintaksis Pujian Akmar Mohamad (2000)</b>	<b>Contoh</b>
1	ADJ (KGN) FN	Cantik rambut itu. Cantiknya baju.
2	ADJ (PGT) FN	Lawalah kasut awak. Baik sungguh anak-anak awak!
3	ADJ (PGT)	Sedap! Sedap betul!
4	FN (KGN) ADJ	Rambut baru! <i>Desigannya</i> cantik!
5	FK ADJ atau ADJ FK	Segak Nampak. Nampak <i>smart</i> !
6	ADJ FN FK	Pandai kamu memasak.
7	ADJ (PGT) FN FK FN	Beruntunglah awak mempunyai anak-anak yang baik.

ADJ: Kata adjektif, KGN: kata ganti nama, PGT: penguat, FN: frasa nama, FK: frasa kerja

Dalam kajian Akmar Mohamad (2000), beliau juga mendapati bahawa terdapat dua lagi struktur yang tidak mempunyai pola sintaksis tertentu. Walau bagaimanapun, pola tersebut dapat dikategorikan dalam dua jenis struktur seperti berikut:

Jadual 2.7b: Pola Sintaksis Pujian oleh Akmar Mohamad (2000)

<b>Bil</b>	<b>Pola Sintaksis Pujian Akmar Mohamad (2000)</b>	<b>Contoh</b>
8	Pujian yang telah distrukturkan dalam bentuk soalan.	Ada apa-apa hal lawa sangat hari ini?
9	Pujian tidak langsung.	Macam nilah baru kena!

Pujian tidak langsung yang didapati muncul dalam pelbagai bentuk. Oleh yang demikian, untuk menginterpretasi maksud penutur, bentuk pujian tidak langsung

memerlukan beberapa petunjuk mengikut konteks. Misalnya ‘Macam nilah baru kena!’, ‘nilah’ dalam ujaran pujian merujuk kepada potongan rambut yang membuatkan penerima tutur nampak kemas dan menarik.

### **2.8.7 Pujian dan Status**

Interaksi interpersonal merangkumi dan mencerminkan pelbagai perhubungan antara penutur iaitu perhubungan simetri (*symmetric*) dan asimetri (*asymmetric*). Perhubungan simetri (*symmetric*) merujuk kepada kedudukan antara penutur dengan penutur lain adalah sama rata. Selain itu, hubungan asimetri (*asymmetric*) menunjukkan salah seorang penutur mempunyai status lebih tinggi daripada penutur lain. Justeru, status dan gender penutur dalam suatu interaksi akan mempengaruhi kekerapan pujian yang realisasikan (Prabhalini, 2006). Holmes (1988) membuktikan bahawa kebanyakan kata-kata penilaian positif diujarkan kepada penerima pujian yang mempunyai status simetri atau sama rata. Manes dan wolfson (1981) dan Knapp *et al.* juga menyokong pendapat Holmes (1988).

### **2.8.8 Pujian dan Gender**

Dalam menganalisis 484 pujian, Holmes (1995) mencatatkan bahawa wanita memberi dan menerima pujian lebih banyak daripada lelaki. Kaum wanita memberi 68% pujian dan menerima 74% daripada keseluruhan korpus kajian. Sebaliknya, pujian yang disampaikan oleh lelaki agak jarang berlaku, iaitu hanya 9%. Kajian yang dijalankan Wolfson (1983) dan Herbert (1990) terhadap tingkah laku memuji dalam bahasa Inggeris Amerika Syarikat, Lewandowska-Tomaszczyk (1989) yang meninjau penggunaan pujian dalam bahasa Poland, serta Johnson dan Roen (1992) yang mengkaji penghargaan dan kekaguman dalam ulasan penulisan turut mendedahkan hasil kajian

yang sama. Tambahan pula, kajian oleh Manes dan Wolfson (1981) dan Wolfson (1983) menunjukkan bahawa sebahagian besar pujian, terutamanya perwatakan dan harta benda, diberi dan diterima oleh kaum wanita berbanding dengan kaum lelaki.

Holmes (1988) dan Herbert (1990) juga mendapati bahawa wanita dan lelaki mempunyai persepsi yang berbeza mengenai pujian. Kaum wanita menggunakan perkataan-perkataan yang mengandungi semantik positif untuk meningkatkan fungsi pujian. Di samping itu, kaum wanita menyampaikan pujian demi mewujudkan atau memartabatkan solidariti (Holmes, 1988). Sebaliknya, kaum lelaki menganggap lakuan bahasa memuji sebagai tingkah laku yang mengancam air muka (Holmes, 1988). Oleh itu, kaum lelaki melihat pujian semata-mata untuk menyampaikan dan menyatakan penilaian positif kepada individu lain, terutamanya di tempat-tempat kerja (Herbert, 1990). Justeru, kaum lelaki memilih jenis pujian dan memberi respon pujian yang berbeza mengikut peranan dalam sesuatu interaksi (Herbert, 1990).

Kajian yang dijalankan oleh Achugar (2001) meneroka penggunaan *piropos* yang dilihat sebagai pujian di dunia bahasa Sepanyol. Achugar (2001) menganalisis penggunaan *piropos* dengan mengambil kira faktor gender dalam lakuan bahasa, kekangan konteks dan formula khusus untuk melaksanakan *piropos*. Keputusan analisis Achugar (2001) menunjukkan bahawa topik *piropos* lebih memfokus kepada makanan, kegiatan, adab dan ketuhanan. Beliau juga mendapati bahawa penggunaan *piropos* lebih menyinggung perasaan kaum wanita berbanding dengan kaum lelaki. Di samping itu, Achugar (2001) juga melihat perhubungan antara bahasa dengan pelaksanaan *piropos* oleh kaum lelaki.

Penyelidikan yang dikendalikan oleh Mojica (2002) dalam kalangan pelajar kolej di Filipina juga menyokong dapatan penyelidik kajian-kaian lepas. Keputusan data Mojica juga menunjukkan bahawa majoriti pujian, termasuk pujian atas penampilan, harta benda, pencapaian dan ciri-ciri personaliti yang diberikan dalam kalangan penutur wanita. Mojica (2002) juga mendapati bahawa kebanyakan pujian yang telah diujarkan oleh wanita untuk ahli-ahli sama gender (2002). Tambahan pula, kekerapan penutur wanita menyampaikan penilaian positif kepada kaum lelaki adalah lebih tinggi daripada penutur lelaki memuji sama ada kaum lelaki atau kaum wanita (Holmes, 1995).

Bagi masyarakat timur, Ye (1995) meninjau penggunaan pujian dalam bahasa Cina dan respon pujian yang diberikan oleh wanita dan lelaki. Beliau mendapati bahawa kaum wanita lebih ketara menggunakan pujian eksplisit dan pujian implisit. Sebaliknya, kaum lelaki lebih cenderung memilih strategi tidak memberi pujian dan respon. Walau bagaimanapun, hasil kajian Quan (2004) adalah berbeza dengan dapatan Ye (1995). Hasil kajian Quan (2004) menunjukkan bahawa kaum wanita lebih ketara menyampaikan penilaian positif secara eksplisit daripada kaum lelaki, manakala kaum lelaki lebih cenderung memilih pujian implisit, tidak memberikan pujian dan tidak memberi respon.

Kajian-kajian lepas mengenai pujian yang dijalankan sama ada dalam budaya barat atau budaya timur mempunyai satu persamaan, iaitu kebanyakan pujian diujarkan oleh atau ditujukan kepada penutur wanita dan bukannya kaum lelaki (Manes dan Wolfson, 1981; Wolfson, 1983; Holmes, 1986, 1988). Kita melihat bahawa pengagihan pujian menunjukkan bahawa penutur wanita menerima dan memberi lebih banyak pujian

daripada kaum lelaki, terutama pada penampilan. Berikut adalah dapatan penting yang disimpulkan daripada kajian ke atas pujian bahasa Inggeris, New Zealand (1988):

- i. Wanita menggunakan pujian antara satu sama lain dengan ketara lebih kerap daripada apa yang mereka lakukan untuk lelaki atau lelaki untuk melakukan antara satu sama lain.
- ii. Wanita ketara lebih kerap menggunakan bentuk sintaktik yang menguatkan daya positif pujian daripada lelaki, manakala lelaki ketara lebih cenderung menggunakan bentuk sintaktik yang melemah kuasa pada pujian berbanding dengan wanita.
- iii. Wanita lebih kerap memuji pada penampilan antara satu sama lain daripada mana-mana topik lain. Bagi wanita, penampilan merupakan satu topik yang umumnya dianggap paling sesuai antara kawan-kawan dan rakan karib. Ini adalah kerana topik penampilan , kurangnya mengancam, yang paling 'tanpa sebab' dan paling berorientasikan lain.
- iv. Wanita yang berstatus dan kedudukan tinggi lebih cenderung menerima pujian daripada lelaki berstatus tinggi. Ini menunjukkan bahawa pemberi pujian (*complimenter*) atau penutur menyedari risiko yang tidak menyenangkan lelaki berstatus tinggi dengan lakuhan mengancam air muka.

Ternyata, penutur wanita lebih ketara memberi dan menerima pujian daripada penutur lelaki (Holmes, 1988). Sehubungan dengan itu, fungsi-fungsi pujian dipengaruhi oleh faktor gender.

### **2.8.9 Pujian dalam Bahasa Cina**

Berbanding dengan penyelidikan dalam bahasa Inggeris, penerokaan kajian-kajian penggunaan kata-kata puji dalam bahasa Cina agak lambat dan terhad. Pada tahun 1990-an, puji dalam bahasa Cina mulai mendapat perhatian para penyelidik timur, terutamanya di negara China. Mereka terdiri daripada Ye (1995) yang mengkaji strategi puji dan respon puji, Jia (1997) meninjau pemilihan leksikal dan pola struktur sintaksis dalam puji, Li (2002) yang melihat strategi membala respon, Wei (2001), Feng (2003) dan Quan (2004) melihat penggunaan kata puji dalam bahasa Cina dalam konteks timur. Kajian-kajian lepas membuktikan bahawa puji dalam bahasa Cina sangat berbeza berbanding dengan bahasa-bahasa lain dari aspek bentuk dan penggunaannya (Zuo, 1988; Chen, 1993; Ye, 1995; Zou, 1990; He, 1995; Guo, 1996; Li, 2000; Shi, 2000).

Dalam kalangan penyelidik timur, hasil kajian yang diperoleh oleh Ye (1995) memberikan impak yang amat besar dalam kajian puji BC. Ye (1995) menggunakan pendekatan soal selidik iaitu *Discourse Complextion Test* untuk mengumpul data-data kajian. Soal selidik *Discourse Complextion Test* direka bentuk mengikut kajian pragmatik merentasi budaya dan interlingual yang digunakan secara meluas dan responden kajian dikehendaki menyelesaikan dialog berasaskan situasi (Zhang, 2007). Ye (1995) membahagikan soal selidik *Discourse Completion Test* kepada empat bahagian iaitu kumpulan intragender, kumpulan intergender, topik perwatakan dan prestasi atau kebolehan untuk meninjau perhubungan gender dengan penggunaan puji dan respon puji dalam konteks timur. Model kajian beliau diaplikasi secara meluas oleh bakal penyelidik-penyelidik.

Hasil kajian Ye (1995) menunjukkan bahawa kaum wanita lebih ketara menyampaikan pujian secara eksplisit dan implisit, manakala kaum lelaki lebih cenderung tidak memberikan pujian dan respon. Bagi respon pujian pula, menerima pujian dan strategi memperuntukkan maklumat tambahan terhadap pemilikan amat digemari oleh kaum wanita apabila dipuji. Sebaliknya, kaum lelaki lebih cenderung menolak atau tidak memberikan respon kepada kata-kata pujian yang disampaikan oleh penutur lain dalam interaksi (Ye, 1995).

Jia (1997) pula memfokuskan perhatian terhadap pemilihan leksikal dan pola sintaksis pujian dalam bahasa Cina. Responden kajian terdiri daripada sekumpulan murid yang pernah mempelajari bahasa Inggeris dan sekumpulan murid yang lain tidak pernah belajar bahasa Inggeris. Beliau menyatakan bahawa tidak kira dalam bahasa Inggeris atau bahasa Cina, penutur wanita lebih cenderung menggunakan kata ganti nama pertama dan kedua semasa memuji. Sebaliknya, kata ganti nama ketiga atau kata ganti untuk objek merupakan pemilihan golongan kata yang popular oleh penutur lelaki berbanding dengan wanita.

Hasil kajian Jia (1997) juga mendedahkan bahawa fungsi pujian dalam bahasa Cina dan bahasa Inggeris adalah berlainan. Menggembirakan individu, menghayati sesuatu dan mempergunakan orang lain adalah tujuan ujaran kata-kata pujian dalam bahasa Cina. Selain itu, memuji penampilan wanita dianggap perkara yang kurang sopan di konteks timur (Jia, 1997). Fenomena ini tidak selari dengan hasil kajian Wolfson (1983) dalam pujian bahasa Inggeris.

Wei (1998) mengutip maklumat kajian pujian dalam bahasa Cina melalui kaedah pemerhatian peserta. Dapatan beliau menunjukkan bahawa wanita dan lelaki berbeza dalam topik pujian. Kaum wanita lebih ketara mengujarkan kata-kata pujian terhadap fesyen, perwatakan dan sebagainya, manakala kaum lelaki lebih menumpukan fokus pada topik prestasi dan kebolehan. Selain itu, hasil kajian Wei (1998) mendapati bahawa pola sintaksis pujian yang digunakan oleh lelaki dan wanita tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Penemuan kajian beliau tidak selari dengan hasil kajian Jia (1997).

Keputusan statistik yang diperoleh oleh Sun (2002) menunjukkan bahawa wujud perbezaan yang signifikan antara lelaki dan wanita dalam kebanyakan item. Kaum wanita lebih banyak menggunakan pujian eksplisit (Quan, 2004) daripada lelaki, manakala kaum lelaki lebih cenderung menggunakan pujian implisit, tidak memberi pujian dan tidak memberi respon berbanding wanita.

Lelaki dan wanita didapati menunjukkan perbezaan bagi bentuk formula pujian. Penutur lelaki lebih popular memilih kata nama daripada wanita, manakala penutur wanita lebih ketara menggunakan kata adjektif semasa mengujarkan pujian. Walau bagaimanapun, penggunaan kata kerja dan kata adverba antara lelaki dan wanita tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan (Sun, 2002). Di samping itu, kaum lelaki dan wanita juga menunjukkan perbezaan yang ketara dalam menggunakan strategi tindak balas pujian. Wanita lebih banyak menerima pujian berbanding dengan lelaki, sebaliknya lelaki pula lebih cenderung menafikan kata-kata pujian (Sun, 2002).

Feng (2003) dan Quan (2004) masing-masing melihat penggunaan pujian dan respon pujian dalam bahasa Cina oleh pelajar universiti. Kajian kedua-dua pengkaji mengambil kira pengaruh faktor sosial seperti gender, status dan hubungan sosial. Data-data kajian mereka dikumpulkan melalui soal selidik *Discourse Completion Test* yang diadaptasi daripada kajian Ye (1995).

Dalam kajian Feng (2003) mendapati bahawa wanita bukan sahaja cenderung menyampaikan kekaguman kepada seseorang, mereka juga lebih kerap mendapatkan pujian daripada orang lain. Penemuan Feng sejajar dengan dapatan kajian Wolfson (1983). Seterusnya, bagi respon pujian, wanita lebih gemar memilih strategi gabungan respon apabila menerima kata-kata pujian daripada individu, manakala lelaki lebih kerap menafikan penghargaan atau kekaguman yang disampaikan (Feng, 2003). Justeru, faktor gender memang menyebabkan perbezaan yang signifikan dalam penggunaan pujian dan respon pujian antara wanita dan lelaki.

Hasil kajian Quan (2004) pula menunjukkan bahawa pelajar perempuan universiti lebih kerap menggunakan pujian eksplisit daripada pelajar lelaki, manakala pelajar lelaki lebih cenderung memilih pujian implisit, tidak memberikan pujian dan tidak memberi respon. Sungguhpun begitu, dapatan beliau juga mendapati bahawa kedua-dua gender memuji antara satu sama lain dengan pujian secara eksplisit. Sehubungan dengan itu, dapatan ini bercanggah dengan hasil yang dilaporkan oleh Ye (1995).

Bagi topik pujian pula, pelajar perempuan dan lelaki universiti lebih ketara menyampaikan penilaian secara langsung atas prestasi seseorang (Quan, 2004).

Sebaliknya, mereka memuji secara tidak langsung terhadap perwatakan individu. Ini mencerminkan masyarakat timur yang mengamalkan nilai kesederhanaan.

Pelajar perempuan dan lelaki universiti juga menunjukkan perbezaan yang ketara bagi respon pujian dalam bahasa Cina. Pelajar perempuan universiti menerima pujian yang disampaikan, manakala pelajar lelaki universiti menolak pujian atau tidak memberikan sebarang respon semasa berinteraksi. Penemuan ini sejajar dengan dapatan kajian-kajian yang lepas (Holmes, 1988; Herbert, 1990; Ye, 1995; Feng, 2003). Ini adalah kerana penutur wanita menganggap pujian sebagai ‘pelincir minyak’ hubungan sosial, manakala penutur lelaki melihat pujian sebagai lakuan bahasa yang mengancam air muka (Herbert, 1990). Sungguhpun, Ye (1995), Jia (1997), Feng (2003) dan Quan (2004) memilih kaedah penyelidikan untuk mengkaji pujian dalam konteks timur, namun penemuan yang diperoleh memperuntukkan kesimpulan yang berlainan antara satu sama lain.

Zhang (2007) menggunakan teori-teori, kaedah penyelidikan linguistik sosial dan wacana bidang linguistik untuk melihat sama ada terdapat sebarang perbezaan antara lelaki dan wanita dalam corak merealisasikan pujian dan respon pujian. Zhang (2007) mengkaji serta mengklasifikasi semula definisi pujian dalam bahasa Cina. Beliau mengumpul contoh kata-kata pujian dalam bahasa Cina daripada 17 buah filem. Kemudian, data-data berkenaan dianalisis demi mengkaji penggunaan strategi pujian dan respon pujian antara lelaki dan wanita. Data statistik menunjukkan bahawa wujud perbezaan yang ketara antara lelaki dan wanita dalam melaksanakan lakuan pertuturan memuji. Kaum wanita memberikan lebih banyak pujian berbanding dengan lelaki (Wolfson, 1983; Holmes, 1986; Herbert, 1990; Lewandowska-Tomaszczyk, 1989;

Johnson dan Roen, 1992; Ye, 1995; Sun, 2002; Feng, 2003; Quan, 2004). Kaum lelaki jarang memuji terutamanya dalam kalangan penutur intragender. Penemuan ini seiring dengan kebanyakan kajian yang dilakukan oleh penyelidik barat dan timur (Wolfson, 1983; Holmes, 1988; Herbert, 1990; Ye, 1995; Feng, 2003).

Bagi pemilihan subjek dalam pujian pula, kata ganti nama kedua paling popular digunakan. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian Zhang (2007) menyokong penemuan kajian-kajian lepas (Zuo, 1988; Li dan Feng, 2000). Walau bagaimanapun, wanita dan lelaki berbeza dari segi penggunaan kata ganti nama ketika melafazkan kata-kata pujian. Kaum lelaki jarang menggunakan kata ganti nama pertama sebagai subjek, sebaliknya mereka lebih kerap tidak menggunakan sebarang kata ganti nama manusia atau tiada subjek semasa mengujarkan kekaguman kepada individu lain (Cui, 2007; Zhang, 2007). Bagi kaum wanita, kata ganti nama pertama merupakan pilihan utama (Cui, 2007) berbanding dengan penggunaan kata ganti nama bukan manusia atau tiada subjek (Zhang, 2007). Lelaki dan wanita juga menunjukkan perbezaan yang ketara dalam mengaplikasi strategi respon pujian. Tambahan pula, topik dan hubungan antara penutur dan pendengar juga menyumbang kepada perbezaan gender.

Secara kesimpulannya, pujian dalam bahasa Cina mempunyai ciri-ciri yang unik dan berstruktur formula dari tiga aspek. Bagi pemilihan leksikal, golongan kata adjektif yang mengandungi semantik positif paling digemari oleh pemberi pujian. Di samping itu, penutur bahasa Cina lebih cenderung memilih kata ganti nama kedua sebagai subjek ketika mengujarkan pujian berbanding dengan kata ganti nama pertama. Sungguhpun, penampilan dan pencapaian juga merupakan topik pujian yang amat popular dalam bahasa Cina. Namun, kelaziman penutur bahasa Cina menyampaikan penilaian positif

ke atas ciri-ciri personaliti individu dan memuji ahli keluarga seseorang. Ini adalah keunikan bagi pujian dalam bahasa Cina.

### **2.8.10 Kajian-kajian Lepas Berkaitan Pujian yang Merentasi Budaya**

Barnlund dan Araki (1985) meninjau penggunaan pujian antara budaya Jepun dan Amerika Syarikat. Hasil kajian mereka mendedahkan bahawa penutur bahasa Inggeris, Amerika Syarikat lebih kerap memberi pujian daripada penutur bahasa Jepun. Kekerapan penggunaan pujian dalam bahasa Inggeris, Amerika Syarikat dengan kadar 1.6 hari berbanding dengan penilaian positif bahasa Jepun hanya berbuat demikian dalam 13 hari. Di samping itu, penutur bahasa Inggeris lebih cenderung memuji terhadap penampilan dan ciri-ciri peribadi, sebaliknya penutur natif bahasa Jepun lebih tertumpu kepada sesuatu tindakan yang dilaksanakan, pekerjaan atau pelajaran dan perwatakan individu. Bagi pemilihan leksikal pula, penutur bahasa Inggeris menggunakan kata adjektif yang dapat diaplikasikan dalam pelbagai topik. Sebaliknya, penutur bahasa Jepun memilih kata adjektif yang hanya dapat digunakan dalam topik yang terhad.

Barnlund dan Araki (1985) juga mengkaji respon pujian yang dibalas dalam bahasa Inggeris dan bahasa Jepun. Dapatkan kajian yang diperoleh mendapati bahawa penutur bahasa Inggeris menerima pujian atau melakukan justifikasi (*justify*) atau melanjutkan (*extend*) pujian semasa, manakala penutur bahasa Jepun lebih gemari mempersoalkan ketepatan (*questioned accuracy*), menafikan (*denied*), menjelaskan sebab (*explained reason*), membala dengan senyuman atau tidak berkata apa-apa. Hubungan antara penutur dengan penerima mempengaruhi pujian yang disampaikan. Lantaran itu, dalam

budaya Amerika, semakin rapat perhubungan antara individu, pujian lebih kerap disampaikan. Namun, keadaan yang sebaliknya berlaku dalam budaya Jepun.

Barnlund dan Araki (1985) juga mendapati bahawa kaum wanita bagi kedua-dua budaya lebih cenderung memberi dan menerima pujian. Sehubungan dengan itu, kajian Barnlund dan Araki (1985) membuktikan bahawa penutur bahasa Inggeris dan bahasa Jepun sama-sama menyatakan kekaguman secara tidak langsung. Walau bagaimanapun, penutur bahasa Jepun memilih komunikasi bukan lisan dua kali ganda lebih kerap daripada penutur bahasa Inggeris, Amerika Syarikat. Sebaliknya, penutur bahasa Inggeris lebih gemar memberi pujian kepada pihak ketiga berbanding dengan penutur bahasa Jepun. Selain itu, beberapa penemuan lain yang didapati bahawa faktor-faktor sosial seperti gender, topik tumpuan dan penutur komunikasi menyebabkan perbezaan penggunaan pujian antara bahasa Inggeris dengan bahasa Jepun (Barnlund dan Araki, 1985).

Daikuhara (1986) mengkaji pujian yang diberikan dalam perbualan semula jadi oleh 50 orang penutur natif Jepun. Data-data yang dikumpulkan dianalisis dari segi gender, umur, perhubungan, situasi, dan isyarat bukan lisan. Keputusan analisis yang diperoleh menunjukkan bahawa kata adjektif yang paling kerap digunakan dalam pujian bahasa Jepun iaitu ‘ii’ (*nice / good*), ‘sugoi’ (*great*), ‘kirei’ (*beautiful / clean*), ‘kawaii’ (*pretty / cute*), ‘oishii’ (*good / delicious*), dan ‘erai’ (*great / diligent*). Di samping itu, pola sintaksis *I like / love NP* tidak muncul dalam data. Walaupun wujud persamaan antara pujian dalam bahasa Jepun dan bahasa Inggeris, seperti yang dijumpai oleh Wolfson (1981) berkenaan dengan ciri-ciri pujian. Memuji tentang keupayaan atau prestasi dan ciri-ciri personaliti seseorang merupakan suatu kebiasaan yang sering berlaku dalam

kalangan penutur masyarakat Jepun. Walau bagaimanapun, masyarakat Jepun jarang sekali memuji pasangan, ibu bapa, atau anak-anak mereka di khalayak ramai seperti yang berlaku di masyarakat Amerika Syarikat.

Apabila menerima pujian, sebilangan besar penutur bahasa Jepun mengelakkan pujian, termasuk penolakan pujian, membala pujian dengan senyuman, respon dengan soalan atau tiada memberikan sebarang respon. Pengkaji berpendapat bahawa pujian dalam bahasa Jepun seolah-olah menunjukkan rasa hormat kepada orang yang bercakap dan ini mungkin mewujudkan jarak antara penutur. Sehubungan dengan itu, penerima pujian merapatkan jurang dengan menolak atau mengalihkan pujian untuk mengekalkan keharmonian antara penutur.

Kajian Han (1992) membandingkan respon pujian antara 10 orang wanita Korea dengan 10 orang wanita Amerika Syarikat dalam interaksi bahasa Inggeris dan Korea. Han (1992) menggunakan kaedah temu bual dan nota lapangan untuk mengutip data-data. Beliau mendapati bahawa wanita Korea memberikan respon yang berbeza apabila bertutur dalam bahasa Korea dengan bahasa Inggeris. Wanita Korea didapati melakukan sedikit pemindahan dari aspek pragmatik. Han (1992) membuktikan bahawa wanita Korea lebih kerap menolak, mengalihkan atau mengelakkan pujian yang diterima. Berbanding dengan penutur bahasa Inggeris didapati lebih cenderung menggunakan strategi penerimaan pujian. Melalui kaedah temu bual, Han (1992) mengatakan bahawa penutur Korea membala respon pujian dengan mengujarkan ‘terima kasih’ kerana mempelajari budaya tersebut melalui buku teks bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, penutur Korea berpendapat bahawa penutur bahasa Inggeris,

Amerika Syarikat sentiasa menerima pujian dengan membalas respon pujian dengan ujaran ‘terima kasih’.

### **2.8.11            Respon Pujian**

Holmes (1988) dan Herbert (1989) mendapati bahawa menerima pujian secara anggun merupakan lakukan bahasa yang lazim dan tetap dalam bahasa Inggeris.

Pomerantz (1978) merupakan pelopor yang mengkaji respon pujian dalam bahasa Inggeris. Beliau menganalisis data yang dikumpul dan mengklasifikasikan respon pujian kepada lima jenis iaitu menaik taraf pujian (*upgrade*), menurunkan skala penghargaan (*scale-down*) bersetuju (*agreement*), menurunkan gred (*down-grades*), mengalihkan pujian (*reassignment of praise*) dan menyampaikan pujian (*return*). Beliau berpendapat bahawa terdapat dua prinsip haruslah dipatuhi semasa memberikan respon pujian. Dua prinsip yang dimaksudkan oleh Pomerantz (1978) iaitu bersetuju dengan pandangan pemberi pujian (*agree with the speaker*) dan mengelakkan mengangkat diri (*avoid self-praise*).

Herbert (1988, 1989) juga meninjau respon pujian dalam bahasa Inggeris. Seterusnya, kajian yang dilaksanakan oleh Herbert (1988, 1989) berasaskan hasil kajian Pomerantz (1978). Respon pujian terdiri kepada dua kumpulan iaitu strategi menerima dan strategi menolak. Kedua-dua kumpulan ini boleh dibahagikan kepada dua belas jenis respon pujian, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.8.

Jadual 2.8: Jenis Respon Pujian Herbert (1988,1989)

Bil	Jenis Respon Pujian Herbert (1988,1989)	Penerangan	Contoh
1	Penghargaan ( <i>appreciation token</i> )	Penerima membalas pujian dengan mengujarkan terima kasih.	A: <i>You look beautiful in your blouse.</i> B: <i>Thank you.</i>
2	Penerimaan ( <i>comment acceptance</i> )	Isi kandungan yang dibalaskan oleh penerima adalah selaras dengan penyampai pujian. Keselarasan ini bukan sahaja mencerminkan penerima menerima pujian yang disampaikan, malahan bersetuju dengan penghargaan penyampai pujian.	A: <i>What a lovely son you have!</i> B: <i>Well, I think so too.</i>
3	Menaik taraf pujian ( <i>praise upgrade</i> )	Penerima mempertingkatkan darjah pujian yang diterima.	A: <i>It's delicious cake.</i> B: <i>It's also beautiful to look at.</i>
4	Memperuntukan asal usul pemilikan ( <i>comment history</i> )	Penerima memberi respon pujian dengan memperuntukkan asal usul atau maklumat tambahan mengenai pemilikannya.	A: <i>You've got a nice hat.</i> B: <i>I bought it in Paris.</i>
5	Menyampaikan pujian ( <i>return</i> )	Penerima membalaskan pujian yang diterima daripada penyampai demi menyatakan persetujuan.	A: <i>You look pretty.</i> B: <i>So do you.</i>
6	Mengalihkan pujian ( <i>reassignment</i> )	Mengalihkan pujian yang diterima kepada individu atau perkara lain.	A: <i>That is nice work. You are so skillful.</i> B: <i>Thanks to Tom, he helped me a lot.</i>
7	Menurunkan skala penghargaan ( <i>scale-down</i> )	Tidak bersetuju pujian yang diterima atau merendahkan penghargaan dengan menyatakan kekurangan terhadap pemilikannya	A: <i>Your house is very beatiful.</i> B: <i>Well, we would have liked to have a bigger one.</i>
8	Bantahan ( <i>disagreement</i> )	Menafikan pujian yang diterima.	A: <i>You did a good job.</i> B: <i>No, I don't think so.</i>

9	Mengiktiraf pemilikan ( <i>qualification</i> )	Hanya mengiktiraf pemilikan dengan menyatakan 'bolehlah', kemudian diikuti dengan peralihan.	A: <i>Your photo turned out great.</i> B: <i>It's all right, but i want to retake some of them.</i>
10	Soalan atau pertanyaan ( <i>question</i> )	Membalaskan respon dengan soalan atau pertanyaan.	A: <i>That's a nice outfit.</i> B: <i>What? Are you kidding?</i>
11	Tiada pengakuterimaan ( <i>no acknowledgement</i> )	Tidak memberikan sebarang respon.	A: <i>That's a nice bike.</i> B: <i>Did you finish the assignment for today?</i>
12	Menafsirkan sebagai permintaan ( <i>request interpretation</i> )	Penerima pujian bertanggapan bahawa penyampai berminat dan inginkan pemilikannya, jadi dia menghadiahkannya.	A: <i>A nice pen.</i> B: <i>You can take it.</i>

Berdasarkan Jadual 2.8, penghargaan (*appreciation token*), penerimaan (*comment acceptance*), menaik taraf pujian (*praise upgrade*), memperuntukan asal usul pemilikan (*comment history*), menyampaikan pujian (*return*) dan mengalihkan pujian (*reassignment*) merupakan strategi menerima pujian. Sebaliknya, strategi menolak terdiri daripada menurunkan skala penghargaan (*scale-down*), bantahan (*disagreement*), mengiktiraf pemilikan (*qualification*), soalan atau pertanyaan (*question*), tiada pengakuterimaan (*no acknowledgement*) dan mentafsirkan sebagai permintaan (*request interpretation*).

## 2.9 Rangka Pujian Holmes (1988)

Mengikut hasil kajian yang dilakukan oleh Holmes (1988), pujian terdiri daripada pujian eksplisit dan pujian implisit, seperti yang dibicarakan pada bahagian 2.9.1. dan 2.9.2.

### **2.9.1 Pujian Eksplisit**

Menurut Holmes (1988), pujian eksplisit merupakan sesuatu tindakan pertuturan yang bernilai positif diujar oleh penutur secara langsung kepada pendengar dalam interaksi. Secara umumnya, pujian eksplisit mudah dikenal pasti kerana mengandungi kata kerja, kata adjektif atau kata adverba yang positif (Ye, 1995; Boyle, 2000).

Konteks: Dua rakan sejawat bertemu di pejabat Pat.

*Chris: Hi Pat. Sorry I'm late. The boss wanted to set up a time for a meeting just as I was leaving.*

*Pat: That's OK Chris. You're looking good. Is that a new suit?*

*Chris: Mm. It's nice isn't it. I got it in Auckland last month. Have you had a break since I last saw you?*

*Pat: No, work work work I'm afraid. Never mind. Have you got a copy of the report with you?*

(Dipetik dari Holmes, 1995)

Berdasarkan pertuturan antara Chris dan Pat, Pat memuji perwatakan Chris dengan mengatakan *You're looking good*. Pat menggunakan pujian eksplisit di mana *good* merupakan kata adjektif yang bernilai positif.

### **2.9.2 Pujian Implisit**

Pujian implisit pula merupakan lakuan bahasa yang dipertuturkan secara tidak langsung. Pujian implisit berbeza dengan pujian eksplisit kerana pujian implisit hanya dapat dikenal pasti berpandukan sesuatu konteks atau nilai-nilai sesuatu budaya (Holmes, 1988).

Konteks: Rhonda melawat rakan sekolah, Carol dan memuji salah seorang anak Carol.

Rhonda: *What a polite child!*

Carol: *Thank you. We do our best.*

Merujuk kepada interaksi antara Rhonda dan Coral, pujian Rhonda mungkin kelihatan seperti penilaian agak positif, tetapi lakuan bahasa tersebut berfungsi sebagai pujian yang secara tidak langsung. Ini adalah kerana ia melambangkan penghargaan kepada Carol yang memiliki sifat ibu bapa yang baik (*good parenting*).

## 2.10 Rangka Pujian Ye (1995)

Menurut kajian Ye (1995), pujian dibahagikan kepada empat kategori seperti jadual 2.9. Beliau telah mengadaptasi pengklasifikasian pujian eksplisit dan implisit dalam bahasa Cina berdasarkan kajian Holmes (1988).

Jadual 2.9: Rangka Pujian Ye (1995)

Kategori Pujian Ye (1995)			
Bil	Jenis	Definisi	Contoh
1	Pujian Eksplisit	Lakuan bahasa memuji dengan menggunakan perkataan yang bersemantik positif secara langsung atau terus.	nǐ de kǒuyǔ zhēn bàng 你的 口语 真 棒。 (Bahasa Inggeris anda adalah sangat baik!)
2	Pujian Implisit	Tingkah laku memuji dengan menyampaikan penilaian positif yang tidak langsung, dimana ia dikenal pasti melalui pemahaman makna ujaran dan bukan dalam bentuk pujian.	wǒ gēn nǐ xuéxué ba 我 跟 你 学 学 吧。 (Izinkan saya belajar dari anda.)
3	Tidak Memberi Pujian	Reaksi yang diberikan secara lisan dalam situasi tertentu, tetapi ia tidak berfungsi sebagai pujian atau penghargaan. Biasanya, ia diujarkan dalam bentuk soalan.	shénmèshíhòumǎide 什 么 时 候 买 的? (Bilakah anda membelinya?)
4	Tidak Memberi Respon	Penutur tidak memberikan sebarang tindak balas secara lisan.	-

Menurut Ye (1995), pujian eksplisit adalah lakuan bahasa memuji dengan menggunakan semantik positif secara langsung atau tersurat, seperti ‘baik’, ‘cantik’ dan sebagainya. Misalnya ujaran 你的口语真棒 (nǐ de kǒuyǔ zhēn bang / Bahasa Inggeris anda adalah sangat baik!), penutur menyampaikan penghargaan kepada penerima pujian yang berkemampuan bertutur bahasa Inggeris dengan fasih.

Pujian implisit merupakan penilaian positif yang tidak langsung, dimana ia dikenal pasti melalui pemahaman makna ujaran dan bukan dalam bentuk pujian. Ujaran 我跟你学学吧 (wǒ gēn nǐxuéxué ba / Izinkan saya belajar dari anda) adalah salah satu contoh pujian implisit, dimana penutur menyatakan kekaguman terhadap kemahiran yang dimiliki oleh penerima pujian.

Seterusnya, strategi tidak memberi pujian pula, penutur memberi reaksi secara lisan dalam situasi tertentu, tetapi ia tidak berfungsi sebagai pujian atau penghargaan. Biasanya, penutur akan menggunakan ayat tanya atau mengujarkan permintaan untuk menyampaikan kekaguman terhadap pemilikan individu, misalnya ujaran 什么时候买的? (shénme shíhòu mǎi de / Bilakah anda membelinya?).

Ye (1995) mengkaji pujian dalam bahasa Cina telah mengategorikan strategi tidak memberi respon sebagai salah satu jenis pernyataan penilaian positif semasa berinteraksi. Hasil kajian Ye (1995) menunjukkan bahawa penutur tidak memberikan sebarang tindak balas secara lisan ke atas pemilikan individu. Ini bermakna penutur tidak mengujarkan sebarang perkataan untuk menyatakan kekaguman kepada penutur lain.

## 2.11 Rangka Pola Sintaksis Pujian Wolfson (1984)

Manes dan Wolfson (1984) berpendapat bahawa pujian mempunyai struktur yang amat tetap. Pola sintaksis tersebut seperti yang terpapar di Jadual 2.10.

Jadual 2.10: Rangka Pola Sintaksis Pujian Wolfson (1984)

Bil	Pola Sintaksis Pujian Wolfson (1984)	Contoh
1	<i>NP (is/looks) (really) ADJ.</i>	<i>Your sweater is really nice.</i>
2	<i>I (really) (like/love) NP.</i>	<i>I like your car.</i>
3	<i>PRO is (really) (a) ADJ.NP.</i>	<i>That is a good question.</i>
4	<i>You V.(a) (really) ADJ. NP.</i>	<i>You did a great job.</i>
5	<i>You V NP (really) ADV.</i>	<i>You sang that song really well.</i>
6	<i>You have (a) (really) ADJ. NP.</i>	<i>You have a beautiful living room.</i>
7	<i>What (a) ADJ. NP!</i>	<i>What a pretty skirt!</i>
8	<i>ADJ. NP!</i>	<i>Good shot!</i>
9	<i>Isn't NP. ADJ!</i>	<i>Isn't that ring pretty!</i>

NP: Noun phrase; PRO: Pronoun; ADJ: Adjective; ADV: Adverb.

## 2.12 Rangka Pola Sintaksis Pujian Wang (2003)

Hasil kajian Wang (2003) mendapati bahawa terdapat tujuh pola sintaksis yang utama bagi pujian dalam bahasa Cina. Jadual 2.11 menunjukkan pola sintaksis bagi pujian dalam bahasa Cina (Wang, 2003).

Jadual 2.11: Rangka Pola Sintaksis Pujian Wang (2003)

Bil	Jenis	Pola Sintaksis Wang ( 2003)	Contoh
1	Pujian Eksplisit Adjektif (Adjective Explicit Compliment)	(Your) NP (ADV) ADJ (Part)	nǐdepífūyuèláiyuèhǎolā 你的皮肤越来越 好 啦！ (Your complexion becomes better. )
		(You) ADV ADJ!	nǐzhēnnénggàn 你 真 能 干。 (You are really able. )
		You V ADJ NP	ā chuānpiàoliangyīfule 啊！ 穿 漂 亮 衣服 了。 (Oh ! You have pretty clothes on. )
2	Pujian Eksplisit Adverba (Adverbial Explicit Compliment)	You V NP (ADJ) ADV (Part)	nǐduìpéngyouzhēndehěnhǎo 你 对 朋 友 真 的 很 好。 (You treat friends so well. )
		(You) V ADV ADV (Part)!	nǐpǎodézhēnkuài 你 跑 得 真 快 ！ (You run so fast!)
3	Pujian Eksplisit Nominal (Nominal Explicit Compliment)	You be/ have NP	nǐzhēnshìgètiāncái 你 真 是 个 天 才 ！ (You are really a genius.)
4	Pujian Eksplisit Kata Kerja (Verb Explicit Compliment)	I like (your) NP	wǒtǐngxǐhuānnǐzhègebēizi 我 挺 喜 欢 你 这 个 杯 子。 (I like your cup very much.)

5	Pujian Implisit ( <i>Implicit Compliment</i> )	--	wǒkāishǐjuédenǐzhēndeshì 我 开 始 觉 得 你 真 的 是 shuāngyúzuòdenánshēngle 双 鱼 座 的 男 生 了。 ( <i>Now I begin to feel that you are the boy of the Pisces.</i> )
---	--	----	--

NP: *Noun phrase*; V: *Verb*; ADJ: *Adjective*; ADV: *Adverb*; Part: *Particle*.

## 2.13 Kesimpulan

Pujian merupakan suatu isu bahasa dan gender yang diminati oleh ahli-ahli linguistik dan sosiolinguistik. Pengkajian dan pemahaman literatur terhadap kajian-kajian lepas bersertakan dapatan kajian yang diperolehi dapat dijadikan landasan bagi kajian ini untuk mencapai objektif kajian ini.

Para penyelidik barat didapati jarang mengkaji dan meninjau penggunaan pujian dalam bahasa Cina. Oleh itu, hasil kajian terhadap bahasa dan gender oleh penyelidik barat harus diteliti dan dikaji semula dalam korpus bahasa Cina. Di samping itu, kajian-kajian lepas seperti kajian Holmes (1986) dan Quan (2004) jarang memberi perhatian kepada pemboleh ubah situasi dan status yang mungkin memberi pengaruh yang kuat terhadap interaksi antara gender dengan pujian (Shi, 2008).

kajian Ye (1995) dan Quan (2004) yang menggunakan kaedah *Discourse Complextion Test* mungkin wujud kekurangan berbanding dengan kaedah pemerhatian. Ini adalah kerana didapati bahawa orang ramai tidak selalu menyuarakan pendapat mereka sebagaimana pemikiran mereka. Sementara itu, kaedah soal selidik atau *Discourse Complextion Test* secara bertulis akan ‘terlepas pandang’ perkara-perkara yang boleh mempengaruhi tindak balas sebenar subjek kajian. Tambahan pula, soalan selidik terbuka direka cipta untuk mengumpul semua maklumat yang berkaitan, namun tidak

ada cara yang empirikal untuk memastikan data-data yang dikutip adalah berguna dan relevan.

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI**

#### **3.1 Pengenalan**

Reka bentuk kajian yang bersesuaian adalah penting untuk membantu memperoleh maklumat yang sahih dan diperlukan untuk menyelesaikan masalah kajian. Sehubungan dengan itu, prosedur pengumpulan data merupakan satu proses yang memainkan peranan utama. Tanpa sokongan data dan maklumat yang sahih, objektif kajian amat sukar dicapai. Malahan, perancangan yang teliti dan terperinci dapat melicinkan proses pengumpulan dan penganalisaan data dan maklumat kajian yang dikehendaki.

Bab ini membentangkan latar belakang penyelidikan dan metodologi pengumpulan serta penganalisisan data untuk melengkapkan kajian ini. Berdasarkan objektif kajian, fokus kajian diberikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama adalah mengenal pasti jenis-jenis pujian dalam bahasa Cina yang kerap digunakan oleh guru-guru manakala bahagian kedua tentang penggunaan pujian oleh guru wanita dan lelaki yang ditinjau dari aspek persamaan dan perbezaan. Bahagian ketiga pula mengkaji tentang ciri-ciri linguistik pujian dalam bahasa Cina oleh kedua-dua gender, yang melibatkan persamaan dan perbezaan.

Perkara yang dibicarakan dalam bab ini adalah rangka teori, persampelan, instrumen kajian, pengumpulan dan pemilihan data kajian, transkripsi rakaman audio, kaedah analisis data dan prosedur analisis kajian.

### 3.2 Rangka Teori

Data-data yang dikumpulkan dianalisis untuk meninjau jenis-jenis pujian yang kerap digunakan oleh guru wanita dan lelaki. Oleh itu, rangka model Ye (1995) diaplikasikan untuk mengategorikan jenis-jenis pujian yang kerap digunakan oleh responden kajian. Jadual 3.1 memaparkan rangka model pujian Ye (1995), dimana beliau mengategorikan pujian dalam bahasa Cina kepada empat jenis iaitu pujian eksplisit (*explicit compliment*), pujian implisit (*implicit compliment*), tidak memberi pujian (*non-compliment*) dan tidak memberi respon (*no response*).

Jadual 3.1: Rangka Pujian Ye (1995)

Kategori Pujian Ye (1995)			
Bil	Jenis	Definisi	Contoh
1	Pujian Eksplisit ( <i>Explicit Compliment</i> )	Lakuan bahasa memuji dengan menggunakan perkataan yang bersemantik positif secara langsung atau terus.	nǐ de kǒuyǔ zhēn bàng 你的口语真棒。 (Bahasa Inggeris anda adalah sangat baik!)
2	Pujian Implisit ( <i>Implicit Compliment</i> )	Tingkah laku memuji dengan menyampaikan penilaian positif yang tidak langsung, dimana ia dikenal pasti melalui pemahaman makna ujaran dan bukan dalam bentuk pujian.	wǒ gēn nǐ xuéxué ba 我跟你学学吧。 (Izinkan saya belajar dari anda.)
3	Tidak Memberi Pujian ( <i>Non-Compliment</i> )	Reaksi yang diberikan secara lisan dalam situasi tertentu, tetapi ia tidak berfungsi sebagai pujian atau penghargaan. Biasanya, ia diujarkan dalam bentuk soalan.	shénmeshíhòumǎide 什么时候买的? (Bilakah anda membelinya?)
4	Tidak Memberi Respon ( <i>No Response</i> )	Penutur tidak memberikan sebarang tindak balas secara lisan.	--

Kajian ini juga melihat leksikal dan pola sintaksis yang dipilih oleh guru wanita dan lelaki semasa menyampaikan pujian kepada murid-murid. Justeru itu, struktur ayat bagi korpus pujian dalam bahasa Cina kajian ini dianalisis dan dikelaskan berdasarkan rangka pola sintaksis pujian Wang (2003). Seterusnya, dapatan yang diperoleh digunakan untuk meneliti aspek persamaan dan perbezaan pola-pola sintaksis pujian yang diberikan oleh kedua-dua gender. Rangka pola sintaksis pujian Wang (2003) dipaparkan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Rangka Pola Sintaksis Pujian Wang (2003)

Bil	Jenis	Pola Sintaksis Wang (2003)	Contoh
1	Pujian Eksplisit Adjektif (Adjective Explicit Compliment)	(Your) NP (ADV) ADJ (Part)	nǐdepífūyuèlaiyuèhǎolā 你的皮肤越来越 好 啦! (Your complexion becomes better. )
		(You) ADV ADJ!	nǐzhēnnénggàn 你 真 能 干。 (You are really able. )
		You V ADJ NP	ā chuānpiàoliangyīfule 啊！ 穿 漂 亮 衣服 了。 (Oh ! You have pretty clothes on. )
2	Pujian Eksplisit Adverba (Adverbial Explicit Compliment)	You V NP (ADJ) ADV (Part)	nǐduìpéngyouzhenhěnhǎo 你 对 朋 友 真 的 很 好。 (You treat friends so well. )
		(You) V ADV ADV (Part)!	nǐpǎodézhēnkuài 你 跑 得 真 快 ！ (You run so fast!)
3	Pujian Eksplisit Nominal (Nominal Explicit Compliment)	You be/ have NP	nǐzhēnshìgètiāncái 你 真 是 个 天 才 ！ (You are really a genius.)

4	Pujian Eksplisit Kata Kerja ( <i>Verb Explicit Compliment</i> )	<i>I like (your) NP</i>	wǒtǐngxǐhuānnǐzhègebēizi 我挺喜欢你这个杯子。 ( <i>I like your cup very much.</i> )
5	Pujian Implisit ( <i>Implicit Compliment</i> )	--	wǒkāishǐjuédenǐzhēndeshì 我开始觉得你真的是 shuāngyúzuòdenánshēngle 双鱼座的男生了。 ( <i>Now I begin to feel that you are the boy of the Pisces.</i> )

NP: *Noun phrase*; V: *Verb*; ADJ: *Adjective*; ADV: *Adverb*; Part: *Particle*.

Hasil kajian Wang (2003) mendapati bahawa terdapat tujuh pola sintaksis yang utama bagi pujian dalam bahasa Cina. Jadual 3.2 menunjukkan pola sintaksis bagi pujian dalam bahasa Cina (Wang, 2003).

### 3.3 Lokasi Kajian

Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Sin Min, Sungai Petani, Kedah Darul Aman merupakan lokasi kajian yang dipilih untuk mengumpul data bagi kajian ini. Kelas bahasa Cina bagi Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Sin Min diadakan dalam waktu persekolahan adalah kriteria utama pemilihan lokasi kajian. Selain itu, waktu pengajaran mata pelajaran Bahasa Cina bagi sekolah menengah jenis kebangsaan adalah lima waktu seminggu berbanding dengan hanya tiga waktu bagi sekolah menengah kebangsaan sepenuh bantuan kerajaan. Namun begitu, sekolah menengah jenis kebangsaan menggunakan sukanan pelajaran Bahasa Cina yang dihasilkan dan ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia. Di samping itu, sekolah tersebut merupakan sekolah separuh bantuan kerajaan yang mencapai kecemerlangan bukan sahaja dari segi akademik malahan dari aspek sahsiah dan kokurikulum. Tambahan pula, 99% enrolmen murid bagi sekolah ini berketurunan

Cina dan sebahagian besarnya menggunakan bahasa Cina dan dialek Cina untuk pertuturan.

### 3.4 Persampelan Kajian

Populasi sampel bagi kajian ini ialah guru-guru beropsyen Bahasa Cina yang bertauliah, berpengalaman dan mengajar di sekolah menengah jenis kebangsaan, negeri Kedah Darul Aman. Responden yang dipilih bagi kajian ini terdiri daripada empat orang guru mata pelajaran Bahasa Cina, iaitu dua orang guru wanita dan dua orang guru lelaki. Keempat-empat responden kajian pernah menjalani latihan perguruan selama tiga tahun di maktab perguruan dalam bidang Pengajian Bahasa Cina dan berkelayakan ijazah. Jadual 3.3 memaparkan profil responden kajian.

Jadual 3.3: Profil Responden Kajian

Responden Wanita						Responden Lelaki				
Bil	Kod	Umur	Tahun Mengajar	Sijil Perguruan (Opsyen)	Ijazah Sarjana Muda	Kod	Umur	Tahun Mengajar	Sijil Perguruan (Opsyen)	Ijazah Sarjana Muda
1	<b>W1</b>	43	20	BC	EK	<b>L1</b>	51	28	BC	SEJ
2	<b>W2</b>	41	18	BC	BC	<b>L2</b>	47	25	BC	BC

BC: Bahasa Cina; EK: Ekonomi; SEJ: Sejarah

Latar belakang akademik, gender dan umur responden kajian amat dititikberatkan dalam penyelidikan ini kerana akan mempengaruhi lakukan bahasa dalam interaksi.

Seterusnya, empat kelas bahasa Cina dipilih bagi mendapatkan data kajian. Setiap responden kajian akan diperhatikan sebanyak tiga kali. Pada masa yang sama, kajian ini melibatkan seramai 153 orang murid (83 orang murid perempuan dan 70 orang murid lelaki). Jadual 3.4 menunjukkan bilangan guru dan murid mengikut gender bagi setiap kelas yang dipilih.

Jadual 3.4: Bilangan Guru dan Murid mengikut Kelas dan Gender

<b>Bil</b>	<b>Responden</b>	<b>Kelas</b>	<b>Bilangan Murid Perempuan (Orang)</b>	<b>Bilangan Murid Lelaki (Orang)</b>	<b>Jumlah (Orang)</b>
1	<b>W1</b>	K1	20	16	36
2	<b>W2</b>	K2	20	16	36
3	<b>L1</b>	K3	22	18	40
4	<b>L2</b>	K4	21	20	41
	<b>JUMLAH</b>		<b>83</b>	<b>70</b>	<b>153</b>

### 3.4.1 Kerangka Persampelan

Persampelan hanyalah satu cara untuk menentukan responden atau subjek yang daripada sejumlah responden atau subjek yang begitu ramai. Kaedah persampelan rawak mudah (*simple random sampling*) digunakan untuk memilih responden kajian. Menurut Syed Arabi Idid (1998) dan Chua (2006), kaedah persampelan rawak mudah digunakan untuk memastikan setiap subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian.

## 3.5 Instrumen Kajian

Demi meningkatkan keesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian ini, rakaman audio dan video, borang pemerhatian dan soalan temu bual semi berstruktur merupakan instrumen yang digunakan untuk mengumpul data kajian.

### 3.5.1 Rakaman Audio dan Video

Rakaman audio dan video merupakan instrumen yang dipilih untuk mengutip data penyelidikan ini. Ini adalah kerana penggunaan rakaman audio serta beberapa peralatan teknologi yang canggih membantu semasa pengumpulan data (Norhashimah Jalalludin, 1996). Tambahan pula, data bagi sesuatu kajian dapat dikumpul dalam dua jenis keadaan iaitu: sama ada turut serta dalam interaksi atau sebaliknya. Justeru itu, bantuan

peralatan teknologi untuk merakam bahan kajian mampu menjayakan sebarang penyelidikan dalam apa jua keadaan. Sehubungan dengan itu, interaksi guru dan murid semasa pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dirakamkan dengan bantuan peralatan teknologi.

Rakaman audio memainkan peranan yang penting untuk mengumpul maklumat mengenai kata-kata pujian yang diujarkan kepada murid-murid oleh guru sepanjang aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Setelah interaksi antara guru dan murid dirakamkan, rakaman audio ditranskripsikan dan dikodkan berdasarkan Sistem Transkripsi Konvensional Jefferson (1978). Setiap interaksi antara guru dan murid semasa kelas bahasa Cina mengambil masa lebih kurang tiga puluh minit. Setiap guru akan diperhatikan sebanyak tiga kali bagi kelas yang sama. Jadi, jumlah masa rakaman adalah 360 minit bagi empat orang responden kajian. Pengagihan masa rakaman interaksi guru wanita dan guru lelaki adalah seperti yang ditunjukkan di Jadual 3.5.

Jadual 3.5: Pengagihan Masa Rakaman bagi Responden Kajian

<b>Bil</b>	<b>Responden Kajian</b>	<b>Kelas</b>	<b>Tempoh (Minit)</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Masa Rakaman</b>
1	W1	K1	30 minit	3	90 minit
2	W2	K2	30 minit	3	90 minit
3	L1	K3	30 minit	3	90 minit
4	L2	K4	30 minit	3	90 minit
<b>Jumlah masa rakaman</b>					<b>360 minit</b>

Selain rakaman audio, peralatan video juga dipilih untuk merakamkan interaksi guru dengan murid semasa pemerhatian dijalankan. Ini adalah untuk meningkatkan keesahan dan kebolehpercayaan data yang dikumpulkan. Walau bagaimanapun, maklumat daripada rakaman video hanya sebagai sumber sokongan bagi rakaman audio.

### **3.5.2 Pemerhatian dan Borang Pemerhatian**

Pemerhatian merupakan salah satu kaedah yang amat sesuai digunakan untuk memperolehi dan memahami cara sesuatu proses berlaku dengan lebih jelas dan menyeluruh (Marshall dan Rossman, 1989; Jorgensen, 1989). Oleh yang demikian, kaedah pemerhatian luar dipilih untuk melengkapkan kajian ini. Sungguhpun, penyelidik berada di tengah-tengah kumpulan subjek atau bersama-sama subjek yang dikaji, kaedah pemerhatian tidak hanya membantu mengutip data terpilih dan berkaitan rapat untuk menyelidik dengan lebih mendalam, malahan mendorong mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih telus dan kukuh (Asmah Omar, 2002). Justeru, proses pemerhatian membuka peluang dan kesempatan kepada penyelidik untuk memerhati, mendengar, mencatat, merakam dan mengalami suasana sebenar yang berlaku semasa interaksi antara guru dengan murid dalam kelas. Sehubungan dengan itu, gambaran yang sebenar dan menyeluruh diperoleh tentang fenomena penggunaan pujian dalam bahasa Cina oleh guru wanita dan lelaki.

Sebelum memulakan kaedah pemerhatian luar, beberapa langkah awal telah dilakukan seperti mengenal pasti sejauh mana pemerhatian diperlukan dalam kajian ini, memastikan subjek pemerhatian dan menyediakan instrumen pemerhatian serta menjangka kekuatan dan kelemahan pemerhatian. Dengan adanya langkah awal, pengkaji berpendapat bahawa menggunakan kaedah pemerhatian luar dapat mengumpulkan maklumat-maklumat yang semula jadi dan sahih melalui interaksi guru dengan murid. Di samping itu, pengkaji tidak bercampur tangan dan menetapkan isi kandungan pengajaran dan pembelajaran. Langkah ini bukan sahaja menjamin mengekalkan suasana yang sebenar, malahan perancangan pengajaran dan pembelajaran guru tidak diganggu.

Seterusnya, instrumen pemerhatian iaitu borang pemerhatian berfungsi untuk mencatat pujian yang diberikan oleh guru wanita dan lelaki dalam kajian ini. Semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan, pemerhatian akan dilakukan ke atas responden kajian, sementara itu pujian yang diberikan kepada murid-murid dicatatkan dalam borang pemerhatian (lihat Apendiks 1), demi menjamin keesahan serta kebolehpercayaan kajian ini. Walau bagaimanapun, data dan maklumat yang dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian hanya sebagai sokongan kepada data kualitatif kajian ini. Selain itu, kekerapan penggunaan pujian akan dikira dan ditunjuk dalam bentuk peratusan untuk menyokong dan mengukuhkan lagi penjelasan dan penguraian dapatan data kajian.

### **3.5.3 Soalan Temu Bual Semi Berstruktur**

Selain rakaman audio, temu bual semi berstruktur juga merupakan kaedah pengumpulan data. Sebilangan soalan-soalan formal boleh dibina sebelum sesi temu bual semi berstruktur dijalankan (Chua, 2006). Soalan temu bual melibatkan sebab-sebab menyampaikan pujian, bagaimana merealisasikan pujian dan sebagainya. Berbeza dengan temu bual berstruktur dimana setiap responden kajian diarahkan untuk menjawab soalan, temu bual semi terstruktur membina dan mengubah suai soalan selepas satu soalan ditanya berdasarkan jawapan subjek kajian dan objektif kajian (Chua, 2006).

Setelah pemerhatian di kelas, temu bual semi berstruktur dilakukan untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut tentang penggunaan pujian. Selain itu, responden kajian akan ditemu ramah untuk mendapatkan maklumat tambahan (lihat Apendiks 2).

### **3.6 Metod**

Kajian ini merupakan kajian deskriptif. Oleh itu, semua data yang diperoleh akan dianalisis dan dijelaskan secara deskriptif. Seterusnya, semua data dan maklumat yang dikumpulkan daripada rakaman audio diklasifikasikan mengikut aspek-aspek yang ditetapkan dan diuraikan secara kualitatif.

Menurut Bogdan dan Biklen (2003), penentuan dan pemilihan metodologi penyelidikan haruslah bersesuaian dengan objektif dan persoalan kajian. Kajian ini bertujuan untuk meninjau penggunaan pujian bahasa Cina dalam kalangan guru wanita dan lelaki semasa pengajaran dalam kelas secara mendalam dan terperinci, maka metodologi yang paling sesuai adalah kaedah deskriptif atau penerokaan (Mohd Majid Konting, 1990). Bersesuaian dengan saranan Patton (1990) dan Bogdan dan Biklen (2003), maka metod penyelidikan ini yang dipilih dan digunakan ialah melalui pemerhatian tidak berserta dan temu bual semi berstruktur.

#### **3.6.1. Kaedah Kualitatif**

Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang menggunakan data-data kualitatif dan kuantitatif. Kaedah penyelidikan yang jelas digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif. Lantaran itu, data-data yang telah dikumpulkan akan dianalisa dan diuraikan dalam bentuk keterangan yang menerangkan penggunaan pujian dalam bahasa Cina oleh guru wanita dan lelaki sekolah menengah jenis kebangsaan semasa pengajaran dalam kelas. Data-data dipungut melalui rakaman audio, rakaman video, pemerhatian dan temu bual.

Data-data yang dikutip melalui rakaman audio akan ditranskripsi dan dikodkan terlebih dahulu. Penulisan transkripsi interaksi antara guru dengan murid adalah berdasarkan Sistem Transkripsi Konvensional Jefferson (1978). Pemilihan satu sistem transkripsi yang bersesuaian adalah penting untuk tujuan penelitian data yang diperoleh. Norhashimah Jalalludin (1996) berpendapat bahawa salah satu daripada kelebihan rakaman adalah keupayaan untuk meneliti rakaman yang telah dibuat.

Seterusnya, pujian dalam setiap ujaran guru perlu dikenal pasti dan dianalisis bagi menjawab persoalan kajian mengenai penggunaan pujian antara gender. Memandangkan pujian boleh digunakan secara meluas dan berbeza-beza, jadi pengiraan kekerapan diperlukan berpandukan bilangan penilaian positif yang diujarkan dalam interaksi guru dengan murid. Pengukuran ini adalah lebih sesuai dan peka kerana dapat menganalisis penilaian positif secara langsung yang digunakan dalam pujian bahasa Cina. Jadi, pengiraan kekerapan pujian disembahkan dalam bentuk peratusan. Walau bagaimanapun, data kuantitatif berperanan sebagai maklumat tambahan kepada penerangan kajian. Sementara itu, maklumat yang diperoleh daripada temu bual semi berstruktur dan pemerhatian juga sebagai sokongan kepada data kualitatif .


### **3.7 Prosedur Pengumpulan Data**

Memandangkan responden kajian merupakan guru-guru mata pelajaran Bahasa Cina yang mengajar di sekolah menengah jenis kebangsaan, oleh itu prosedur pengumpulan maklumat dimulakan dengan permohonan kebenaran rasmi menjalankan penyelidikan daripada Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Kedah dan Pejabat Pelajaran Daerah. Sementara itu, pemilihan responden kajian berdasarkan senarai nama guru

mata pelajaran Bahasa Cina yang diperoleh daripada Timbalan Pengarah Bahasa Cina, Jabatan Pelajaran Negeri Kedah. Setelah mendapat kelulusan secara bertulis daripada pihak-pihak yang berkenaan, responden kajian dihubungi untuk mendapat persetujuan secara lisan. Selepas mendapat persetujuan, setiap responden kajian juga diminta menandatangani surat persetujuan. Langkah ini bertujuan untuk memastikan responden kajian menyertai penyelidikan ini dengan sukarela. Walau bagaimanapun, responden kajian mempunyai hak untuk mengambil bahagian, berhenti dan menarik diri pada bila-bila masa (Chua, 2006).

Dalam kajian ini, pemerhatian dilakukan terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh setiap responden kajian. Sebelum pemerhatian, terlebih dahulu mendapatkan kelulusan rasmi daripada pihak pentadbiran lokasi kajian. Selanjutnya, perbincangan dengan setiap responden kajian bagi mendapat persetujuan dan keizinan untuk melakukan pemerhatian semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan dalam kelas. Prosedur ini memainkan peranan yang amat penting bagi memperoleh kesefahaman dan kerjasama daripada responden kajian. Seterusnya, sebanyak tiga kali pemerhatian dilakukan atas setiap responden kajian agar menjamin dan meningkatkan keesahan dan kebolehpercayaan dapatan data kajian. Tempoh masa bagi setiap pemerhatian adalah lebih kurang 30 minit bagi tiap-tiap responden kajian. Tambahan pula, instrumen kaedah pemerhatian iaitu borang pemerhatian digunakan untuk mencatatkan kata-kata pujian yang diberikan kepada murid oleh guru wanita dan lelaki semasa interaksi agar mendapatkan maklumat yang lebih menyeluruh.

Dengan keizinan responden kajian juga, peralatan audio dan video turut dipilih dan digunakan untuk merakamkan interaksi antara guru dengan murid semasa pengajaran dalam kelas. Prosedur ini bukan sahaja memastikan proses mengumpul data dapat berjalan dengan lancar malah menjamin memperoleh maklumat yang dikehendaki. Rakaman audio akan dijadikan transkripsi untuk dianalisa. Seterusnya, maklumat yang diperoleh daripada rakaman video, kaedah pemerhatian luar dan temu bual semi berstruktur hanya menyokong dan mengukuhkan penghuraian keputusan analisis kajian ini. Sehubungan dengan itu, maklumat-maklumat yang dikutip selain daripada rakaman audio semata-mata untuk memberikan penjelasan tambahan semasa menganalisis dapatan data kajian (lihat Carta Aliran 1).



**Carta Aliran 1: Prosedur Pengumpulan Data**

### **3.7.1 Transkripsi**

Sungguhpun penyediaan transkripsi bagi rakaman audio memakan masa, namun transkripsi berperanan penting dalam kajian ini. Oleh yang demikian, interaksi antara guru dengan murid yang dirakamkan dengan bantuan peralatan audio ditranskripsi dan dikodkan untuk dianalisa. Pendekatan yang digunakan bagi menyediakan transkripsi iaitu memberi simbol-simbol di dalam transkripsi adalah berpandukan Sistem Transkripsi Konvensional Jefferson (1978). Memandangkan dapatan data yang dikumpulkan dalam bahasa Cina, maka Sistem Transkripsi Konvensional Jefferson (1978) diadaptasi dengan sedikit pengubahsuaian supaya mengikut bertepatan dan keperluan corak data interaksi kajian ini. Sehubungan dengan itu, sistem transkripsi yang menitikberatkan pelbagai unsur dalam interaksi membantu mendapat data yang tepat untuk dianalisa. Ini memudahkan bagi memahami situasi interaksi secara menyeluruh, seterusnya meningkatkan keesahan dan kebolehpercayaan penyelidikan. Transkripsi data yang telah disempurnakan perlu disemak berulang kali agar prosedur penganalisaan kemudian dapat dilakukan dengan lebih tepat dan terperinci. Antara ciri-ciri transkripsi yang digunakan dalam penyelidikan ini ditunjukkan di Appendik 3. Interaksi guru dengan murid yang telah ditranskripsikan juga dilampirkan dalam di bahagian Lampiran A.

#### **3.7.1.1 Kaedah Penyediaan Transkripsi**

Terlebih dahulu, interaksi antara guru dengan murid semasa pengajaran dalam kelas dirakamkan dengan peralatan audio. Seterusnya, kerja-kerja mendraf transkripsi dilakukan berpandukan Sistem Transkripsi Konvensional Jefferson (1978) yang diubah suai. Seterusnya, penyediaan semula draf transkripsi, beberapa proses ulang-dengar dan pembetulan, memasukkan simbol telah dilakukan.

### **3.7.1.2 Simbol-simbol di dalam Transkripsi**

Dalam kajian ini, simbol-simbol transkripsi tertentu digunakan bagi menjelaskan dan menghuraikan lakuan memuji oleh guru wanita dan lelaki dalam interaksi dengan murid. Simbol-simbol dan pengolahan transkripsi ini dipetik daripada Sistem Transkripsi Konvensional Jefferson (1978). Walau bagaimanapun, simbol dan cara penyediaan transkripsi ini telah diubah suai bagi melengkapkan dan memenuhi kehendak kajian ini.

## **3.8 Analysis Data**

Setelah selesai memungut data, pengolahan dan penganalisaan data dilakukan. Analisa data ini pada amnya lebih berbentuk kualitatif. Ini adalah kerana data perbualan yang dipungut dalam bentuk rakaman audio sesuai dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif. Walau bagaimanapun, huraian secara kuantitatif juga dilakukan bagi memastikan hasil kajian adalah sahih dan boleh dipercayai. Memandangkan responden kajian dihasilkan dalam konteks bilik darjah, penyelidik menyusun kandungan transkripsi data tersebut berdasarkan struktur pertukaran dalam bilik darjah.

Data kualitatif diperoleh melalui transkripsi rakaman audio dan temu bual semi berstruktur. Untuk penganalisaan data, terlebih dahulu rakaman audio interaksi guru dengan murid ditranskripsikan. Data audio ditranskripsikan berpandukan Sistem Transkripsi Konvensional Jefferson (1978). Penganalisaan pujian yang digunakan oleh responden kajian berdasarkan transkripsi rakaman audio. Sementara itu, data-data kualitatif yang dikumpul akan dianalisa dari aspek jenis pujian, pemilihan leksikal, pola struktur sintaksis dalam bahasa Cina. Pujian yang digunakan oleh responden kajian akan dianalisa dan dikategorikan berpandukan kerangka model Ye (1995) yang diadaptasi daripada hasil dapatan Holmes (1988). Di samping itu, kerangka model

Wang (2003) yang diadaptasi daripada kajian Manes dan Wolfson (1981) pula digunakan untuk menganalisa pemilihan leksikal dan pola sintaksis puji dalam bahasa Cina. Seterusnya, puji dalam bahasa Cina akan diproses untuk mendapatkan data kuantitatif yang berbentuk kekerapan dan peratusan.

Maklumat yang diperoleh daripada pemerhatian dan temu bual semi berstruktur digunakan sebagai data sokongan kepada data kualitatif yang dikemukakan dalam bahagian analisis data dan perbincangan. Menurut Chua (2006), etika rahsia peribadi dan ketanpanamaan perlu dititikberatkan semasa memproses data kajian, jadi maklumat responden kajian ini akan dirahsiakan. Selain itu, data dan analisis kajian perlu dicatatkan dengan tepat dan jujur (Chua, 2006) agar keesahan dan kebolehpercayaan penyelidikan ini terjamin.

### **3.8.1 Analisis Perbualan (*Conversation Analysis*)**

Interaksi atau perbualan adalah aktiviti sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat setiap hari. Menurut Allen dan Guy (1974), interaksi atau perbualan merupakan unsur asas yang mustahak bagi suatu ikatan sosial secara langsung antara penutur. Interaksi menjadi medium komunikasi manusia untuk menyampaikan dan menerima maklumat melalui bahasa.

Analisis perbualan (*Conversation Analysis*) merupakan satu pendekatan untuk mengkaji interaksi sosial dalam pelbagai konteks kehidupan seharian. Analisis perbualan diperkenalkan oleh ahli sosiologi, Sacks, Schegloff dan Jefferson pada 1960-an dan awal 1970-an. Ketiga-tiga pengkaji telah melihat aspek sosial perbualan biasa yang spontan. Secara umumnya, analisis perbualan cuba menggambarkan corak, struktur

dan urutan interaksi dalam perbualan biasa. Fokus utama bagi analisis perbualan adalah organisasi dan struktur perbualan, bukannya ketepatan penggunaan bahasa. Pada masa kini, analisis perbualan merupakan satu kaedah yang digunakan secara meluas dalam bidang sosiologi, antropologi, linguistik dan psikologi.

Data yang dikumpul untuk kaedah analisis perbualan boleh dirakam dalam bentuk video atau audio. Di samping itu, data boleh dikumpul tanpa penglibatan penyelidik dengan hanya memasangkan kamera video atau peralatan audio di lokasi kajian. Kemudian, transkripsi terperinci boleh dibina dengan adanya rakaman video atau audio. Selepas transkripsi, penyelidik boleh meninjau dan mengenal pasti corak interaksi berpandukan analisis data. Ini adalah kerana data-data yang dianalisis merupakan elemen asas bagi penghasilan sesuatu hipotesis. Justeru, pembentukan sesuatu model atau teori terhasil dari analisis data semata-mata.

Memang tidak dinafikan, kajian-kajian lepas tentang penggunaan kata-kata pujian dalam bahasa Inggeris atau bahasa Cina mempunyai kekuatan masing-masing. Namun, masih ada kekurangan kajian yang menyentuh tentang pujian bahasa Cina dalam konteks pendidikan. Oleh itu, satu kajian yang bertujuan mengkaji dan meninjau penggunaan pujian dalam kalangan guru-guru mata pelajaran Bahasa Cina sekolah menengah jenis kebangsaan semasa pengajaran dan pembelajaran amat diperlukan pada masa kini. Seterusnya, kajian juga akan melihat aspek persamaan dan perbezaan penggunaan pujian antara gender. Menurut Golato (2005), pemerhatian merupakan kaedah penyelidikan yang terbaik untuk menjalankan kajian berkenaan. Oleh itu, pengumpulan data kajian akan dilakukan melalui pemerhatian, rakaman audio dan temu bual semi berstruktur.

### 3.8.2 Kaedah Pengiraan Pujian

Kajian ini meninjau kekerapan dan jenis pujian yang disampaikan oleh guru wanita dan lelaki semasa berinteraksi dengan murid-murid dalam kelas. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menganalisis kekerapan pujian dengan mengira bilangan penilaian positif yang diberikan dalam interaksi. Memandangkan, kata-kata pujian boleh diujarkan secara meluas dalam bentuk yang berbeza-beza (Johnson dan Roen, 1992), oleh itu kata-kata pujian dalam setiap ujaran guru dikira dengan teliti. Kaedah pengiraan secara manual digunakan dalam kajian ini demi mendapatkan hasil kajian yang lebih jitu dan meningkatkan kebolehpercayaan. Langkah ini adalah lebih sensitif berbanding dengan menggunakan kriteria sintaksis (*defined using syntactic criteria*) kerana ia memperoleh jumlah penilaian positif yang terdapat dalam kata-kata pujian secara langsung. Contoh pengiraan kata-kata pujian adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.6.

Jadual 3.6: Pengiraan Kekerapan Kata-kata Pujian dalam Ujaran Guru

Pengiraan Kekerapan Kata-kata Pujian dalam Ujaran Guru		Kekerapan Pujian
Iǎoshī 老师 : Guru :	kèyè zhè ge jiùshì cí hěnhǎo hěnhǎo 课业，这个就是词，很好，很好，OK。 Tugasan, ini adalah kata, sangat <b>bagus</b> , sangat <b>bagus</b> , OK.	2
Iǎoshī 老师 : Guru :	hǎo hěn zhǔnquè 好，很准确。 OK, <b>bagus</b> , sangat <b>tepat</b> .	2
Iǎoshī 老师 : Guru :	gāngcái jiànwei gěi de dáàn shì zhèngquè de 刚才, 建伟 给的答案是正确的。 Jawapan yang diberikan oleh Jianwei tadi adalah <b>tepat</b> .	1
Iǎoshī 老师 : Guru :	duìle wéikāng jiǎngdehǎo bù shì bīngqì bù fēng 对了, 维康 讲得好, 不是 兵器不锋利, 而是 什么呢? <b>Betul</b> , apa yang dikatakan oleh Weikang <b>bagus</b> , bukan senjata tidak tajam, tetapi apa?	2

## **BAB EMPAT**

### **ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini membentangkan dan menghuraikan jenis pujian yang disampaikan oleh guru-guru kepada murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran kelas bahasa Cina. Data-data yang dikumpulkan dianalisis berdasarkan kaedah-kaedah yang telah dinyatakan dalam Bab 3. Proses analisis ini dilakukan secara deskriptif. Dalam bab ini juga, analisis kajian akan difokuskan kepada ciri-ciri linguistik seperti leksikal dan pola sintaksis dalam penggunaan pujian dalam bahasa Cina. Analisis dapatan kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama melihat persamaan dan perbezaan penggunaan pujian oleh guru wanita dan lelaki. Bahagian kedua pula meninjau pemilihan leksikal dalam pujian yang diberikan kepada murid dan penjelasan yang merujuk kepada unsur persamaan dan perbezaan. Bahagian yang terakhir mengenal pasti struktur ayat yang terdapat dalam penggunaan pujian bahasa Cina bagi kajian ini.

#### **4.2 Penggunaan Pujian Bahasa Cina**

Dalam konteks pendidikan, kata-kata pujian yang dilafazkan oleh guru memainkan peranan penting dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta latihan (Rusli Ahmad dan Abg Ishar Abg Yaman, 2010). Ini adalah kerana kewujudan kesan positif tingkah laku memuji akan melahirkan suasana pembelajaran yang lebih berkesan dan kondusif (Mok, 2009). Di samping itu, kata-kata pujian yang diterapkan secara tersurat atau tersirat membawa kepada perubahan tingkah laku yang positif di kalangan murid (Rusli Ahmad dan Abg Ishar Abg Yaman, 2010). Justeru itu, keadaan ini dapat

menjamin berlakunya pemindahan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diharapkan (*ibid.*). Lantaran itu, penyampaian isi kandungan dan objektif pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan tercapai.

Penganalisaan penggunaan pujian dalam bahasa Cina telah dilakukan berdasarkan interaksi antara guru dengan murid sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi meninjau penggunaan pujian dalam bahasa Cina oleh guru wanita dan lelaki, catatan jumlah kata-kata pujian yang diujarkan oleh setiap responden perlu dikaji. Dalam korpus pujian kajian ini, analisis data yang diperoleh membuktikan bahawa kewujudan perbezaan tingkah laku memuji antara guru wanita dan lelaki dari segi kekerapan ujaran kata-kata pujian dan bahasa yang digunakan, terutamanya pemilihan leksikal dan pola sintaksis.

Jadual 4.1: Penggunaan Pujian dalam Bahasa Cina oleh Guru-guru

Jenis Pujian	Kekerapan	Peratusan (%)
Tidak Memberi Pujian ( <i>Non-Compliment</i> )	361	58.3
Pujian Eksplisit ( <i>Explicit Compliment</i> )	193	31.2
Pujian Implisit ( <i>Implicit Compliment</i> )	65	10.5
Tidak Memberi Respon ( <i>No Response</i> )	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>619</b>	<b>100</b>

Jadual 4.1 memaparkan jenis pujian yang kerap digunakan oleh guru-guru semasa berinteraksi dengan murid dalam kelas bahasa Cina dijalankan. Analisis korpus kajian ini jelas menyatakan bahawa guru wanita dan lelaki cenderung menggunakan tiga daripada empat jenis pujian yang dilaporkan dalam kajian Ye (1995). Kedua-dua gender lebih tertumpu kepada penggunaan pujian eksplisit (*explicit compliment*), pujian implisit (*implicit compliment*) dan strategi tidak memberi pujian (*non-compliment*) semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan Jadual 4.1, strategi tidak

memberi pujian menunjukkan kekerapan penggunaan yang paling tinggi, diikuti oleh pujian eksplisit dan akhir sekali pujian implisit. Walau bagaimanapun, guru-guru wanita dan lelaki tidak sama sekali memilih strategi tidak memberi respon (*no response*) dalam konteks pendidikan.

Analisis data yang diperoleh mendedahkan bahawa penggunaan strategi tidak memberi pujian menunjukkan kekerapan paling tinggi dalam kajian ini, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.1. Guru-guru wanita dan lelaki didapati bahawa menggunakan strategi tidak memberi pujian sebanyak 361 kali, iaitu merangkumi 58.3% daripada keseluruhan korpus pujian dalam bahasa Cina. Ini terbukti bahawa strategi tidak memberi pujian amat kerap dan ketara dipilih oleh para guru semasa berinteraksi dengan murid-murid dalam kelas. Berdasarkan analisis transkripsi rakaman audio, guru wanita dan lelaki didapati bahawa tidak menyampaikan kata-kata pujian terhadap apa yang dilafazkan oleh murid-murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Sungguhpun begitu, guru-guru tetap memberi maklum balas secara lisan kepada murid-murid pada konteks tertentu. Maklum balas daripada para guru bergantung kepada pendapat dan jawapan yang dikemukakan oleh murid-murid sepanjang aktiviti kelas dijalankan.

Melalui pemerhatian, guru-guru wanita dan lelaki didapati bahawa memberi maklum balas secara lisan dengan mengulangi pendapat murid-murid. Semasa penyampaian isi pelajaran, guru-guru mengulangi jawapan murid supaya didengar oleh seluruh kelas kemudian mencatatkannya dalam buku latihan. Di samping itu, mereka juga memberi penghuraian terhadap pandangan murid-murid, demi menjelaskan kemosyikilan dan mengelakkan kesilapan tersebut diulangi. Seterusnya, guru-guru turut mengulangi jawapan dalam bentuk pertanyaan demi mendapatkan kepastian daripada murid. Selain

itu, guru wanita dan lelaki didapati bahawa menolak atau menafikan jawapan murid berkaitan dengan topik perbincangan pada konteks tertentu. Ini adalah kerana pendapat murid tidak menepati kehendak soalan dan skema jawapan. Perbincangan dan huraian yang lebih terperinci dan mendalam di bahagian 4.2.3.3.

Analisis kajian menjelaskan bahawa penggunaan pujian eksplisit oleh guru wanita dan lelaki adalah sebanyak 193 kali, dimana meliputi 31.2% daripada keseluruhan data. Data-data yang dipaparkan dalam Jadual 4.1 membuktikan bahawa pujian eksplisit dalam bahasa Cina merupakan pilihan yang kedua selepas strategi tidak memberi pujian oleh para guru bagi kajian ini. Ternyata, guru-guru wanita dan lelaki juga cenderung menyampaikan penilaian positif secara eksplisit sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Semasa pengajaran dalam bilik darjah, guru-guru wanita dan lelaki terbutki bahawa memuji secara eksplisit kepada murid-murid yang berupaya mengemukakan jawapan betul dan tepat. Misalnya dalam Ekstrak 1 hingga 3, para guru memilih kata adjektif 好 (hǎo / bagus), 正确 (zhèngquè / tepat) dan 准确 (zhǔnquè / tepat) untuk mengujarkan kata-kata pujian secara eksplisit ke atas keupayaan murid-murid. Di samping itu, guru-guru juga menggunakan kata adverba demi menyampaikan penilaian positif secara langsung kepada murid-murid. Contohnya, dalam Ekstrak 7 hingga 9, 好 (hǎo / bagus), 很好 (hěn hǎo / sangat bagus) dan 对 (duì / betul) merupakan kata adverba yang membawa semantik positif.

Dalam Ekstrak 1 hingga 3 serta Ekstrak 7 hingga 9, kata-kata pujian yang diujarkan secara langsung berfungsi sebagai penilaian positif dan penghargaan, supaya murid-murid mengulangi dan mengukuhkan tingkah laku yang diingini kelak (Mok, 2008). Sehubungan dengan itu, kata-kata pujian yang disampaikan demi menggalakkan dan memotivasi individu tertentu (Mok, 2008) supaya berani menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru. Ini juga dapat membantu meningkatkan keberkesanan penguasaan ilmu pengetahuan atau kemahiran murid, seterusnya mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik (Rusli Ahmad dan Abg Ishar Abg Yaman, 2010).

Dalam kajian ini, guru lelaki dibuktikan bahawa memuji secara eksplisit ke atas ciri-ciri personaliti murid-murid, seperti kejujuran. Seperti yang dipaparkan dalam Ekstrak 4 dan 5, guru lelaki menyampaikan kata-kata puji secara langsung kepada beberapa orang murid yang kelihatan jujur. Semasa penyampaian isi pelajaran, guru berkenaan menjelaskan ciri-ciri personaliti orang Iban seperti ketekunan, kejujuran dan sebagainya. Pada konteks itu, guru lelaki menggunakan kata adjektif bahasa Cina 老实 (lǎoshi / jujur) untuk menyampaikan penilaian positif keatas ciri-ciri personaliti murid-murid.

Dalam Ekstrak 10 pula, guru wanita memilih kata kerja 佩服 (pèifu / mengagumi) untuk memuji sikap keberanian murid perempuan yang cuba mengutarakan jawapannya semasa perbincangan latihan penggolongan kata. Jadi, ciri-ciri personaliti murid-murid turut merupakan fokus pujian dalam interaksi dengan guru.

Selain keupayaan dan ciri-ciri personaliti murid, rupa paras atau penampilan individu juga menjadi topik pujian di kalangan guru wanita dan lelaki. Dalam Ekstrak 6, rupa paras seorang murid perempuan mendapat perhatian dan penilaian positif daripada guru

lelaki semasa kelas Bahasa Cina. Kata adjektif 可爱 (kěài / comel) digunakan oleh guru lelaki untuk menyampaikan keagumannya kepada murid berkenaan. Sungguhpun begitu, apa yang diperhatikan bahawa keaguman tersebut merupakan satu kriteria pemilihan murid untuk menjawab soalan guru. Seterusnya, guru tersebut memperalatkan murid perempuan dengan mengarahnya mencuba soalan yang dikemukakan. Memperalatkan atau mempergunakan orang lain (利用他人 liyòng tāréng) merupakan keunikan fungsi pujian dalam konteks timur (Jia, 1997). Fungsi ini berbeza dengan hasil kajian-kajian lepas yang ditemui oleh pengkaji barat (Manes dan Wolfson, 1980; Manes, 1983; Wolfson, 1983; Brown dan Levinson, 1987; Holmes dan Brown, 1987; Lewandowske-Tomszacyk, 1989; Herbert, 1990; Johnson dan Roen, 1992; Holmes, 1993; Burton, 2003), dimana pujian berperanan untuk menggembirakan individu (Herbert, 1990) atau mewujudkan hubungan solidariti (Holmes, 1986).

Keputusan analisis membuktikan bahawa kata-kata pujian eksplisit yang dilafazkan oleh guru wanita dan lelaki mengandungi kata adjektif seperti 老实 (lǎoshi / jujur), 可爱 (kěài / comel), kata kerja 佩服 (pèifu / mengagumi) dan kata adverba seperti 好(hǎo / bagus), 很好 (hěn hǎo / sangat bagus), 对(duì / betul) selaku pembawa semantik yang positif. Dapatan ini sejajar dengan hasil kajian Ye (1995). Beliau membincarkan bahawa ujaran penutur seharusnya mengandungi sekurang-kurangnya satu perkataan semantik positif. Perkataan yang mendukung semantik positif dalam sesuatu ujaran merupakan justifikasi asas bagi mengenal pasti pujian eksplisit (Ye, 1995).

Menurut Herbert (1990) dan Ye (1995) bahawa pujian eksplisit boleh dikenal pasti berdasarkan penggunaan perkataan atau leksikal yang selaku pembawa semantik positif

dalam ujaran. Oleh itu, pujian eksplisit boleh dikelaskan berdasarkan penggunaan kata adjektif, kata kerja dan kata adverba yang mendukung semantik positif (Ye, 1995; Boyle, 2000) dalam penilaian positif. Menurut Ye (1995), pujian eksplisit dapat diklasifikasikan kepada pujian eksplisit adjektif (*adjective explicit compliment*), pujian eksplisit adverba (*adverbial explicit compliment*), pujian eksplisit nominal (*nominal explicit compliment*) dan pujian eksplisit kata kerja (*verbal explicit compliment*) dengan menjustifikasi leksikal yang mengandungi semantik positif. Penerangan lanjut mengenai pengklasifikasian pujian eksplisit akan diperbincangkan di bahagian 4.2.3.1.

Berdasarkan Jadual 4.1, penggunaan pujian implisit oleh guru wanita dan lelaki adalah paling rendah antara ketiga-tiga jenis pujian. Analisis data menyatakan bahawa pujian implisit diujarkan sejumlah 65 kali, dimana hanya merangkumi 10.5% daripada keseluruhan korpus kajian ini. Melalui pemerhatian, pujian implisit diterapkan oleh guru wanita dan lelaki untuk memuji murid yang berani menyatakan jawapan atau pendapat semasa proses penyampaian isi pelajaran. Walau bagaimanapun, jawapan yang diberikan oleh murid berkenaan adalah kurang tepat dengan kehendak soalan. Kata-kata pujian secara implisit diberikan supaya menggalakkan murid mengulangi tingkah laku yang positif kelak (Mok, 2008), iaitu berani mengenengahkan pendapat.

Berdasarkan analisis data, pujian implisit yang dilafazkan oleh guru-guru adalah seperti 可以 (kěyǐ/ boleh), 可以接受 (kěyǐ jiēshòu / boleh diterima), 没有错 (méiyǒu cuò / tiada salah) dan 差不多接近 (chàbúduō jiējìn / hampir kepada). Misalnya dalam Ekstrak 12, seorang murid mengenengahkan jawapan 辨识人才的能力 (biānshí réncáí de nénglì / keupayaan mencungkil bakat) semasa perbincangan latihan peribahasa Cina. Pada konteks itu, guru bertindak balas dengan mengujarkan 可以接受 (kěyǐ jiēshòu /

boleh diterima). Bagi Ekstrak 13 pula, guru sedang berbincang kefahaman bahasa klasik Cina dengan kelas. Salah seorang murid diarahkan oleh guru untuk menterjemahkan ayat bahasa klasik Cina ke bahasa moden Cina. Apabila murid tersebut memberi jawapan bagi terjemahan bahasa klasik Cina, guru melafazkan ayat ‘老头也可以’ (lǎotóu yě kěyǐ / orang tua pun boleh [diterima]) untuk menyokong pendapat yang dikemukakan oleh murid. Lantaran itu, 可以接受 (kěyǐ jiēshòu / boleh diterima) dan 可以 (kěyǐ/ boleh) yang diungkapkan dalam Ekstrak 12 dan 13 bolehlah diinterpretasikan sebagai ‘jawapan anda betul dan boleh diterima pakai’ dalam konteks itu. Maka, kenyataan 可以接受 (kěyǐ jiēshòu / boleh diterima) dan 可以 (kěyǐ / boleh) adalah pujian implisit kepada murid yang berkeupayaan memberikan jawapan. Begitu juga dengan ungkapan 没有错 (méiyǒu cuò / tiada ada yang salah) dan 差不多接近 (chàbúduō jiējìn / hampir kepada) juga dikelaskan sebagai kata-kata pujian tersirat.

Walau bagaimanapun, keempat-empat pujian secara tersirat yang diberikan oleh guru-guru hanya difahami berdasarkan sesuatu konteks atau memerlukan penjelasan tambahan oleh penutur. Sebagai contoh, ungkapan 可以接受 (kěyǐ jiēshòu / boleh diterima) yang diujarkan dalam interaksi antara guru disiplin dengan murid boleh memberikan takrif yang berlainan pada konteks tersebut. Pada situasi itu, ungkapan 可以接受 juga boleh diinterpretasikan sebagai ‘saya menerima alasan yang anda berikan’, dimana guru disiplin menerima penjelasan daripada murid yang datang lewat. Begitu juga dengan 差不多接近 (chàbúduō jiējìn / hampir kepada). Sekiranya, pemandu teksi mengujarkan 差不多接近 (chàbúduō jiējìn / hampir kepada) kepada penumpang dalam perjalanan ke suatu destinasi. Maka, ujaran 差不多接近 (chàbúduō jiējìn / hampir

kepada) boleh juga memberikan takrif sebagai penumpang teksi sudah berhampiran dengan tempat yang dituju. Oleh itu, pemahaman kata-kata pujian implisit amat bergantung pada konteks interaksi dan penerangan lanjutan oleh pemberi pujian, demi mengelakkan kegagalan komunikasi. Perbincangan secara terperinci berkaitan dengan pujian secara implisit akan dibicarakan bahagian 4.2.3.2.

Kesimpulannya, guru wanita dan lelaki menggunakan tiga jenis pujian daripada empat yang dilaporkan oleh Ye (1995). Berdasarkan dapatan analisis data, strategi tidak memberi pujian, pujian eksplisit dan pujian implisit merupakan jenis pujian yang kerap digunakan oleh guru-guru dalam kajian ini. Dapatan kajian ini memaparkan sedikit perbezaan dengan hasil yang ditemui oleh Ye (1995) dan Quan (2004). Kajian yang dilaksanakan oleh Ye (1995) dan Quan (2004) membuktikan bahawa pujian eksplisit, pujian implisit, tidak memberi pujian dan tidak memberi respon digunakan semasa menyampaikan kekaguman atau penghargaan ke atas pemilikan individu lain. Walau bagaimanapun, guru wanita dan lelaki tidak sama sekali menggunakan strategi tidak memberi respon dalam kelas bahasa Cina.

Kewujudan perbezaan dapatan kajian ini mungkin didorong oleh kaedah penyelidikan dan konteks interaksi yang berlainan. Kajian ini meninjau penggunaan jenis-jenis pujian antara interaksi guru dengan murid dengan menganalisis transkripsi rakaman audio. Ye (1995) dan Quan (2004) pula mengkaji pujian yang diberikan oleh pelajar-pelajar universiti melalui kaedah soal selidik *Discourse Completion Test*.

Topik pujian dalam kajian ini juga menunjukkan persamaan dibandingkan dengan hasil kajian-kajian lepas (Wolfson, 1983, 1989; Knapp *et al.*, 1984; Daikuhsara, 1986; Holmes dan Brown, 1987; Lewandowske-Tomszacyk, 1989; Herbert, 1989, 1991; Ye, 1995; Nelson *et al.*, 1996a; Akmar Mohamad, 2000; Achugar, 2001; Yuan, 2002; Cui, 2007). Analisis data membuktikan bahawa keupayaan, ciri-ciri personaliti dan penampilan murid-murid menjadi topik pujian di kalangan guru wanita dan lelaki dalam konteks pendidikan. Dapatan ini menyokong penemuan pengkaji barat dan timur (Wolfson, 1983, 1989; Knapp *et al.*, 1984; Daikuhsara, 1986; Holmes dan Brown, 1987; Lewandowske-Tomszacyk, 1989; Herbert, 1989, 1991; Ye, 1995; Nelson *et al.*, 1996a; Akmar Mohamad, 2000; Achugar, 2001; Yuan, 2002; Cui, 2007). Ketiga-tiga topik pujian tersebut didapati tidak hanya difokuskan kepada murid lelaki, murid perempuan juga menerima kata-kata pujian berkaitan dengannya. Tambahan pula, didapati keupayaan merupakan topik pujian yang utama bagi kajian ini.

Bagi fungsi pujian pula, memperalatkan atau mempergunakan individu (利用他人 liyòng tārén) adalah keunikan pujian dalam konteks timur (Jia, 1997) yang ditemui dalam kajian ini. Selain itu, memuji penampilan murid perempuan merupakan satu kriteria pemilihan untuk menyertai aktiviti kelas dalam kajian ini. Sebenarnya, kata-kata pujian yang diujarkan oleh guru lelaki berperanan untuk memperalatkan dan mengarah murid membaca petikan buku teks. Ia berbeza dengan hasil kajian-kajian lepas yang ditemui oleh pengkaji barat (Manes dan Wolfson, 1980; Manes, 1983; Wolfson, 1983; Brown dan Levinson, 1987; Holmes dan Brown, 1987; Lewandowske-Tomszacyk, 1989; Herbert, 1990; Johnson dan Roen, 1992; Holmes, 1993; Burton, 2003), dimana pujian berfungsi untuk menggembirakan individu (Herbert, 1990) dan mewujudkan perhubungan solidariti dengan ahli kumpulan (Holmes, 1986).

#### **4.2.1 Penggunaan Pujian Bahasa Cina antara Gender**

Jadual 4.2 menunjukkan penggunaan jenis pujian dalam bahasa Cina oleh guru wanita dan lelaki semasa aktiviti pengajaran. Data-data yang dianalisis memaparkan bahawa penggunaan jenis pujian yang sama oleh guru wanita dan lelaki, tetapi mereka berbeza dari segi kekerapan penggunaan.

Jadual 4.2: Penggunaan Pujian dalam Bahasa Cina oleh Guru Wanita dan Lelaki

<b>Jenis Pujian</b>	<b>Gender</b>	
	<b>Guru Wanita</b>	<b>Guru Lelaki</b>
Tidak Memberi Pujian ( <i>Non-Compliment</i> )	240	121
Pujian Eksplisit ( <i>Explicit Compliment</i> )	99	94
Pujian Implisit ( <i>Implicit Compliment</i> )	17	48
Tidak Memberi Respon ( <i>No Response</i> )	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>356</b>	<b>263</b>

Tingkah laku memuji oleh guru wanita dan lelaki menunjukkan persamaan dari segi penggunaan jenis pujian. Jadual 4.2 memaparkan urutan pemilihan jenis pujian yang kerap digunakan oleh kedua-dua gender, iaitu strategi tidak memberi pujian, diikuti oleh pujian eksplisit dan akhirnya pujian implisit.

Penggunaan strategi tidak memberi pujian menunjukkan kekerapan yang paling tinggi dalam kajian ini. Analisis data menjelaskan bahawa guru wanita menggunakan strategi tidak memberi pujian sebanyak 240 kali, manakala guru lelaki pula sebanyak 121 kali semasa berinteraksi dengan murid dalam kelas bahasa Cina. Kedua-dua gender didapati bahawa bukan sahaja mengulangi pendapat murid-murid, malahan memberi penjelasan mengenai jawapan yang dikemukakan oleh murid. Selain itu, guru lelaki (48 kali) didapati lebih cenderung memberikan pujian implisit daripada guru wanita yang hanya mengujarkannya 17 kali. Perbezaan ini menyokong hasil kajian pengkaji barat seperti Holmes (1986), Tannen (1990), Coates (1995) dan lain-lain lagi, dimana penutur lelaki

jarang memuji individu lain semasa berinteraksi. Walau bagaimanapun, kata-kata pujian yang dilafazkan secara eksplisit tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan oleh kedua-dua gender, dimana guru wanita melafazkan kata-kata pujian secara eksplisit sebanyak 99 kali berbanding dengan guru lelaki (94 kali). Kedua-dua gender didapati memuji secara langsung keatas keupayaan dan perwatakan murid perempuan dan lelaki.

Secara keseluruhan, analisis keputusan yang diperoleh jelas menyatakan bahawa guru wanita (356 kali) menyampaikan pujian lebih banyak daripada guru lelaki (263 kali). Ini membuktikan bahawa guru wanita lebih cenderung memberikan pujian kepada murid semasa berinteraksi. Justeru itu, dapatan ini sejajar dengan hasil kajian pengkaji barat dan timur, dimana wanita lebih kerap memuji berbanding dengan lelaki (Wolfson, 1983; Holmes, 1986; Lewandowske-Tomszacyk, 1989; Herbert, 1989, 1990; Ye, 1995; Zhang 2007). Di samping itu, guru lelaki lebih cenderung memuji secara implisit berbanding dengan guru wanita. Keputusan analisis ini selaras dengan hasil kajian Sun (2003) dan Quan (2004), dimana penutur lelaki lebih kerap memberikan pujian implisit.

#### **4.2.2 Penggunaan Pujian dalam Bahasa Cina oleh Guru mengikut Kumpulan Gender**

Jadual 4.3 memaparkan kekerapan jenis pujian yang dipilih oleh guru-guru mengikut gender kumpulan murid. Keputusan yang diperoleh melalui analisis data jelas menunjukkan bahawa guru wanita dan lelaki memilih jenis pujian yang sama untuk menyampaikan penilaian positif kepada murid-murid, tetapi kedua-dua gender berbeza dari segi kekerapan ujaran.

Jadual 4.3: Penggunaan Pujian Bahasa Cina oleh Guru mengikut Gender Kumpulan Murid

Jenis Pujian	Gender			
	Guru Wanita		Guru Lelaki	
	MP	ML	MP	ML
Tidak Memberi Pujian ( <i>Non-Compliment</i> )	91	149	65	56
Pujian Eksplisit ( <i>Explicit Compliment</i> )	34	65	38	56
Pujian Implisit ( <i>Implicit Compliment</i> )	12	5	36	12
Tidak Memberi Respon ( <i>No Response</i> )	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>137</b>	<b>219</b>	<b>139</b>	<b>124</b>

MP: Murid Perempuan, ML: Murid Lelaki

Data-data pada Jadual 4.3 jelas memaparkan jumlah kata-kata pujian yang diujarkan oleh guru wanita adalah sebanyak 356 kali berbanding dengan guru lelaki hanya 263 kali. Analisis data juga menunjukkan bahawa guru wanita memuji murid perempuan sebanyak 137 kali, dimana terdiri daripada 91 kali strategi tidak memberi pujian, 34 kali pujian eksplisit dan 12 kali pujian implisit. Sementara itu, murid lelaki pula menerima sejumlah 219 kali pujian daripada guru wanita, dimana 149 kali bagi penggunaan strategi tidak memberi pujian, 65 kali untuk pujian eksplisit dan 5 kali bagi pujian implisit.

Guru lelaki pula didapati bahawa menyampaikan sejumlah 263 kali penilaian positif kepada murid-murid. Guru lelaki mengujarkan sebanyak 139 kali pujian kepada murid perempuan, dimana merangkumi 65 kali strategi tidak memberi pujian, 38 kali pujian eksplisit dan 36 kali pujian implisit. Berbanding dengan murid perempuan, kata-kata pujian yang diterima oleh murid lelaki daripada guru lelaki hanya 124 kali. Jenis-jenis pujian yang ditujukan kepada murid lelaki meliputi 56 kali strategi tidak memberi pujian, 56 kali pujian eksplisit dan 12 kali pujian implisit. Analisis data jelas

memaparkan bahawa perbezaan yang tidak ketara bagi kata-kata pujian yang diberikan kepada murid lelaki dan perempuan semasa berinteraksi dengan guru lelaki.

Bagi kumpulan murid perempuan, guru wanita dan lelaki menggunakan 156 kali strategi tidak memberi pujian, 72 kali pujian eksplisit dan 48 kali pujian implisit berbanding dengan murid lelaki. Bagi kumpulan murid lelaki pula, penggunaan strategi tidak memberi pujian sebanyak 205 kali, pujian eksplisit disampaikan sebanyak 121 kali dan pujian implisit diujarkan sebanyak 11 kali oleh guru wanita dan lelaki. Pendek kata, murid lelaki (343 kali) menerima kata-kata pujian lebih banyak daripada murid perempuan (276 kali).

Berdasarkan Jadual 4.3, analisis data yang diperoleh membuktikan bahawa guru wanita lebih kerap memuji murid lelaki (219 kali) dalam sesuatu interaksi berbanding dengan murid perempuan (137 kali). Sebaliknya, guru lelaki lebih ketara menyampaikan penghargaan kepada murid perempuan (139 kali) daripada murid lelaki (124 kali). Dapatkan ini menunjukkan bahawa kewujudan ketidakseimbangan interaksi antara murid dengan guru dalam bilik darjah. Ini terbukti bahawa murid lelaki sentiasa menarik perhatian daripada guru wanita atau lelaki (Kelly, 1988; Jariah Mohd. Jan dan Khatijah Shamsuddin, 2003).

Kesimpulannya, guru wanita lebih kerap menyampaikan penilaian positif dan galakan kepada murid lelaki berbanding dengan guru lelaki. Bagi kumpulan murid pula, murid lelaki didapati bahawa menerima lebih banyak kata pujian daripada guru wanita, sebaliknya murid perempuan lebih kerap mendapatkan penilaian positif dan dorongan daripada guru lelaki. Sehubungan dengan itu, gender merupakan salah satu faktor sosial

yang mempengaruhi tingkah laku memuji di kalangan penutur dalam interaksi (Holmes, 1986).

#### **4.2.3 Pengklasifikasian Pujian Bahasa Cina mengikut Rangka Model Ye (1995)**

Dapatkan analisis data yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa pujian eksplisit bahasa Cina mengandungi kata adjektif, kata kerja dan kata adverba (Ye, 1995) yang selaku pembawa semantik positif (Ye, 1995, Boyle, 2000). Justeru itu, berdasarkan rangka model Ye (1995), korpus pujian eksplisit bahasa Cina kajian ini boleh diklasifikasikan kepada tiga kategori, iaitu pujian eksplisit adjektif (*adjective explicit compliment*), pujian eksplisit adverba (*adverbial explicit compliment*) dan pujian eksplisit kata kerja (*verbal explicit compliment*).

##### **4.2.3.1 Pujian Eksplisit**

Pujian eksplisit merujuk kepada pernyataan atau penghargaan yang diujarkan oleh penutur secara langsung atau tersurat kepada pendengar dalam interaksi (Holmes, 1988). Pujian secara tersurat boleh diujarkan melalui perkataan, frasa atau ayat. Ungkapan pujian ini jelas dan mudah difahami oleh penerima kerana setiap penilaian positif mestilah mengandungi sekurang-kurangnya satu pembawa semantik yang positif (Ye, 1995; Boyle, 2000).

Korpus pujian dalam bahasa Cina ini didapati bahawa pembawa semantik yang positif terbentuk daripada kata adjektif, kata kerja dan kata adverba. Berdasarkan Jadual 4.4, sejumlah 207 kata-kata pujian eksplisit ditemui dalam kajian ini, iaitu pujian eksplisit adjektif (194 kali), pujian eksplisit adverba (9 kali) dan pujian eksplisit kata kerja (2 kali).

Jadual 4.4: Kekerapan Pujian Eksplisit dalam Bahasa Cina

Pujian Eksplisit Bahasa Cina	Kekerapan (Kali)	Peratusan
Pujian Eksplisit Adjektif	182	94.3
Pujian Eksplisit Adverba	9	4.4
Pujian Eksplisit Kata Kerja	2	1
<b>JUMLAH</b>	<b>193</b>	<b>100</b>

### i. Pujian Eksplisit Adjektif (*Adjective Explicit Compliment*)

Pujian eksplisit adjektif merupakan salah satu bentuk penghargaan dan penilaian yang mengandungi kata adjektif yang bersemantik positif (Ye, 1995). Analisis data yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa pujian eksplisit adjektif diujarkan sebanyak 182 kali, iaitu merangkumi 94.3% daripada korpus kajian ini. Ini selaras dengan penemuan kajian Wolfson (1983) yang menyatakan bahawa kata adjektif paling kerap digunakan dalam tingkah laku memuji.

#### **Ekstrak 1**

xuéshēng kèyè

学 生 课业。

MP 1 Murid: Tugasan.

lǎoshī kèyè zhè ge jiùshì cí hěnhǎo hěnhǎo

老师： 课业，这个就是词，很好，很好，OK。

GW1 Guru Wanita : Tugasan, ini adalah kata, sangat **bagus**, sangat **bagus**, OK.

#### **Ekstrak 2**

xuéshēng guàngjiē gòuwù

学 生 逛 街 购 物。

MP 13 Murid: Berjalan-jalan sambil membeli belah.

lǎoshī gāngcái jiànwei gěi de dáàn shì zhèngquè de

老师： 刚 才, 建伟 给 的 答案 是 正 确 的。

GW 1 Guru Wanita: Jawapan yang diberikan oleh Jianwei tadi adalah **tepat**.

### **Ekstrak 3**

xuéshēng      wǒmen de zhōuzāo yǒu xǔduō jiéchū de  
学 生 : 我们的周遭有许多杰出的  
chénggōng rénshì zài zhèxiē chénggōng rén  
成 功 人 士。在这些成 功 人  
shì dāngzhōng yǒuxiē bù jiàn dé bǐ wǒmen  
士 当 中 , 有些不见得比我们  
gèng cōngmǐng gèng yǒu nénglì gèng wéi  
更 聪 明 , 更 有 能 力 , 更 为  
xìngyùn tāmen chénggōng de shì duì  
幸 运 。他 们 成 功 的\_\_\_\_\_, 是 对  
zìjǐ yǒu xìnxīn jíshǐ yùdào cuòzhé tāmen  
自 己 有 信 心 。即 使 遇 到 挫 折 , 他 们  
réngrán xiāngxìn zìjǐ néng dádào jì  
仍 然\_\_\_\_\_, 相 信 自 己 能 达 到 既  
dìng de mǎ bǎ lǐxiǎng biànchéng shìshí  
定 的 目 标 , 把 理 想 变 成 事 实 。

ML 70      Murid Lelaki: (Membaca petikan)

lǎoshī      hǎo fēichángzhǔnquè duìma nǐmendedá  
老 师 : 好 , 非 常 准 确 。对 吗 ? 你 们 的 答  
àn duìbudui  
案 , 对 不 对 ?

GW 2      Guru Wanita: Bagus, amat **tepat**. Betulkah? Jawapan anda betul tak betul?

Dalam Ekstrak 1 hingga 3, pujian eksplisit dalam bahasa Cina yang diujarkan oleh para guru adalah 好 (hǎo / bagus), 正确 (zhèngquè / tepat) dan 准确 (zhǔnquè / jitu / tepat).

Ketiga-tiga perkataan ini merupakan kata adjektif bahasa Cina yang mengandungi semantik positif. Dalam Ekstrak 1 dan 2, guru wanita sedang menyampaikan isi pelajaran iaitu pembentukan frasa dalam bahasa Cina. Guru wanita menggunakan kata adjektif 好 (hǎo / bagus) dan 正确 (zhèngquè / tepat) untuk memuji murid-murid yang berupaya mengklasifikasikan frasa bahasa Cina. Di samping itu, guru juga memilih 准确 (zhǔnquè / jitu / tepat) demi menyampaikan keaguman murid yang berjaya memberikan jawapan tepat dalam Ekstrak 3. Maka, ketiga-tiga kata adjektif berkenaan

sesuai dipilih untuk memuji keupayaan murid yang memberikan jawapan tepat. Kata-kata pujian itu penting sebagai rangsangan kepada murid, supaya mereka terus berusaha memperlengkapan diri (Mok, 2008).

#### **Ekstrak 4**

lǎoshī	ā zhè ge lǎo shí lā
老师 :	啊, 这个老实啦。
GL1 Guru Lelaki:	Ah, ini kelihatan <b>jujur</b> lah.

#### **Ekstrak 5**

lǎo shí	zhè yě shì lǎo shí
老师 :	这也是老实, OK?
GL 1 Guru Lelaki:	Yang ini juga kelihatan <b>jujur</b> , OK?

Dalam Ekstrak 4 dan 5, konteks interaksi dimana guru sedang membincangkan kandungan petikan yang berkaitan dengan kehidupan orang Iban. Guru telah menerangkan ciri-ciri personaliti orang Iban seperti ketekunan, kejujuran dan sebagainya dalam kelas bahasa Cina. Ketika itu, guru lelaki mengujarkan ayat **这个老实啦** (zhè ge lǎoshi lā / ini kelihatan jujur lah) dan **这也是老实**(zhè yě shì lǎoshi / yang ini juga kelihatan jujur) secara langsung kepada beberapa orang murid yang kelihatan jujur Ekstrak 4 dan 5. Kata-kata pujian yang diberikan bukan sahaja memuji perwatakan murid-murid, malahan dapat memberi gambaran yang jelas demi meningkatkan pemahaman berkaitan dengan penyampaian isi pelajaran. Lantaran itu, kata adjektif bahasa Cina **老实** (lǎoshi / jujur) boleh digunakan untuk memuji ciri-ciri personaliti positif murid. Ini juga dapat membantu dalam pembentukan sahsia murid-murid (Rusli Ahmad dan Abg Ishar Abg Yaman, 2010). Jadi, ciri-ciri personaliti murid-murid turut merupakan fokus pujian dalam interaksi dengan guru.

### **Ekstrak 6**

lǎoshī	yīnwéi nǐ kěài gē kěyǐ ma
老师 :	因为 你 可爱 咯！可以 吗？
GL 1 Guru Lelaki:	Oleh kerana anda <b>comel</b> lah! Bolehkah?

Kata adjektif 可爱 (kěài / comel) juga digunakan oleh guru lelaki untuk memuji rupa paras seorang murid perempuan. Dalam Ekstrak 6, guru lelaki mengatakan 因为你可爱咯！可以吗？(yīnwéi nǐ kěài gē! Kěyǐ ma? / oleh kerana anda comellah! Bolehkah?) kepada seorang murid perempuan semasa penerangan petikan kefahaman bahasa moden Cina. Kekaguman yang disampaikan oleh guru lelaki merupakan salah satu kriteria pemilihan murid untuk menyempurnakan tugas dalam bilik darjah. Ini adalah kerana 可以吗？(kěyǐ ma? / bolehkah?) dalam ujaran guru lelaki boleh diinterpretasikan sebagai ‘bolehkah anda menjawab soalan’ pada konteks itu. Tambahan pula, kata pujian tersebut juga berfungsi untuk memperalatkan murid supaya cuba mengemukakan jawapan semasa perbincangan dalam kelas. Walau bagaimanapun, kata adjektif 可爱 (kěài / comel) lebih sesuai menyampaikan kekaguman ke atas rupa paras murid perempuan.

Berdasarkan Ekstrak 1 hingga 6, guru-guru didapati bahawa tidak hanya menggunakan pujian eksplisit adjektif memuji keupayaan murid, malahan ciri-ciri personaliti dan rupa paras juga merupakan topik pujian bahasa Cina dalam konteks pendidikan.

## ii. Pujian Eksplisit Adverba (*Adverbial Explicit Compliment*)

Mengikut sistem tatabahasa dan struktur bahasa Cina, bentuk perkataan tidak menunjukkan perubahan apabila ia berbeza fungsi dalam sesuatu sintaksis (Wang, 2003). Semantik perkataan itu masih boleh dikenal pasti melalui perhubungan sintagmatik dengan perkataan lain dalam ujaran. Sebagai contoh, perkataan 好(hǎo / baik) merupakan kata adjektif boleh berfungsi sebagai kata adverba yang bergantung kepada susunan perkataan dalam sintaksis. Oleh yang demikian, pujian eksplisit adverba merupakan sesuatu kenyataan penghargaan atau kekaguman yang terdiri daripada gabungan kata adjektif dan kata kerja dengan kata adverba. Lazimnya, kata adverba yang dipilih mendukung semantik positif.

### Ekstrak 7

	xuéshēng	bīngqì bù fēnglì
	学 生 :	兵器不锋利。
ML 20	Murid:	Senjata tidak tajam.
	lǎoshī	duìle wéikāng jiǎngdehǎo bù shì bīngqì bù
	老师:	对了，维康讲得好，不是兵器不
		fēnglì ér shì shénme ne
		锋利，而是什么呢？
GW 1	Guru Wanita:	Betul, apa yang dikatakan oleh Weikang <b>bagus</b> , bukan senjata tidak tajam, tetapi apa?

### Ekstrak 8

	xuéshēng	shàncháng
	学 生 :	擅 长 。
ML 23	Murid:	Berkemahiran.
	lǎoshī	zǐchāo shàncháng duìle zǐchāo jiǎng de
	老师:	子超，擅 长 。对了，子超讲得
		hěn hǎo bù shàng cháng
		很 好 ，不 擅 长 。
GW 1	Guru Wanita:	Zichao, berkemahiran. Betul, apa yang dikatakan oleh Zichao <b>sangat bagus</b> , tidak berkemahiran.

### **Ekstrak 9**

xuéshēng	yǒu rén shuō
学 生 :	有 人 说 。
ML 28 Murid:	Ada orang mengatakan bahawa.
lǎoshī	yǒu rén shuō duì le jiāwěi shuō de duì yǒu
老 师 :	有 人 说 , 对 了。嘉 伟 说 得 对 , 有
	rén shuō
	人 说 。
GW 1 Guru Wanita:	Ada orang mengatakan bahawa, betul. Apa yang dikatakan oleh Jiawei <b>betul</b> , ada orang mengatakan bahawa.

Dalam Ekstrak 7 hingga 9, 讲得好 (jiǎng de hǎo / apa yang diujarkan bagus), 讲得很好 (jiǎng de hěn hǎo / apa yang diujarkan sangat bagus) dan 说得对 (shuō de duì / apa yang diujarkan betul ) merupakan pujian ekplisit adverba yang diujarkan oleh guru-guru semasa berinteraksi dengan murid-murid. Sepanjang perbincangan petikan kefahaman bahasa klasik Cina, guru wanita menggunakan ketiga-tiga pujian eksplisit adverba untuk memuji murid-murid yang berupaya mengutarakan pendapat yang tepat dengan kehendak soalan. Peneguhan positif ini merupakan galakan dan dorongan kepada murid-murid kerana tahap penguasaan bahasa klasik Cina murid rendah. Ini menyebabkan kebanyakan murid kurang berkeyakinan untuk menjawab soalan-soalan kefahaman bahasa klasik Cina. Kata-kata pujian yang diberikan mendorong perasaan murid-murid menjadi gembira, seterusnya semangat belajar semakin berkobar-kobar (Mok, 2008). Di samping itu, murid-murid bertambah yakin dengan kemampuan dan keupayaan diri sendiri dalam bidang akademik (Rusli Ahmad dan Abg Ishar Abg Yaman, 2010).

Ketiga-tiga kata pujian ekplisit amat sesuai digunakan untuk memberi penghargaan terhadap intelek atau keupayaan murid. Ini bukan sahaja memotivasi murid-murid,

malahan membantu peningkatan kecerdasan emosi dan prestasi akademik murid. Tambahan pula, kata-kata pujian yang dilafazkan juga berperanan dalam pembentukan sahsiah murid yang cemerlang (Rusli Ahmad dan Abg Ishar Abg Yaman, 2010). Di samping itu, kepintaran dan kemampuan murid-murid juga mencerminkan pengalaman sedia ada murid yang kukuh dan penguasaan ilmu pengetahuan yang dipelajari. Oleh yang demikian, kepintaran dan kemampuan telah menjadi salah satu topik pujian dalam kajian ini.

讲得好 (jiǎng de hǎo / apa yang diujarkan bagus), 讲得很好 (jiǎng de hěn hǎo / apa yang diujarkan sangat bagus) dan 说得对 (shuō de duì / apa yang diujarkan betul ) merupakan frasa kata kerja, dimana kata kerja bergabung dengan kata adjektif. Namun, perkataan 好 (hǎo / bagus) dan 对(duì / betul) merupakan kata adjektif yang membawa semantik positif tetapi berfungsi sebagai kata adverba dalam susunan ayat. Sungguhpun begitu, bentuk perkataan bahasa Cina tidak menunjukkan perubahan apabila ia berbeza fungsi dalam sesuatu sintaksis. Di samping itu, semantik perkataan itu dapat dikenal pasti berdasarkan perhubungan sintagmatik dengan perkataan lain dalam ujaran.

### **iii. Pujuan Eksplisit Kata Kerja (*Verbal Explicit Compliment*)**

Kata kerja yang membawa semantik positif juga dipilih untuk memberikan pujian secara langsung kepada murid-murid. Analisis data mendapati bahawa penggunaan kata kerja dalam pujuan eksplisit bahasa Cina amat terhad, iaitu hanya 1% dalam kajian ini. Dalam korpus pujuan, hanya terdapat dua kata kerja dipilih untuk memuji murid, iaitu 佩服 (pèifu / mengagumi) dan 欢迎 (huānyíng / disambut baik), seperti yang diujarkan dalam Ekstrak 10 dan 11. Kedua-dua kata kerja tersebut digunakan oleh

guru-guru untuk memberikan penghargaan kepada murid-murid yang memiliki ciri-ciri personaliti positif.

### **Ekstrak 10**

	xuéshēng	jiècí
	学 生 :	介词。
MP 2	Murid:	Kata sendi nama.
	lǎoshī	tā jiǎng jiècí            xī yào pèifú tā yǒu yǒng
	老 师 :	她 讲 介词 , OK。唉, 要 佩服 她 有 勇
		qì gěi dáàn duìbuduì zìjǐ lǐjiě
		气, 给 答案, 对 不 对? 自 己 理 解。
GW 2	Guru Wanita:	Dia kata kata sendi nama, OK. Ah, patut <b>mengagumi</b> keberaniannya, untuk menjawab, bukan? Kefahamannya sendiri.

Dalam Ekstrak 10, guru wanita memuji murid perempuan yang cuba memberi pendapat semasa perbincangan latihan penggolongan kata. Guru wanita memilih kata kerja 佩服 (pèifu / mengagumi) untuk memuji sikap keberanian murid perempuan tersebut. Peneguhan positif berkenaan untuk mendorong dan menggalakkan murid perempuan supaya sentiasa berani mencuba. Ini kerana setiap kali murid-murid mendengar kata-kata pujian, semangat belajar akan dipertingkatkan dan sentiasa teringat dengan pelajaran (Rusli Ahmad dan Abg Ishar Abg Yaman, 2010). Di samping itu, pujian juga berfungsi sebagai rangsangan untuk memotivasi murid-murid yang lain mencontohnya (ibid.).

### **Ekstrak 11**

	lǎoshī	wǒ kàn zhè bān bǐjiào shòu huānyíng de shì xīnyí
	老 师 :	我 看 这 班 比 较 受 欢 迎 的 是 欣 怡
		ge
		咯!
GL 1	Guru Lelaki:	Saya dapati (bahawa) Xinyi paling <b>disambut baik</b> oleh kelas ini!

Guru lelaki didapati bahawa menggunakan kata kerja 欢迎 (huānyíng / disambut baik) untuk memuji ciri personaliti murid perempuan. Dalam Ekstrak 11, murid perempuan menerima penilaian positif kerana ciri personalitinya. Ini adalah kerana murid tersebut amat digemari oleh rakan-rakannya dalam kelas. Walau bagaimanapun, kepopularannya berperanan sebagai kriteria pemilihan murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran. Sebenarnya, penilaian positif yang diterima telah memperalatkannya untuk mengutarakan pandangan yang berkaitan dengan topik perbincangan.

Secara keseluruhannya, 佩服 (pèifu / mengagumi) dan 欢迎 (huānyíng / disambut baik) adalah golongan kata kerja yang mengandungi makna positif. Guru wanita dan lelaki memilih kedua-dua pujian eksplisit kata kerja untuk menyatakan penghargaan atau kekaguman ke atas ciri-ciri personaliti murid. Namun, kedua-dua pujian eksplisit kata kerja memainkan peranan yang berbeza. Antaranya seperti mendorong dan menggalakkan murid perempuan supaya sentiasa berani mencuba, menjatuhkan air muka dan memperalatkan murid untuk menyempurnakan tugas. Menurut Jia (1997), memperalatkan individu untuk menyempurnakan tugas merupakan salah satu keunikan fungsi pujian dalam masyarakat timur .

#### **4.2.3.2 Pujian Implisit**

Data kajian menunjukkan bahawa guru juga kerapkali memuji secara implisit kepada murid-murid. Pujian yang diberikan secara tidak langsung hanya boleh difahami berdasarkan konteks tertentu dan adanya penerangan lanjutan daripada pemberi pujian.

### **Ekstrak 12**

	xuéshēng	biànsí réncái de nénglì
	学 生 :	辨识人才的能力。
MP 17	Murid:	Keupayaan mencungkil bakat.
	lǎoshī	biànsí réncái nénglì jiù kěyǐ jiēshòu
	老师 :	辨识人才能力, 就可以接受。
GW 2	Guru Wanita:	Keupayaan mencungkil bakat, <b>boleh diterima</b> .

Dalam Ekstrak 12, guru dan murid sedang membincangkan latihan peribahasa bahasa Cina. Apabila seorang murid mengenengahkan 辨识人才的能力 (biànsí réncái de nénglì / keupayaan mencungkil bakat) untuk jawapan latihan peribahasa bahasa Cina, guru memberi reaksi dengan mengujarkan 可以接受 (kěyǐ jiēshòu / boleh diterima). Sehubungan dengan itu, 可以接受 (kěyǐ jiēshòu / boleh diterima) dapat diinterpretasikan sebagai ‘Jawapan anda betul dan boleh diterima pakai’ dalam konteks itu. Justeru, kenyataan 可以接受 (kěyǐ jiēshòu / boleh diterima) merupakan penilaian positif secara tidak langsung kepada murid yang berupaya menjawab dengan tepat. Walau bagaimanapun, 可以接受 (kěyǐ jiēshòu / boleh diterima) hanya dapat difahami dengan penerangan lanjutan oleh pemberi pujian.

### **Ekstrak 13**

	xuéshēng	ā lǎobó
	学 生 :	啊, 老伯。
MP 14	Murid:	Ah, orang tua.
	lǎoshī	lǎofùfānyìchénglǎotóu lǎotóuyěkěyǐ
	老师:	老父翻译 成 老头, 老头也可以。
GL 2	Guru Lelaki:	‘Lao fu’ diterjemahkan ke ‘orang tua’, ‘orang tua’ juga <b>boleh (diterima)</b> .

### **Ekstrak 14**

	xuéshēng	kěyǐkànzhēndelǎohǔ 可以 看 到 真 的 老虎。
ML 34	学 生 :	Boleh ternampak harimau yang sebenar.
	lǎoshī	chángchángkěyǐkànzhēndelǎo h 常 常 可以 看 到 真 的 老虎,
	老 师 :	hǎo xièxiè duìle chàbúduōjiējìnle 好 , 谢谢 , 对 了 。 差 不 多 接 近 了 .....
GL 2	Guru Lelaki:	Selalu boleh ternampak harimau yang sebenar, bagus, terima kasih, betullah. <b>[Jawapan] dekat kepada [kehendak soalan].</b>

Dalam Ekstrak 13 dan 14, guru lelaki sedang berbincang kefahaman bahasa klasik Cina dengan murid-murid. Semasa perbincangan, guru berkenaan mengarahkan murid-murid untuk menterjemahkan ayat-ayat bahasa klasik Cina kepada bahasa moden Cina. Murid-murid telah mengemukakan jawapan penterjemahan bahasa klasik Cina dalam kelas. Guru lelaki memuji murid-murid dengan mengatakan 可以 (kěyǐ / boleh [diterima]) dan 差不多接近 (chàbúduō jiējìn / hampir kepada), seperti yang dipaparkan dalam Ekstrak 13 dan 14. Ungkapan 可以 (kěyǐ / boleh [diterima]) dan 差不多接近 (chàbúduō jiējìn / hampir kepada) boleh diinterpretasikan sebagai ‘Betul, jawapan anda menepati kehendak soalan’ pada konteks itu. Sehubungan dengan itu, ujaran 可以 (kěyǐ / boleh [diterima]) dan 差不多接近 (chàbúduō jiējìn / hampir kepada) merupakan pujian implisit kepada murid-murid yang berupaya memberi jawapan. Namun, pujuan implisit 可以 (kěyǐ / boleh [diterima]) dan 差不多接近 (chàbúduō jiējìn / hampir kepada) hanya boleh diinterpretasi dan difahami berdasarkan konteks interaksi tertentu atau maklumat lanjutan daripada penutur. Pendengar kemungkinan memberi pentafsiran yang berbeza atau salah sekiranya ia berlaku di luar konteks interaksi.

### **Ekstrak 15**

	xuéshēng 学 生 :	lǎoshī zhèyàngzixiěkěyǐma 老师, 这 样 子写可以吗?
ML 34	Murid:	Cikgu, bolehkah saya menjawab begini?
	lǎoshī 老师:	gǔrénfāmíngshànzìwèileqūshǔjiàwēn 古人发 明 扇 子为了祛 暑 降 温 , méiyǒucuò 没 有 错。
GL 2	Guru Lelaki:	Manusia mencipta kipas untuk menghilangkan kepanasan, <b>tak salah.</b>

Perbincangan latihan merumuskan karangan dijalankan dalam Ekstrak 15. Salah seorang murid mengemukakan ketidakpastian kepada guru mata pelajaran Bahasa Cina. Setelah disemak, guru memuji murid tersebut dengan ujaran 没有错 (méiyǒu cuò / tak salah) kerana keupayaan mengenal pasti isi karangan. Jadi, frasa 没有错 boleh difaham sebagai ‘jawapan anda betul’, maka ia digolongkan sebagai kata pujian tersirat.

Seperti yang sedia maklum, ucapan 谢谢 (xièxìè / terima kasih) lazimnya diberikan kepada individu yang menerima pertolongan atau jasa baik daripada orang lain. Namun, analisis kajian jelas menunjukkan bahawa 谢谢 (xièxìè / terima kasih) atau 谢谢你 (xièxìè nǐ / terima kasih kepada anda) dilafazkan untuk memuji murid-murid yang memberikan jawapan tepat, seperti yang dipaparkan dalam Ekstrak 16 hingga 18.

## **Ekstrak 16**

xuéshēng	tā sì chù zhāngwàng zì yǐ wéiliǎobuqǐ 学生 : 他四处 张望 , 自以为 了不起。
ML 16 Murid:	Dia memerhatikan sekeliling, terasa hebat.
lǎoshī	tā sì chù zhāngwàng zì yǐ wéiliǎobùqǐ 老师 : 他四处 /, 他四处 张望 , 自以为 了不起。
	xièxìe sìchù tā sì chù zhāngwàng xiǎnchūzì OK, 谢谢。/四处 /, 他四处 张望 , 显出自 dédeyàngzi yīnwéiyōunàgè dé fānyìchéng 得的 样子, 因为有那个 “得” 翻译成 zìdé xiǎnchūzìdédéyàngzi “自得”, 显出自得 的样子, xiǎnchūzìdédéyàngzi hǎo shūyí 显出自得 的样子, 好。淑仪。
GL 2 Guru Lelaki:	Dia memerhatikan sekeliling, terasa hebat. OK, <b>terima kasih</b> . Sekeliling, dia memerhatikan sekeliling dan terasa hebat. Oleh kerana ‘得’ (dé) diterjemahkan menjadi ‘terasa hebat’, menunjukkan terasa hebat, menunjukkan terasa hebat, bagus. Shuyi.

Dalam Ekstrak 16, guru sedang berbincang kefahaman bahasa klasik Cina dengan murid-murid. Semasa perbincangan, guru lelaki mengucapkan 谢谢 (xièxìe / terima kasih) kepada salah seorang murid lelaki yang berupaya menterjemahkan ayat bahasa klasik Cina ke bahasa moden Cina 他四处张望, 自以为 了不起 (tā sì chù zhāng wàng, zì yǐ wéi liǎo bù qǐ / dia memerhatikan sekeliling, terasa hebat). Seterusnya, guru bukan sahaja mengulangi jawapan yang dikemukakan oleh murid, malahan melafazkan 好 (hǎo / bagus) kepadanya di akhir ujaran. Tambahan pula, guru tersebut juga menghuraikan perkataan bahasa klasik Cina 得(dé) yang diterjemahkan menjadi 显出自得的 样子(xiǎnchū zìdé de yàngzi / terasa hebat) untuk menyokong jawapan murid berkenaan. Sehubungan dengan itu, 谢谢 (xièxìe / terima kasih) merupakan kata pujian implisit kepada murid yang berupaya mengemukakan jawapan yang memenuhi kehendak soalan pada konteks itu.

## **Ekstrak 17**

xuéshēng 学 生 :	zhàn 站 。
MP 26 Murid:	Berdiri.
lǎoshī 老师:	zhàn zhànzài yuán dì dà shēng yì hǒu xièxìe 站 , OK。站在原地大声一吼，谢谢。/ nǐ kàn guǒ rán lǎo hǔ tiào chū lái tiào chū lái hòu zhànzài 你看，果然老虎跳出来。跳出来后站在 yuán dì dà shēng yì hǒu huì wén 原地，大声一吼。/惠文。
GL 1 Guru Lelaki:	Berdiri, OK. Berdiri lalu mengaum dengan kuat, <b>terima kasih</b> . Anda lihat, harimau betul-betul melompat keluar. Melompat keluar kemudian berdiri di tempat asal mengaum dengan kuat. Huiwen.

## **Ekstrak 18**

xuéshēng 学 生 :	ā chà yí diǎn jiù sàng mìng le 啊，差一点就丧命了。
ML 37 Murid Lelaki:	Ah, hampir terbunuh.
lǎoshī 老师:	chà yí diǎn chà diǎn er jiù sàng mìng le xièxìe 差一点，差点儿就丧命了，谢谢。 chà diǎn er jiù sàng mìng le 差点儿就丧命了， chà diǎn jiù bēi lǎo hǔ tūn shì le dōu kě yǐ 差点儿就被老虎吞噬了，都可以。/ chà diǎn chà diǎn er sàng mìng de sàng 差点，差点儿。/丧命的“丧” zhù yì ā méi yóu zhè yí piě de xìn néng 注意啊，没有这一撇的。//信能。
GL 2 Guru Lelaki:	Hampir, hampir terbunuh, <b>terima kasih</b> . Hampir terbunuh, hampir diganyang oleh harimau, boleh. Hampir, hampir. Berhati-hati dengan tulisan ‘丧’ (sàng / mati). Xinneng.

Dalam Ekstrak 17 dan 18, ujaran 谢谢 (xièxiè / terima kasih) juga disampaikan dalam interaksi antara guru dan murid sepanjang perbincangan kefahaman bahasa klasik Cina. Guru lelaki didapati mengulangi jawapan yang diberikan oleh murid-murid iaitu 站, 站在原地大声一吼, (zhàn, zhàn zài yuándì dàshēng yì hǒu / berdiri, berdiri lalu mengaum dengan kuat) dan 差一点, 差点儿就丧命了 (chàyìdiǎn, chàdiāner jiù sàngmìng le / hampir, hampir terbunuh) kemudian mengujarkan 谢谢 (xièxiè / terima kasih) kepada murid-murid yang berkenaan, seperti yang dipaparkan dalam Ekstrak 17 dan 18. Ujaran 谢谢 (xièxiè / terima kasih) boleh diinterpretasikan sebagai kata-kata pujian secara implisit pada konteks perbincangan. Ini adalah kerana guru tersebut menyetujui pendapat murid-murid dengan mengulanginya tanpa sebarang pembetulan.

Demi mengelakkan data-data disalahtafsir maksud, guru lelaki tersebut telah ditemubual. Guru tersebut mengakui bahawa ujaran 谢谢 (xièxiè / terima kasih) kerap disampaikan demi menggalakkan dan memotivasi murid-murid berani mengemukakan pendapat atau pendirian masing-masing. Walau bagaimanapun, sesetengah ujaran 谢谢 (xièxiè / terima kasih) yang didapati dalam kajian ini bukan merupakan pujian implisit kepada murid-murid. Ujaran 谢谢 (xièxiè / terima kasih) yang disampaikan oleh guru semata-mata mengucapkan terima kasih kepada murid-murid pada konteks tertentu, seperti yang dipaparkan dalam Ekstrak 19.

### **Ekstrak 19**

M	学生:	自由。
	Murid:	Kebebasan.
	lǎoshī 老师:	zìyóudekěguì   ò   hǎo   hǎo   zuòxià   xièxìè   hǎo 自由 的 可 贵。 哟， 好， 好， 坐 下， 谢 谢。 好， zài lái   ā                         yào jiǎng   shìma   ā   yào jiǎng 再 来 / 啊？ Mohammad 要 讲 ， 是 吗？ 啊？ 要 讲 ma 吗 ？
GL 1	Guru Lelaki:	Kebebasan yang berharga. Oh, bagus, bagus, duduk, terima kasih. Baik, seterusnya / ah? Mohammad hendak bercakap yakah? Ah? Hendak bercakap kah?

### **Ekstrak 20**

MP13	xuéshēng 学 生 :	jiàngwēn 降 温 ni? Murid Perempuan Mengurangkan haba?
	lǎoshī 老师:	jiàngwēn   duì   fāmíngbàn fēn   shànzi bānfēn 降 温 ， 对！ 发明 半 分， 扇子 半 分， hái shǎole shénme   ā   shǎole gè jù hào lā 还 少 了 什 么？ / 啊？ 少 了 个 句 号 啦……
GL2	Guru Lelaki:	Mengurangkan haba, betul! <b>Reka cipta ½ markah, kipas ½ markah</b> , lagi apa yang tertinggal? Ah, tertinggal tanda koma lah .....

发明半分 (fāmíng bānfēn / reka cipta ½ markah) dan 扇子半分 (shànzi bānfēn / kipas ½ markah) merupakan pujian implisit yang hanya didapati dalam konteks pendidikan. Dalam Ekstrak 20, perbincangan merumuskan karangan sedang dijalankan. Semasa aktiviti pengajaran, seorang murid lelaki telah menulis isi petikan di papan hitam. Seterusnya, guru tersebut telah mengujarkan ungkapan **发明半分** (fāmíng bānfēn / reka cipta ½ markah) dan **扇子半分** (shànzi bānfēn / kipas ½ markah) ketika menyemak jawapan yang dikemukakan. Berdasarkan konteks interaksi, **半分** (bānfēn / ½ markah) diberikan kepada setiap isi petikan karangan yang memenuhi skema jawapan, iaitu **发明**

(fāmíng / reka cipta) dan 扇子 (shànzi / kipas). Secara tidak langsung, guru lelaki memuji murid yang berupaya mengenengahkan jawapan tepat. Namun, kedua-dua pujian memerlukan maklumat tambahan daripada penutur dan hanya difahami berdasarkan konteks interaksi.

Secara kesimpulan, kenyataan 可以接受 (kěyǐ jiēshòu / boleh diterima), 可以 (kěyǐ/boleh), 差不多接近 (chàbúduō jiējìn / hampir kepada) dan 没有错 (méiyǒu cuò / tak salah) merupakan pujian implisit kepada murid yang berupaya menjawab soalan. Di samping itu, ujaran 谢谢 (xièxìe / terima kasih) juga boleh diinterpretasikan sebagai pujian implisit pada konteks interaksi tertentu. Selain itu, pujian implisit seperti 发明半分 (fāmíng bànfēn / reka cipta ½ markah) dan 扇子半分 (shànzi bànfēn / kipas ½ markah) hanya didapati dalam konteks pendidikan. Ini adalah kerana guru mengujarkan ungkapan tersebut apabila murid mengemukakan pendapat yang memenuhi skema jawapan. Analisis data menunjukkan bahawa pujian implisit yang ditemui dalam kajian ini berbeza dengan hasil kajian Ye (1995) dan Quan (2004), dimana pujian implisit bagi kajian Ye (1995) dan Quan (2004) lebih cenderung kepada bentuk permintaan dan pertanyaan. Perbezaan ini adalah kerana konteks interaksi dan kaedah penyelidikan yang berlainan.

#### **4.2.3.3 Tidak Memberi Pujian**

Menurut Ye (1995), strategi tidak memberi pujian merupakan salah satu jenis pujian, tetapi penutur tidak menyampaikan sebarang penghargaan atau pernyataan positif kepada penerima pujian. Walau bagaimanapun penutur masih memberi reaksi semasa interaksi, namun apa yang diujarkan bukan berbentuk pujian. Kajian-kajian lepas

mendapati bahawa penutur menunjukkan kekaguman dan penghargaan terhadap pemilikan individu melalui pertanyaan.

### **Ekstrak 21**

	xuéshēng	péngyǒu
	学 生 :	朋 友。
MP 9	Murid:	<b>Rakan.</b>
	lǎoshī	rénshēngdedìyīgèpéngyǒu
	老 师 :	人 生 的 第 一 个 朋 友 !
GW 1	Guru Wanita:	<b>Rakan</b> yang pertama dikenali dalam kehidupan.

### **Ekstrak 22**

	xuéshēng	míngcí
	学 生 :	名 词。
ML 2	Murid:	<b>Kata nama.</b>
	lǎoshī	míngcí
	老 师 :	名 词。
GL 1	Guru Lelaki:	<b>Kata nama.</b>

### **Ekstrak 23**

	xuéshēng	sānfēnzhīyīdeshōurù
	学 生 :	三 分 之 一 的 收 入。
ML 11	Murid:	<b>Satu pertiga dari pendapatan.</b>
	lǎoshī	sānfēnzhīyīdeshōurù
	老 师 :	三 分 之 一 的 收 入。
GW 2	Guru Wanita:	<b>Satu pertiga dari pendapatan.</b>

Ekstrak 21 hingga 23 menunjukkan bahawa guru-guru tidak memberi pujian semasa murid-murid menjawab soalan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Sebaliknya, guru mengulangi jawapan yang diberikan oleh murid secara spontan. Secara tidak langsung, guru telah memberi penghargaan atau penilaian positif kepada murid tersebut.

### **Ekstrak 24**

	xuéshēng	fánnǎo
	学 生 :	烦 恼。
ML 6	Murid:	<b>Kerisauan.</b>
	lǎoshī	rénshēngdedìyīgèfánnǎo háiyǒu
	老 师 :	人 生 的 第 一 个 烦 恼 ! 还 有 ?
GW 1	Guru Wanita:	<b>Kerisauan</b> yang pertama dalam kehidupan. Lagi?

### **Ekstrak 25**

	xuéshēng	xiàoliǎn
	学 生 :	笑 脸。
MP 20	Murid:	<b>Senyuman.</b>
	lǎoshī	xiàoliǎn
	老 师 :	笑 脸 , OK?
GW 2	Guru Wanita:	<b>Senyuman</b> , OK?

Dalam Ekstrak 24 dan 25, guru-guru bukan sahaja mengulangi jawapan murid, malahan memberi maklum balas melalui pertanyaan. Guru-guru bertindak sedemikian untuk mendorong murid-murid mengutarakan pendapat atau jawapan tambahan. Di samping itu, guru mengemukakan pertanyaan demi memastikan murid-murid memahami apa yang diperbincangkan dalam kelas.

### **Ekstrak 26**

	xuéshēng	diànqì
	学 生	电 器。
	:	
MP 22	Murid:	<b>Peralatan elektrik.</b>
	lǎoshī	diànqì à diànqìbāokuòdiàndēng bāokuònǐ
	老 师 :	电 器 啊 ? 电 器 包 括 电 灯 , 包 括 你
		dezhǔshuǐdediànfànbbāo
		的 煮 水 的 电 饭 煲 。
GL 2	Guru Lelaki:	<b>Peralatan elektrik?</b> Peralatan elektrik termasuk lampu, termasuk periuk elektrik.

Dalam Ekstrak 26, guru juga memberikan penjelasan terhadap jawapan atau kemosykilan murid tanpa memuji semasa perbincangan dalam kelas. Keadaan seperti ini kerap berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Ini membantu murid-murid mengenal pasti ketepatan jawapan atau pendapat yang diberikannya. Dengan demikian, murid-murid dapat memahami dan menguasai isi kandungan pelajaran yang disampaikan oleh guru. Sungguhpun, pujian tidak diberikan kepada murid, namun tingkah laku guru menyakinkan murid bahawa guru menghormati dan memandang berat terhadap jawapan atau pendapat yang dikemukakan. Secara tidak langsung, murid-murid akan menikmati keseronokan proses pembelajaran, malahan memupuk keyakinan diri melalui penyertaan aktiviti dalam kelas.

### **Ekstrak 27**

	xuéshēng 学 生 :	qín yì gāochāo 琴艺高超。
MP 22	Murid:	Kehebatan memainkan piano.
	lǎoshī 老师 :	děngděngxià qín yì cuòcuòcuò nǐshìshuō 等 等 下。琴艺, 错 错 错! 你是说 qín yì shìzhègeqínma shìma zhègeqín yìde 琴艺, 是 这个 琴 吗? 是 吗? 这个 琴 艺 的 huà zhòngdiǎnbùzàizhèer bùkěyǐ 话, 重 点 不 在 这 儿, 不 可 以。
GW 2	Guru Wanita:	Sekejap sekejap. Kehebatan memainkan piano, <b>salah, salah, salah!</b> Adakah anda mengatakan bahawa kemahiran bermain piano, piano ini ke? Ya kah? Sekiranya (jawapan ialah) kemahiran bermain piano, maka ia bukan merupakan tumpuan di sini, tidak boleh.

### **Ekstrak 28**

xuéshēng      dìèrcì yīnggāi shì tā    ā xiǎoxué de māmā  
学 生 : 第二次 应该 是她, 啊 小雪 的 妈妈  
                ā yīnwéitā  
                啊, 因为他

ML 15    Murid:      Kali kedua adalah ibu Xiaoxue, kerana dia

lǎoshī      méiyǒulā cuòlelā cuòdàowán  
老师 : 没有啦! 错了啦! 错到完!

GW 2    Guru Wanita:      **Tiada lah! Salah ! Salah semua!**

Analisis data mendapati bahawa guru-guru kadangkala bukan sahaja tidak memberi pujian, malahan menafikan pendapat murid secara terus-terang, seperti yang ditunjukkan dalam Ekstrak 27 dan 28. Keadaan sebegini memang berlaku dalam kelas, tetapi dalam kajian ini perkara tersebut jarang berlaku. Dalam Ekstrak 27 dan 28, guru berbincang soalan-soalan kefahaman bahasa moden Cina dengan murid-murid. Guru wanita didapati memberi penerangan serta merta selepas menafikan pendapat murid, supaya murid tersebut menyedari kesilapannya. Di samping itu, guru memberikan penjelasan supaya murid mengetahui jawapan yang betul. Walau bagaimanapun, dalam psikologi pendidikan, guru yang berprofesional dan bertauliah memahami tindakan menafikan secara langsung akan menyinggung perasaan murid. Oleh yang demikian, guru menghuraikan pendapat atau jawapan murid secara terperinci.

Strategi tidak memberikan pujian dalam konteks pendidikan adalah berbeza dengan hasil kajian yang ditemui oleh Ye (1995). Guru-guru didapati mengujarkan soalan untuk mendapatkan maklumat tambahan daripada murid-murid dan bukannya berminat dengan pemilikannya. Selain itu, guru-guru bukan sahaja mengulangi dan menafikan jawapan murid, malahan memberikan penjelasan terhadap jawapan atau kemusykilan murid.

### **4.3 Pemilihan Leksikal Pujian dalam Bahasa Cina**

Dari segi pemilihan leksikal, sebahagian besar pujian termasuk dalam julat kata yang sangat terbatas. Analisis data yang diperoleh mendapati bahawa kata-kata pujian dalam bahasa Cina dibentuk daripada kata adjektif, kata kerja dan kata adverba.

#### **4.3.1 Kekerapan Penggunaan Kata Adjektif dalam Pujian Bahasa Cina**

Dalam kajian ini, sebahagian besar kata-kata pujian dalam bahasa Cina bergantung kepada penggunaan kata adjektif untuk menyatakan penilaian positif. Analisis kajian mendapati bahawa sejumlah 17 perkataan kata adjektif digunakan dalam tingkah laku memuji oleh guru-guru. Meskipun, didapati empat kata adjektif daripada korpus pujian dipilih secara kerap, sedangkan kebanyakan kata adjektif hanya muncul satu atau dua kali. Jadual 4.5 memaparkan kekerapan penggunaan kata adjektif dalam pujian bahasa Cina.

Jadual 4.5: Kekerapan Penggunaan Kata Adjektif dalam Pujian Bahasa Cina

Bil.	Kata Adjektif	Jumlah	Peratus (%)	
1	hǎo hěn hǎo 好 / 很 好	Bagus/Sangat Bagus	105	55.0
2	duì duì le 对 / 对 了	Betul/Betul lah	55	29.0
3	zhǔn què hěn zhǔn què 准 确 / 很 准 确 / fēi cháng zhǔn què 非 常 准 确	Tepat/ Sangat tepat/ Amat tepat	6	3.2
4	duō 多	Banyak/lebih	6	3.2
5	lǎoshí 老 实	Jujur	3	1.6
6	hěn mì hěn nóng mì 很 密/ 很 浓 密	Lebat	2	1.0

7	kuài 快	Cepat	2	1.0
8	dà 大	Besar	2	1.0
9	cōngmíng 聰 明	Cerdik pandai	2	1.0
10	zhèngquè 正 确	Tepat	1	0.5
11	hěnquèdìng 很 确 定	Sangat pasti	1	0.5
12	hěnjīngliàn 很 精 炼	Ringkas	1	0.5
13	hěn jīng jiǎn 很 精 简	Ringkas	1	0.5
14	kě ài 可 爱	Comel	1	0.5
15	tōng shùn 通 顺	Lancar	1	0.5
16	guāi 乖	Berkelakuan baik	1	0.5
17	jìng 静	Senyap	1	0.5
JUMLAH			191	100

Berdasarkan Jadual 4.5, analisis data yang diperoleh jelas terbukti bahawa empat kata adjektif yang sering muncul ialah 好 (hǎo / bagus), 对 (duì / betul), 准确 (zhǔnquè / jitu / tepat) dan 多 (duō / banyak / lebih). Keempat-empat kata adjektif tersebut merangkumi sebanyak 90.4% daripada korpus pujian kajian ini.

### Ekstrak 29

	xuéshēng 学 生	kèyè 课业。
MP 1	Murid:	Tugasan.
	lǎoshī 老师 :	kèyè zhè ge jiùshì cí hěnhǎo hěnhǎo 课业, 这个就是词, 很好, 很好, OK.
GW 1	Guru Wanita :	Tugasan, ini adalah kata, sangat <b>bagus</b> , sangat <b>bagus</b> , OK.

Berdasarkan Jadual 4.5 di atas, kekerapan penggunaan kata adjektif 好 (hǎo / bagus) paling tinggi iaitu sebanyak 105 pujian atau 55% bagi kategori pujian eksplisit adjektif. Penggunaan kata adjektif 好 (hǎo / bagus) dalam pujian boleh dilihat dalam Ekstrak 29.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina, guru-guru menggunakannya untuk memuji murid-murid yang memberi jawapan yang tepat.

### **Ekstrak 30**

	xuéshēng	bīngqì bù fēnglì
	学 生 :	兵器不锋利。
ML 20	Murid:	Senjata tidak tajam.
	lǎoshī	duìle wéikāng jiǎngdehǎo bù shì bīngqì bù
	老师:	对了，维康讲得好，不是兵器不
		fēnglì ér shì shénme ne
		锋利，而是什么呢？
GW 1	Guru Wanita:	Betul, apa yang dikatakan oleh Weikang <b>bagus</b> , bukan senjata tidak tajam, tetapi apa?

### **Ekstrak 31**

	xuéshēng	shàncháng
	学 生 :	擅 长 。
ML 23	Murid:	Berkemahiran.
	lǎoshī	zǐchāo shàncháng duìle zǐchāo jiǎng de
	老师:	子超，擅 长 。对了，子超讲得
		hěn hǎo bù shàncháng
		很 好 ，不 擅 长 。
GW 1	Guru Wanita:	Zichao, berkemahiran. Betul, apa yang dikatakan oleh Zichao sangat <b>bagus</b> , tidak berkemahiran.

Analisis data juga menunjukkan bahawa kata adjektif 好 (hǎo / bagus) berfungsi sebagai kata adverba dalam susunan ayat. Dalam Ekstrak 30 dan 31, 讲得好 (jiǎng de hǎo / apa yang diujarkan bagus) dan 讲得很好 (jiǎng de hěn hǎo / apa yang diujarkan sangat bagus) merupakan pujian eksplisit adverba, dimana kata kerja bergabung dengan kata

adjektif 好 (hǎo / bagus). Oleh itu, kata adjektif 好 (hǎo / bagus) telah berperanan sebagai kata adverba dalam perhubungan sintagmatik.

### **Ekstrak 32**

	xuéshēng	shàncháng
	学 生 :	擅 长 。
ML 23	Murid:	Berkemahiran.
	lǎoshī	zǐchāo shàncháng duile zǐchāo jiǎng de
	老师 :	子超 , 擅 长 。对了, 子超 讲 得
		hěnhǎo bùshàncháng
		很 好 , 不 擅 长 。
GW 1	Guru Wanita:	Zichao, berkemahiran. <b>Betul</b> , apa yang dikatakan oleh Zichao sangat bagus, tidak berkemahiran.

### **Ekstrak 33**

	xuéshēng	wǒmen de zhōuzāo yǒu xǔduō jiéchū de chéng
	学 生 :	我 们 的 周 遭 有 许 多 杰 出 的 成
		gōng rénshì zài zhèxiē chénggōng rénshì dāng
		功 人 士。在 这 些 成 功 人 士 当
		zhōng yǒuxiē bù jiàn dé bǐ wǒmen gèng cōng
		中 , 有 些 不 见 得 比 我 们 更 聪
		m gèng yǒu nénglì gèng wéi xìngyùn tāmen
		明 , 更 有 能 力 , 更 为 幸 运 。他 们
		chénggōng de shì duì zìjǐ yǒu xìnxin jíshǐ
		成 功 的 ___, 是 对 自 己 有 信 心 。即 使
		yùdào cuòzhé tāmen réngrán xiāngxìn zì
		遇 到 挫 折 , 他 们 仍 然 ___, 相 信 自
		jǐ néng dádào jìdìng de m bǎ lǐxiǎng biàn
		已 能 达 到 既 定 的 目 标 , 把 理 想 变
		chéng shìshí
		成 事 实 。
ML 70	Murid Lelaki:	(Membaca petikan)
	lǎoshī	hǎo fēichángzhǔnquè duìma nǐmendedáàn
	老师 :	好 , 非 常 准 确 。对 吗 ? 你 们 的 答 案 ,
		duìbuduì
		对 不 对 ?
GW 2	Guru Wanita:	Bagus, amat <b>tepat</b> . Betulkah? Jawapan anda betul tak betul?

Selanjutnya, 对 (duì / betul) dan 准确 (zhǔnquè / jitu / tepat) masing-masing muncul sebanyak 29% dan 3.2% daripada keseluruhan data. Guru wanita dan lelaki memilih kedua-dua kata adjektif berkenaan untuk menyampaikan penghargaan kepada murid-murid yang memberi jawapan tepat. Penggunaan 对 (duì / betul) dan 准确 (zhǔnquè / jitu / tepat) dalam pujian bahasa Cina ditunjukkan seperti di Ekstrak 32 dan 33.

#### **Ekstrak 34**

	xuéshēng	yǒu rén shuō
	学 生 :	有人 说。
ML 28	Murid:	Ada orang mengatakan bahawa.
	lǎoshī	yǒu rén shuō duì le jiāwěi shuō de duì yǒu
	老师:	有人 说，对了。嘉伟 说 得 对，有
		rén shuō
		人 说。
GW 1	Guru Wanita:	Ada orang mengatakan bahawa, betul. Apa yang dikatakan oleh Jiawei <b>betul</b> , ada orang mengatakan bahawa.

Dalam Ekstrak 34, 说得对 (shuō de duì / apa yang diujarkan betul) merupakan pujian eksplisit adverba yang diujarkan oleh guru semasa berinteraksi dengan murid-murid. Sepanjang perbincangan petikan kefahaman bahasa klasik Cina, guru wanita menggunakan pujian eksplisit adverba untuk memuji murid-murid yang berupaya mengutarakan pendapat yang tepat dengan kehendak soalan. Dalam Ekstrak 34, guru memilih kata kerja 说 (shuō / apa yang diujarkan) bergabung dengan kata adjektif 对 (duì / betul). Namun, kata adjektif 对 (duì / betul) telah berubah fungsi sebagai kata adverba dalam ujaran pujian.

### **Ekstrak 35**

- lǎoshī            suǒyǐ nǚ tóngxué duō le yīzhāng wénpíng  
老师： 所以女同学多了一张文凭，  
              duō le nǐ nà zhāng wénpíng  
              多了你那张文凭。  
GL 2      Guru Lelaki: Jadi, murid perempuan mempunyai kelayakan peringkat ijazah, **lebih** sijil daripada anda.

### **Ekstrak 36**

- lǎoshī            xiànzài tāduōnǐ yīzhāngwénpíng nǐshǎo  
老师： 现在，她多你一张文凭，你少  
              yīzhāngwénpíng  
              一张文凭。  
GL 2      Guru Lelaki: Kini, dia mempunyai **lebih** kelayakan daripada anda ijazah, anda tiada kelayakan peringkat ijazah.

Dalam Ekstrak 35 dan 36, keputusan analisis mendapati bahawa kata adjektif 多 (duō / banyak / lebih) juga kerap digunakan dalam pujian secara eksplisit. Kata adjektif 多 (duō / banyak / lebih) didapati bahawa diulangi sebanyak 6 kali, iaitu merangkumi 3.2% daripada korpus pujian bahasa Cina. Perkataan ini hanya digunakan oleh guru lelaki semasa berinteraksi dengan murid-murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Analisis data menunjukkan bahawa guru lelaki memilih perkataan tersebut demi memuji kejayaan akademik murid-murid perempuan, dimana mereka lebih berkemampuan melanjutkan pelajaran ke menara ganding berbanding dengan murid lelaki.

Analisis data-data terbukti bahawa sebahagian besar daripada kata adjektif yang dipilih dalam pujian bahasa Cina merupakan julat kata yang terhad. Lantaran itu, dapatan kajian ini adalah selaras dengan hasil kajian Manes dan Wolfson (1981), dimana pemilihan kata adjektif dalam pujian bahasa Inggeris juga tinggi. Di samping itu,

didapati bahawa empat kata adjektif yang utama, iaitu 好 (hǎo / bagus), 对 (duì / betul), 准确 (zhǔnquè / jitu / tepat) dan 多 (duō / banyak / lebih) dapat diaplikasikan dalam pelbagai topik dan situasi. Hal tersebut selaras dengan hasil kajian Manes dan Wolfson (1981). Dalam kajian kedua-dua pengkaji, empat daripada lima kata adjektif yang paling kerap dipilih dapat digunakan dalam pelbagai topik puji.

#### **4.3.2 Kekerapan Penggunaan Kata Kerja dalam Puji Bahasa Cina**

Berbanding dengan kata adjektif, analisis data didapati bahawa penggunaan kata kerja amat terhad dalam kajian ini. Hanya dua perkataan kata kerja yang wujud dalam korpus puji bahasa Cina, iaitu 佩服 (pèifu / mengagumi) dan 欢迎 (huānyíng / disambut baik). Jadual 4.6 menunjukkan kekerapan penggunaan kata kerja dalam puji bahasa Cina.

Jadual 4.6: Kekerapan Penggunaan Kata Kerja dalam Puji Bahasa Cina

Bil.	Kata Kerja		Kekerapan
1	pèifu 佩服	Mengagumi	1
2	huān yíng 欢 迎	Disambut baik/ Popular	1
<b>JUMLAH</b>			<b>2</b>

Guru wanita dan lelaki memilih kedua-dua kata kerja 佩服 (pèifu / mengagumi) dan 欢迎 (huānyíng / disambut baik) untuk memuji murid yang memiliki ciri-ciri personaliti positif, seperti sikap berani mencuba dan disukai ramai. Di samping itu, kata-kata puji yang mengandungi kata kerja juga berperanan sebagai kriteria pemilihan murid untuk menyertai aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Dapatan kajian ini tidak sejajar dengan Manes dan Wolfson (1981), dimana kata kerja yang ketara dipilih

untuk melafazkan kata-kata pujian dalam bahasa Inggeris ialah *like* dan *love*. Ini adalah kerana konteks perbualan yang berbeza menyebabkan hasil kajian yang berlainan.

#### 4.3.3 Pemilihan Leksikal Pujian dalam Bahasa Cina antara Gender

Keputusan data yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa guru wanita dan lelaki mempunyai persamaan dan perbezaan dari segi pemilihan leksikal pujian dalam bahasa Cina. Guru wanita dan lelaki didapati masing-masing menggunakan kata adjektif 好 (hǎo/ bagus) dan 对 (duì / betul) untuk memberi pujian secara eksplisit kepada murid-murid, seperti yang dipaparkan dalam Ekstrak 37 hingga 40.

#### Ekstrak 37

	xuéshēng	kèyè
	学 生	课业。
MP 1	Murid:	Tugasan.
	lǎoshī	kèyè zhè ge jiùshì cí hěnhǎo hěnhǎo
	老师 :	课业, 这个就是词, 很好, 很好, OK.
GW 1	Guru Wanita :	Tugasan, ini adalah kata, sangat <b>bagus</b> , sangat <b>bagus</b> , OK.

#### Ekstrak 38

	xuéshēng	ránhòu ā tāměiyìtiān ò dūhuìdàiwǒdào
	学 生 :	然后啊? 他每一天哦, 都会带我到
		sēnlín lǐqùdǎliè
		森林里去打猎。
ML 9	Murid Lelaki:	Kemudian ah? Dia akan membawa saya memburu di hutan setiap hari.
	lǎoshī	měitiāndūhuìdàinǐdàosēnlín lǐqù hěn
	老师 :	每天都会带你到 森林里去打猎。很
		hǎo hěnhǎodenèiróng
		好, 很好的内容。
GL 1	Guru Lelaki:	Dia akan membawa anda memburu di hutan setiap hari. Sangat <b>bagus</b> , idea yang sangat <b>bagus</b> .

### **Ekstrak 39**

	xuéshēng	mángrán
	学 生 :	茫 然。
MP 36	Murid Perempuan:	Keraguan.
	lǎoshī	duìle kěyǐ yíyàng mángrán bù bù
	老 师 :	对 了, 可 以, 一 样 , 茫 然 , 不 , 不
		jiě
		解。
GW 2	Guru Wanita:	<b>Betullah</b> , boleh, sama, keraguan, tidak, tidak memahami.

### **Ekstrak 40**

	xuéshēng	jiàngwēn
	学 生 :	降 温 ?
MP 13	Murid Perempuan:	Penyejukan?
	lǎoshī	jiàngwēn duì
	老 师 :	降 温 , 对 !
GL 2	Guru Lelaki:	Penyejukan, <b>betul!</b>

Dalam Ekstrak 37 hingga 40, guru wanita dan lelaki mengujarkan 好 (hǎo/ bagus) atau 对 (duì / betul) kepada murid-murid semasa mengutarakan jawapan dengan tepat.

Penggunaan kedua-dua kata adjektif 好 (hǎo/ bagus) atau 对 (duì / betul) oleh guru agar murid-murid mengulangi tingkah laku yang positif (Mok, 2008).

Selain daripada pemilihan kata adjektif 好(hǎo/ bagus) atau 对 (duì / betul), kedua-dua gender turut memilih kata adverba 很 (hěn / sangat) semasa menyampaikan penilaian positif kepada murid, seperti yang ditunjukkan dalam Ekstrak 41 dan 42.

### **Ekstrak 41**

	xuéshēng 学 生	kèyè 课业。
MP 1	Murid:	Tugasan.
	lǎoshī 老师 :	kèyè zhè ge jiùshì cí hěnhǎo hěnhǎo 课业，这个就是词，很好，很好，OK。
GW 1	Guru Wanita :	Tugasan, ini adalah kata, <b>sangat bagus</b> , <b>sangat bagus</b> , OK.

### **Ekstrak 42**

	xuéshēng 学 生 :	ránhòu ā tāměiyìtiān ò dūhuìdàiwǒdào 然 后 啊？他 每 一 天 哟，都 会 带 我 到 sēnlín lǐqùdǎliè 森 林 里 去 打 猎。
ML 9	Murid Lelaki:	Kemudian ah? Dia akan membawa saya memburu di hutan setiap hari.
	lǎoshī 老师 :	měitiāndūhuìdàin lǐdàosēnlín lǐqù hěn 每 天 都 会 带 你 到 森 林 里 去 打 猎。 很 hǎo hěnhǎodenèiróng 好，很 好 的 内 容。
GL 1	Guru Lelaki:	Dia akan membawa anda memburu di hutan setiap hari. <b>Sangat bagus</b> , idea yang <b>sangat bagus</b> .

Dalam Ekstrak 41 dan 42, guru wanita dan lelaki didapati menggunakan kata adverba untuk penilaian positif. Gabungan kata adverba 很 (hěn / sangat) dengan kata adjektif 好 (hǎo / bagus) dipilih untuk menyatakan penghargaan dan galakan kepada murid perempuan dan lelaki. Namun begitu, keputusan analisis yang diperoleh membuktikan bahawa guru wanita dan lelaki berbeza dari segi pemilihan kata adverba dan penggunaan kata adjektif dalam pujian eksplisit adjektif.

### **Ekstrak 43**

xuéshēng wǒmen de zhōuzāo yǒu xǔduō jiéchū de  
学 生 : 我们的周遭有许多杰出的  
chénggōng rénshì zài zhèxiē chénggōng rén  
成 功 人 士。在这些成 功 人  
shì dāngzhōng yǒuxiē bù jiàn dé bǐ wǒmen  
士 当 中 , 有些不见得比我们  
gèng cōngmìng gèng yǒu nénglì gèng wéi  
更 聪 明 , 更 有 能 力 , 更 为  
xìngyùn tāmen chénggōng de shì duì  
幸 运 。他 们 成 功 的\_\_\_\_\_, 是 对  
zìjǐ yǒu xìnxīn jíshǐ yùdào cuòzhé tāmen  
自 己 有 信 心 。即 使 遇 到 挫 折 , 他 们  
réngrán xiāngxìn zìjǐ néng dádào jì  
仍 然\_\_\_\_\_, 相 信 自 己 能 达 到 既  
dìng de m bǎ lǐxiǎng biànchéng shìshí  
定 的 目 标 , 把 理 想 变 成 事 实 。

ML 70 Murid Lelaki: (Membaca petikan)

lǎoshī hǎo fēichángzhǔnquè duìma nǐmendedá  
老 师 : 好 , 非 常 准 确 。对 吗 ? 你 们 的 答  
àn duìbudù  
案 , 对 不 对 ?

GW 2 Guru Wanita: Bagus, **amat tepat**. Betulkah? Jawapan anda betul tak betul?

Dalam Ekstrak 43, analisis data mendapati bahawa hanya guru wanita menggunakan gabungan kata adverba 非常 (fēicháng / amat) dengan kata adjektif 准确 (zhǔnquè / tepat) semasa memuji murid. Kata adverba 非常 (fēicháng / amat) mempunyai sinonim dengan 很 (hěn / sangat), namun kedua-dua perkataan tersebut mempunyai perbezaan semantik, dimana 非常 (fēicháng / amat) mempunyai darjah yang lebih tinggi daripada 很 (hěn / sangat).

#### **Ekstrak 44**

xuéshēng fángbúshèngfáng

学 生 : 防 不 胜 防 。

ML 12 Murid Lelaki: Sukar untuk dikesan.

lǎoshī fángbúshèngfáng nàbiānjiùgàosùntāzuòle

老 师 : 防 不 胜 防 , 那 边 就 告 诉 你 他 做 了 ,

zěnyàngdefángbèi duìbuduì duōfāngmiàn

怎 样 的 防 备 , 对 不 对 ? 多 方 面

defángbèi ā suǒyǐ hěnhǎo dádehěn

的 防 备 。 啊 , 所 以 , 很 好 , 答 得 很

hǎo hěnzhǔnquè

好 , 很 准 确 。

GW 2 Guru Wanita: Sukar untuk dikesan, sana memberitahu anda dia lakukan telah, bagaimana untuk persediaan, betul tak betul? Pelbagai persediaan. Ah, jadi, sangat bagus, jawab dengan sangat **baik**, sangat tepat.

#### **Ekstrak 45**

xuéshēng bāngzhù

学 生 : 帮 助 。

ML 30 Murid Lelaki: Bantuan.

lǎoshī bāngzhù duìle ā zhōnghuájǐngdehěn

老 师 : 帮 助 , 对 了 。 啊 , 忠 华 讲 得 很

hǎo bāngzhù

好 , 帮 助 。

GW 1 Guru Wanita: Bantuan, betul lah. Ah, apa yang dikatakan oleh Zonghua sangat **bagus**, bantuan.

Dalam Ekstrak 44 dan 45, analisis data mendapati bahawa pujian eksplisit adverba yang dipaparkan hanya digunakan oleh guru wanita. 答得很好 dan 讲得很好 merupakan pujian eksplisit adverba yang berbentuk gabungan kata kerja 答 / 讲 (KK) + kata adverba 得 很 (K ADV) + kata adjektif 好 (ADJ). Guru wanita lebih gemar menggunakan gabungan ini untuk memuji murid, sebaliknya ia tidak didapati dalam penggunaan pujian oleh guru lelaki. Sebaliknya, guru lelaki lebih cenderung

menggunakan gabungan kata adverba 很 (sangat) + kata adjektif 好 (bagus) berbanding dengan guru wanita. Ini dipengaruhi oleh gaya bahasa guru lelaki yang gemar bertutur secara terus.

Kata adjektif didapati menunjukkan kekerapan yang tinggi dalam pujian bahasa Cina, di mana ia selaras dengan hasil kajian Wolfson (1983). Beberapa kata adjektif bahasa Cina yang kerap digunakan oleh kedua-dua gender iaitu 好 (hǎo / bagus), 对 (duì / betul) dan 准确(zhǔnquè / jitu / tepat). Namun mereka berbeza dalam penggunaan kata adverba dan kata kerja semasa mengujarkan pujian.

#### **4.4 Pola Sintaksis Pujian dalam Bahasa Cina (Rangka Model Wang, 2003)**

Manes dan Wolfson (1981) menyatakan bahawa pujian mempunyai ungkapan yang amat tetap. Keputusan analisis data yang diperoleh mendapati bahawa terdapat 10 jenis pola sintaksis yang digunakan untuk menyampaikan penilaian positif secara langsung kepada murid-murid. 95.4% daripada 193 pujian eksplisit dalam bahasa Cina yang dianalisis merangkumi 5 jenis pola sintaksis yang utama, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.7a.

Jadual 4.7a: Pola Sintaksis Utama bagi Pujian dalam Bahasa Cina

Bil	Pola Sintaksis Utama bagi Pujian dalam Bahasa Cina	Contoh	Peratus (%)
1	(ADJ) + [ (KB) / (PART)]	hǎo 好 (Bagus) duìle 对了 (Betul lah) duì            le            ā 对 (betul) + [ 了 (lah) / 啊 ( ah ) ]	60.1

2	(K ADV) + (ADJ)	<p>hěn                    hǎo 很 (sangat) + 好 (bagus)</p> <p>fēi cháng                zhǔn què 非 常 (sangat) + 准 确 ( jitu)</p>	22.8
3	[(KN/FN)] + (KK) + ( K ADV) + (ADJ)	<p>zhōng huá               jiǎng [ 忠 华 (Zhonghua) + 讲 déhěn (kata / cakap) + 得 很 (sangat) hǎo + 好 ( bagus).</p> <p>dá                        de hěn 答 (jawab) + 得 很 (dengan hǎo sangat) + 好 (baik).</p>	4.7
4	Pola sintaksis perbandingan (比) (bǐ / lebih) atau (多) (duō / lebih)	<p>nǚ shēng de shǒu zhǐ bǐ nán 女 生 的 手 指 比 男 shēngkuài 生 快。 (Pergerakan jari budak perempuan lebih cepat daripada budak lelaki.)</p> <p>tāzuǐbādòngzuòyěbǐnǐkuài 她 嘴巴 动 作 也 比 你 快。 (Pergerakan mulutnya pun lebih cepat daripada anda.)</p> <p>tāduōnǐyìzhāngwénpíng 她 多 你 一 张 文 凭。 (Dia mempunyai lebih diploma / kelayakan daripada anda. )</p>	4.7

5	(KGN/FN) + ( K ADV) + (ADJ) +[PARTIKEL]	tā hěn cōng 他 (Dia) + 很 (sangat) + 聪 明 (cerdik).  zhè ge jù zi hěn 这 个 句 子 (Ayat ini) 很 + jīng liàn ā (sangat) + 精 炼 (padat)+ 啊 (ah).	3.1
---	--	---	-----

Di samping 5 jenis pola sintaksis yang kerap digunakan oleh guru wanita dan lelaki, Jadual 4.7b menunjukkan 5 struktur ayat yang dipertuturkan semasa berinteraksi dengan murid-murid dalam kelas.

Jadual 4.7b: Pola Sintaksis bagi Pujian dalam Bahasa Cina

Bil	Pola Sintaksis bagi Pujian dalam Bahasa Cina	Contoh	Peratus (%)
6	Penggunaan ‘adalah’ atau ‘ialah’ (是/ shì)	jiànwěigěidedáànsìzhèngquè 建伟 给 的 答案 是 正 确 de 的。 (Jawapan yang diberikan oleh Jianwei adalah tepat.)	2.1
7	Penggunaan ‘mempunyai’ (有 / yǒu)	gōngbǎoyǒuhěnduōhuàgēn 宫 保 有 很 多 话 跟 wǒmenjiǎng 我 们 讲 。 (Gongbao mempunyai banyak idea bercakap dengan kami.)	1
8	(KGN) + (PENJODOH BILANGAN) + (ADJ) + (PARTIKEL)	zhè gè lǎo 这 (Ini) + 个(buah) + 老 shi lā 实 (jujur) + 啊 (lah) .	0.5

9	(K ADV) + (ADJ) + (PART) + (KN)	hěn hǎo 很 (sangat) + 好 (baik) + de nèiróng 的 + 内容 (kandungan)	0.5
10	(KH) + (KGN) + (ADJ)	yīnwéi nǐ kě 因为 (kerana) + 你 (anda) + 可 ài 爱 (comel).	0.5

Beberapa singkatan perkataan dalam kurungan digunakan untuk menjelaskan pola-pola sintaksis, seperti (KN) atau (FN) merujuk kepada kata nama atau frasa nama, (KGN) mewakili kata ganti nama, (ADJ) menunjukkan kata adjektif, (KK) bermaksud kata kerja, (K ADV) bermakna kata adverba, (KB) ialah kata bantu dan (PART) adalah partikal. Tambahan pula, leksikal dalam kurungan [PART] adalah perkataan yang wujud bergantung kepada ujaran penutur semasa interaksi.

- i. 对 (duì / betul) (ADJ) + [ 了 (le / lah) (KB) / 啊 (ā / ah) (PART)]

Analisis dapatan jelas menyatakan bahawa kekerapan penggunaan pola sintaksis gabungan kata adjektif (ADJ) + [kata bantu (KB) / partikal (PART)] paling tinggi dalam korpus pujian bahasa Cina, iaitu sebanyak 60.1%. Namun, bahagian [kata bantu (KB) / partikal (PART)] bagi pola sintaksis tersebut hanya wujud dalam konteks tertentu.

#### Ekstrak 46

	xuéshēng	duipéimínshuōleshénme
	学 生 :	对裴曼 说了什 么? (xxx)
ML20	Murid	Berkata apa dengan Pei Min?
	Lelaki:	
	lǎoshī	hǎo zàiňāl i kěy īzhǎodàozhègedáànnne
	老 师 :	好。在 哪 里 可 以 找 到 这 个 答 案 呢?
GL 2	Guru Lelaki:	Bagus. Di manakah boleh mencari jawapan ini?

### **Ekstrak 47**

	lǎoshī 老师 :	zhèxiēdōushìbiāo 这些 都 是 彪。这些 指 的 是 什 么 ?
GL 2	Guru Lelaki:	Ini adalah ‘biao’. Ini merujuk kepada apa?
	xuéshēng 学 生 :	lǎohǔ 老虎。
ML 45	Murid Lelaki:	Harimau.
	lǎoshī 老师 :	duì shìtādǎsǐdesānshíyīzhīlǎohǔ 对，是 他 打 死 的 三十一 只 老虎。OK,
		duì lǎoshībúxūyàojiěshìle 对，老 师 不 需 要 解 释 了。
GL 2	Guru Lelaki:	Betul, dia telah membunuh 31 ekor harimau. OK, betul, guru tidak perlu menjelaskannya.

### **Ekstrak 48**

	xuéshēng 学 生 :	dòngbīnduǎnyǔ 动 宾 短 语。
ML 34	Murid Lelaki:	Frasa kerja.
	lǎoshī 老师 :	hěnhǎo zhǔnquè hěnhǎo ā OK, 很 好 , 准 确 , 很 好 啊 !
		dòngbīn duìma 动 宾 , 对 吗 ?
GW 2	Guru Wanita:	OK, sangat bagus, <b>tepat</b> , sangat bagus! Frasa kerja, betul kah?

### **Ekstrak 49**

	xuéshēng 学 生 :	mángrán 茫 然 。
MP	Murid Perempuan:	Keraguan.
	lǎoshī 老师 :	duìle kěyǐ yíyàng mángrán bú bùjiě 对 了 , 可 以 , 一 样 , 茫 然 , 不 , 不 解 。
GW 2	Guru Wanita:	Betullah, boleh, sama, keraguan, tidak, tidak memahami.

Dalam Ekstrak 46 hingga 49, guru wanita dan lelaki menggunakan struktur ayat gabungan kata adjektif (ADJ) + [kata bantu (KB) / partikal (PART)], dimana hanya mengujarkan satu patah perkataan adjektif. Guru-guru didapati bahawa mengaplikasikan pola sintaksis tersebut untuk memuji murid-murid yang berupaya memberikan jawapan tepat. Struktur ayat ini terdiri daripada kata adjektif 对 (duì / betul) dan kata bantu 了 (le / lah). Selain daripada 对 (duì / betul), kata adjektif 好 (hǎo / bagus), 准确 (zhǔnquè / jitu / tepat) dan 对 (duì / betul) juga diaplikasikan berdasarkan pola sintaksis ini. Sementara itu, bahagian [kata bantu (KB) / partikal (PART)] dalam pola sintaksis tersebut hanya wujud dalam konteks tertentu. Mengikut sistem nahu bahasa Cina, kata bantu bukan sahaja boleh dikolokasi dengan kata kerja atau kata adjektif sebagai predikat, malahan boleh ditempatkan di akhir sesuatu ayat. Misalnya, kata bantu 了 (le / lah) dalam Ekstrak 48 bermaksud murid sudah mengutarakan jawapan yang betul.

ii. 很 (hěn / sangat) (K ADV) + 好 (hǎo / bagus) (ADJ)

Keputusan analisis menjelaskan bahawa pola sintaksis gabungan kata adverba 很 (hěn / sangat) (K ADV) dengan 好 (hǎo / bagus) (ADJ) membentuk 22.8% daripada data kajian ini. Pola sintaksis ini juga kerap digunakan oleh guru wanita dan lelaki semasa memuji.

### **Ekstrak 50**

xuéshēng 学 生 :	ránhòu ā tāměiyìtiān ò dūhuìdàiwǒdào 然 后 啊？他 每 一 天 哟，都 会 带 我 到 sēnlín   Yǐqùdǎliè 森 林 里 去 打 猎。
ML 9 Murid Lelaki:	Kemudian ah? Dia akan membawa saya memburu di hutan setiap hari.
lǎoshī 老 师 :	měitiāndūhuìdàinǐdàosēnlín   Yǐqùdǎliè hěn 每 天 都 会 带 你 到 森 林 里 去 打 猎。很 hǎo hěnhǎodenèiróng 好，很 好 的 内 容。 Dia akan membawa anda memburu di hutan setiap hari. <b>Sangat bagus</b> , idea yang sangat bagus.

### **Ekstrak 51**

xuéshēng 学 生 :	míngcí 名 词。
MP 8 Murid Perempuan:	Kata nama.
lǎoshī 老 师 :	míngcí hěnhǎo 名 词，很 好。
GW 1 Guru Wanita:	Kata nama, <b>sangat bagus</b> .

### **Ekstrak 52**

xuéshēng 学 生 :	wǒmendezhōuzāoyǒuxǔduōjíéchūdechéngróng 我 们 的 周 遭 有 许 多 杰 出 的 成 gōngrénshì zài zhèxiē chénggōng rénshì dāng 功 人 士。在 这 些 成 功 人 士 当 zhōng yóuxiē bùjiàn débǐ wǒmeng gèng cōng 中，有 些 不 见 得 比 我 们 更 聪 mìng yǒunéng lì gèng wéixìng yùn tā 明，更 有 能 力，更 为 幸 运。他 men chénggōng de shì duì zì jǐ yǒuxìn 们 成 功 的 ____，是 对 自 己 有 信 xīn jí shǐ yù dàocuò zhé tā men rén gǎn 心。即 使 遇 到 挫 折，他 们 仍 然 xiāng xìng zì jǐ nén gǎdào jì dìng dem ____，相 信 自 己 能 达 到 既 定 的 目 bāi lǐ xiāng biàn chéng shí shí 标，把 理 想 变 成 事 实。C (Membaca petikan)
ML 70 Murid Lelaki:	

<b>lǎoshī</b> 老师 :	<b>hǎo fēichángzhǔnquè duìma nǐmendedá</b> 好 , 非常 准确。对吗? 你们的答 <b>àn duìbuduì</b> 案, 对不对?
<b>GW 2 Guru Wanita:</b>	<b>Bagus, amat tepat.</b> Betulkah? Jawapan anda betul tak betul?

Dalam Ekstrak 50 dan 52, guru wanita dan lelaki memilih pola sintaksis gabungan kata adverba (K ADV) 很 (hěn / sangat) + kata adjektif (ADJ) 好 (hǎo / bagus) demi menyampaikan kekaguman ke atas keupayaan murid-murid. Di samping itu, 确定 (quèdìng / pasti), 精简 (jīngjiǎn / ringkas) dan 准确 (zhǔnquè / jitu) juga merupakan kata adjektif yang dipilih bagi pembentukan pola sintaksis gabungan kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ). Selain itu, didapati guru wanita menyatakan kekaguman seorang murid berambut lebat dengan pola sintaksis gabungan kata adverba dengan kata adjektif 浓密 (nóngmì / lebat).

Analisis data yang diperoleh menunjukkan bahawa terdapat dua jenis kata adverba yang diaplikasikan dalam pola sintaksis gabungan kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ), iaitu 很 (hěn / sangat) dan 非常 (fēicháng / amat). Kedua-dua kata adverba menerangkan kata adjektif tetapi mempunyai semantik yang berbeza, iaitu penekanan bagi 非常 (fēicháng / amat) adalah lebih tinggi daripada 很 (hěn / sangat). Walau bagaimanapun, kedua-dua kata adverba 很 (hěn / sangat) dan 非常 (fēicháng / amat) boleh digabungkan dengan mana-mana kata adjektif berpandukan penekanan topik dan kebiasaan penggunaan bahasa penutur. Misalnya, guru wanita mengujarkan 非常准确 (fēicháng zhǔnquè / amat jitu / tepat) untuk memuji murid yang berjaya dan berupaya mengemukakan pilihan jawapan yang tepat dengan kehendak soalan. Pemilihan kata

adverba 非常(fēicháng / amat) menepati kebiasaan lakuan bahasa penutur wanita yang suka memberi penekanan kepada sesuatu perkataan.

iii. [忠华 (Zhōnghuá / Zhonghua) (KN/FN)] + 讲 (jiǎng / kata / cakap) (KK) + 得很 (dé hěn / sangat) ( K ADV) + 好 (hǎo / bagus) (ADJ)

Pola sintaksis gabungan kata nama (KN) atau frasa nama (FN) + kata kerja (KK) + kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ) terdiri daripada 4.7% daripada korpus kajian ini. Pola sintaksis ini merupakan salah satu struktur ayat yang utama semasa menyampaikan penilian positif kepada murid-murid dalam kelas.

### **Ekstrak 53**

	xuéshēng	bāngzhù
	学 生 :	帮 助。
ML 30	Murid Lelaki:	Bantuan.
	lǎoshī	bāngzhù duìle à zhōnghuá jiǎngdehěn
	老 师 :	帮 助 , 对 了。啊, 忠 华 讲 得 很
		hǎo bāngzhù
		好 , 帮 助。
GW 1	Guru Wanita:	Bantuan, betullah. Ah, <b>apa yang dikatakan oleh Zonghua sangat bagus</b> , bantuan.

Dalam Ekstrak 53 menunjukkan bahawa pola sintaksis gabungan [忠华 (Zhōnghuá / Zhonghua) (KN/FN)] + 讲 (jiǎng / kata / cakap) (KK) + 得很 (dé hěn / sangat) ( K ADV) + 好 (hǎo / bagus) (ADJ) digunakan oleh guru wanita untuk memuji murid secara eksplisit.

#### **Ekstrak 54**

xuéshēng 学 生 :	fángbúshèngfáng 防 不 胜 防 。
ML 12 Murid Lelaki:	Sukar untuk dikesan.
lǎoshī 老师 :	fángbúshèngfáng nàbiānjiùgàosùntāzuòle 防 不 胜 防 , 那 边 就 告 诉 你 他 做 了 , zěnyàngdefángbèi duìbudù duōfāngmiàn 怎 样 的 防 备 , 对 不 对 ? 多 方 面 defángbèi ā suǒyǐ hěnhǎo dádehěn 的 防 备 。 啊 , 所 以 , 很 好 , 答 得 很 hǎo hěnzhǔnqüè 好 , 很 准 确 。
GW 2 Guru Wanita:	Sukar untuk dikesan, sana memberitahu anda dia lakukan telah, bagaimana untuk persediaan, betul tak betul? Pelbagai persediaan. Ah, jadi, sangat bagus, <b>jawab dengan sangat baik</b> , sangat tepat.

Dalam Ekstrak 54, guru wanita mengujarkan pola sintaksis gabungan 答 (dá / menjawab) (KK) + 得(K ADV) + [很(K ADV)] + 好(hǎo / bagus) (ADJ) kepada murid semasa perbincangan latihan. Murid tersebut dipuji kerana dapat mengenal pasti kata kunci untuk memilih jawapan yang tepat. Sehubungan dengan itu, guru-guru memilih pola sintaksis gabungan (KN) atau (FN) + kata kerja (KK) + kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ) untuk menyampaikan pujian atas kebijaksanaan dan keupayaan murid, seperti yang dipaparkan dalam Ekstrak 53 dan 54.

#### iv. Pola sintaksis perbandingan (比) (bǐ / lebih) atau (多) (duō / lebih)

Analisis data mendapati bahawa guru lelaki memilih pola sintaksis perbandingan (比) (bǐ / lebih) atau (多) (duō / lebih) untuk menyatakan penghargaan dan kekaguman kepada murid perempuan. Pemilihan pola sintaksis ini amat bersesuaian dengan gaya pertuturan lelaki, dimana kaum lelaki seringkali bersaing dalam perbualan untuk menonjolkan kuasanya yang seiring dengan status sosialnya.

## **Ekstrak 55**

lǎoshī              nǚtóngxuéduōleyìzhāngwénpíng  
老师：              女同学多了张文凭，  
duōlenǐnàzhāngwénpíng  
多了你那张文凭……  
níméiyǒuwénpíngò    nǐnénggòuzuòde  
你没有文凭哦。你能够做的，  
tādōunéngzuò    quánbùdōudiànnǎohuà    nǚ  
她都能做。全部都电脑化。女  
shēngdeshǒuzhǐbǐnánshēngkuài    zhèshìtiān  
生的手指比男生快，这是天  
shēnggěitāde    jiǎnghuà    tāzuǐbādòngzuòyě  
生给她的。讲话，她嘴巴动作也  
bǐnǐkuài    tiānshēnggěitāde  
比你快，天生给她的。

GL 1      Guru Lelaki: **Murid perempuan lebih berkelulusan, lebih berkelulusan.....** Anda tidak berkelulusan diploma. Perkara yang anda boleh lakukan, dia juga boleh melakukannya. Semua telah pengkomputeran. **Pergerakan jari budak perempuan lebih cepat daripada budak lelaki,** ini adalah kurniaan tuhan. Bertutur, **pergerakan mulutnya pun lebih cepat daripada anda,** kurniaan tuhan.

Analisis data didapati bahawa pola sintaksis perbandingan (比) (bǐ / lebih) dan (多) (duō / lebih) digunakan oleh guru lelaki apabila membandingkan ciri-ciri murid perempuan dengan murid lelaki. Kekerapan penggunaan pola sintaksis ini oleh guru lelaki agak tinggi, iaitu sebanyak 9 kali. Dalam Ekstrak 55, guru lelaki mengutarakan pandangan terhadap syarahan spontan oleh murid perempuan yang bertajuk ‘Patutkah lelaki melakukan kerja rumah?’. Ketika itu, guru lelaki menjelaskan situasi dimana ramai murid perempuan berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti kini. Seterusnya, guru lelaki mengujarkan pola sintaksis perbandingan (多) (duō / lebih) untuk memuji murid perempuan yang berkelulusan lebih tinggi daripada murid lelaki. Sebaliknya, guru lelaki juga memperingatkan murid lelaki berusaha lebih gigih supaya

mampu bersaing dengan murid perempuan kelak. Pada masa yang sama, guru tersebut juga memuji murid perempuan dengan pola sintaksis perbandingan (比) (bǐ / lebih), dimana pergerakan jari dan mulut murid perempuan lebih cepat daripada murid lelaki.

v. 他 (tā/ Dia) (KGN/FN) + 很 (hěn / sangat)( K ADV) + 聪明 (cōngmíng / cerdik) (ADJ)

Analisis data menunjukkan bahawa pola sintaksis gabungan kata ganti nama (KGN) atau frasa nama (FN) + kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ) merangkumi 3.1% daripada data keseluruhan.

### **Ekstrak 56**

xuéshēng	(xxx)
学 生 :	
ML 33	Murid Lelaki: (xxx)
lǎoshī	hǎo tā yě hěn cōngmíng
老师 :	好。他也 很 聪 明。
GW 1	Guru Wanita: Bagus. <b>Dia juga sangat cerdik.</b>

Dalam Ekstrak 56, guru wanita didapati menggunakan pola sintaksis gabungan 他 (tā/ Dia) (KGN/FN) + 很 (hěn / sangat)( K ADV) + 聪明 (cōngmíng / cerdik) (ADJ) untuk menyampaikan penghargaan kepada murid lelaki yang menjawat jawatan sebagai ketua mata pelajaran bahasa Cina. Murid lelaki yang berkenaan dipuji kerana kebijaksananya menyempurnakan arahan guru tanpa membuta tuli.

### **Ekstrak 57**

	xuéshēng	shǔtiān
	学 生 :	暑 天。
ML 16	Murid Lelaki:	Hari panas.
	lǎoshī	shǔtiān rètiān shǔtiān huòzhěshìrè
	老师 :	暑 天, 热 天, OK。暑 天, 或 者 是 热
		tiān dōuyóubàn fēn xiànzài wǒmen kàn
		天, 都 有 半 分。…… 现 在 我 们 看
		kāntāde jùzi gǔrénwèile qūshǔ fāmíng
		看 它 的 句 子。古 人 为 了 祛 暑, 发 明
		shànzi zhège jùzi hěn jīngliàn ā hěn jīngjiǎn
		扇 子。这 个 句 子 很 精 炼 啊, 很 精 简
		ā
		啊。
GL 2	Guru Lelaki:	Hari panas, hari panas, OK. Hari panas, atau hari panas, boleh diberikan setengah markah. Salah satu daripada jawapan diberikan setengah markah. Baik, sekarang kita meneliti ayat ini. Orang zaman dahulu mencipta kipas untuk menghilangkan kepanasan. <b>Ayat ini sangat padat</b> , sangat ringkas.

Dalam Ekstrak 57 pula, guru lelaki melafazkan pola sintaksis gabungan frasa nama (FN) 这个句子(zhège jùzi / ayat ini) + kata adverba (K ADV) 很 (hěn / sangat) + kata adjektif (ADJ) 精炼(jīngliàn / tepat) + partikal [PART] 啊 (ā / ah) semasa aktiviti pengajaran. Murid tersebut menerima penilaian positif daripada guru atas kepintarannya. Ini adalah kerana dia berkeupayaan memberikan jawapan latihan merumuskan karangan yang menepati kehendak soalan.

### **Ekstrak 58**

	lǎoshī	chíjìng huá nǐ jīntiān xiāngdāng guāi ā xiè
	老师 :	驰 靖 , 哇 , 你 今 天 相 当 乖 啊 ! 谢
		xiè nǐ de hé zuò
		谢 你 的 合 作 。
GL 1	Guru Lelaki:	Chijing, wah, <b>hari ini anda sangat baik ah!</b> Terima kasih atas kerjasama yang diberikan.

Murid yang berkelakuan baik dalam kelas juga menerima pujian daripada gurunya, seperti dalam Ekstrak 58. Guru menyampaikan penghargaan atas tingkah laku murid yang baik dengan memilih pola sintaksis 你 (nǐ / anda) (KGN / FN) + 相当(xiāngdāng / sangat) (K ADV) + 好 (guāi / berkelakuan baik) (ADJ). Ini adalah kerana kelakuan murid yang baik membolehkan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran.

vi. Penggunaan ‘adalah’ atau ‘ialah’ (是/ shì)

Selain daripada pola sintaksis perbandingan (比) (bǐ / lebih) atau (多) (duō / lebih), didapati bahawa guru-guru juga menggunakan ‘adalah’ atau ‘ialah’ (是/ shì) dalam ujaran penilaian positif kepada murid-murid.

**Ekstrak 59**

	xuéshēng	(xxx)
	学 生 :	
ML 7	Murid Lelaki:	(xxx)
	lǎoshī	gāngcái jiànwěigěidé dà ànshì zhèngquède
	老师 :	刚 才, 建伟 给的 答案 是 正 确 的。
GW 2	Guru Wanita:	Tadi, jawapan yang diberikan oleh Jianwei <b>adalah</b> tepat.

Pola sintaksis mengandungi kata kerja 是(shì / ialah / adalah) digunakan oleh guru semasa memuji murid-murid seperti yang dipaparkan dalam Ekstrak 59. Kata kerja 是 (shì / ialah / adalah) diaplikasikan demi memberikan kepastian dalam ujaran pada situasi tertentu. Guru wanita memuji keupayaan murid lelaki memberi jawapan yang tepat ketika berbincang latihan dalam bilik darjah. Ujaran pujian yang disampaikan oleh guru membantu pemupukan keyakinan diri murid-murid (Rusli Ahmad dan Abg Ishar Abg Yaman, 2010).

vii. Penggunaan 有 (yǒu / mempunyai)

Analisis data menunjukkan bahawa penggunaan 有 (yǒu / mempunyai) dalam ujaran pujian hanya digunakan sekali sahaja.

**Ekstrak 60**

	xuéshēng	jiùshìzài lóngzǐ lǐ miànsuíchùpò h
	学 生 :	就是在 笼 子 里 面 随 处 破 坏。
ML 23	Murid Lelaki:	iaitu merosakkan merata-rata tempat dalam sangkar.
	lǎoshī	随处破坏？哦，这样子，你是一只破坏性很强的鸟咯！……
	老 师 :	坐下，好，谢谢啊！来，再来，宫保！啊，宫保有很多话跟我们讲的。
GL 1	Guru Lelaki:	Merosakkan merata-rata tempat? Oh, begitu, anda adalah burung yang suka merosakkan benda! ..... Duduk, bagus, terima kasih! Seterusnya, Gongbao! <b>Gongbao mempunyai banyak idea bercakap dengan kami.</b>

Dalam Ekstrak 60, aktiviti main peranan sedang dijalankan. Murid-murid disuruh membayangkan diri sebagai seekor burung, kemudian menceritakan kehidupan burung dalam bilik darjah. Guru memilih salah seorang murid yang bernama Gongbao untuk bercerita. Apabila dipanggil, Gongbao menerima kata pujian secara langsung daripada gurunya. Murid tersebut dipuji kerana dia mempunyai banyak idea dan berupaya menceritakan kehidupan burung dalam konteks itu.

viii. 这 (zhè / Ini) (KGN) + 个(gè / buah) (PENJODOH BILANGAN) + 老实(lǎoshi / Jujur) (ADJ) + 啊(lā / lah) (PARTIKEL)

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa pola sintaksis gabungan (KGN) + (PENJODOH BILANGAN) + (ADJ) + (PARTIKEL) jarang digunakan untuk menyuarakan penghargaan semasa interaksi dalam kelas.

### **Ekstrak 61**

lǎoshi ā zhè ge lǎo shí lā  
老师： 哟，这个老实啦。  
GL 1 Guru Lelaki: Ah, **ini kelihatan jujurlah.**

Dalam Ekstrak 61, pola sintaksis gabungan (KGN) + (PENJODOH BILANGAN) + (ADJ) + (PARTIKEL) digunakan oleh guru lelaki semasa penerangan petikan dalam buku teks. Guru lelaki menjelaskan ciri-ciri personaliti orang Iban seperti ketekunan, kejujuran dan sebagainya kepada murid-murid. Penggunaan pola sintaksis gabungan 这 (zhè / Ini) (KGN) + 个(gè / buah) (PENJODOH BILANGAN) + 老实(lǎoshi / Jujur) (ADJ) + 啊(lā / lah) (PARTIKEL) untuk memuji perwatakan beberapa orang murid lelaki yang kelihatan jujur. Ujaran pujian yang sedemikian membantu pembentukan sahsiah murid yang positif (Rusli Ahmad dan Abg Ishar Abg Yaman, 2010).

ix. 很 (hěn / sangat) (K ADV) + 好 (hǎo / baik) (ADJ) + 的 (PART) + 内容 (nèiróng / kandungan) (KN)

Keputusan analisis mendapati bahawa pola sintaksis gabungan kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ) + partikal (PART) + kata nama (KN) hanya memperuntukan 0.5%

dalam kajian ini. Analisis keputusan menyatakan bahawa hanya diujarkan sekali oleh guru lelaki dalam kajian ini.

### Ekstrak 62

xuéshēng 学 生 :	ránhòu ā tāměiyìtiān ò dūhuìdàiwǒ 然 后 啊? 他 每 一 天 哟, 都 会 带 我 dàosēnlín lǐqùdǎliè 到 森 林 里 去 打 猎。
ML 9 Murid Lelaki:	Kemudian ah? Dia akan membawa saya memburu di hutan setiap hari.
lǎoshī 老 师 :	měitiāndūhuìdàiñdàosēnlín lǐqùdǎliè 每 天 都 会 带 你 到 森 林 里 去 打 猎。 hěnhǎo hěnhǎodenèiróng 很 好 , 很 好 的 内 容 。
GL 1 Guru Lelaki:	Dia akan membawa anda memburu di hutan setiap hari. Sangat bagus, <b>idea yang sangat bagus.</b>

Dalam Ekstrak 62, murid-murid menyertai aktiviti pengajaran dengan aktif. Murid-murid diminta membayangkan diri sebagai seekor burung, kemudian menceritakan kehidupan burung kepada rakan-rakan lain dalam bilik darjah. Apabila salah seorang murid mengenengahkan pendapat dengan bernas, guru lelaki mengujarkan struktur ayat 很 (hěn / sangat) (K ADV) + 好 (hǎo / baik) (ADJ) + 的 (PART) + 内容 (nèiróng / kandungan) (KN) untuk memberikan galakan (Herbert, 1989), seperti yang dipaparkan dalam Ekstrak 62. Tingkah laku memuji guru mendorong dan memotivasi kan murid-murid mengulangi kelakuan yang positif kelak. Ini dapat meningkatkan semangat belajar murid-murid (Rusli Ahmad dan Abg Ishar Abg Yaman, 2010).

x. 因为 (yīnwéi / kerana) (KH) + 你 (nǐ / anda) (KGN) + 可爱 (kěài / comel)(ADJ)

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa pola sintaksis gabungan (KH) + (KGN) + (ADJ) jarang digunakan untuk menyuarakan penghargaan semasa interaksi dalam kelas. Analisis keputusan menyatakan bahawa hanya diujarkan sekali oleh guru lelaki dalam kajian ini untuk memuji ciri personaliti murid perempuan.

### **Ekstrak 63**

	xuéshēng	(xxx)
	学 生 :	
MP 6	Murid Perempuan:	(xxx)
	lǎoshī	yīnwéinǐkěàigē
	老 师 :	因 为 你 可 爱 啦 !
GL 1	Guru Lelaki:	Oleh kerana anda kelihatan comellah!

Dalam Ekstrak 63, didapati bahawa pola sintaksis gabungan kata hubung (KH) + kata ganti nama (KGN) + kata adjektif (ADJ) juga digunakan oleh guru lelaki semasa berinteraksi dengan murid. Apabila penyampaian isi pelajaran, guru lelaki memuji seorang murid perempuan. Murid perempuan menerima pujian secara eksplisit kerana rupa parasnya yang comel. Kata pujian yang disampaikan oleh guru membolehkan murid perempuan tersebut berasa gembira, seterusnya menikmati keseronokan pembelajaran dalam bilik darjah (Mok, 2008).

Secara keseluruhannya, keputusan data yang diperoleh membuktikan bahawa 10 pola sintaksis digunakan oleh guru wanita dan lelaki dalam kajian ini. Di antaranya, terdapat 5 pola sintaksis utama yang kerap dipilih oleh guru-guru semasa menyampaikan penilaian positif. Walau bagaimanapun, hanya 3 jenis pola ayat dalam kajian ini selari dengan hasil kajian Wang (2003), iaitu pola sintaksis gabungan kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ), gabungan kata nama (KN) atau frasa nama (FN) + kata kerja (KK)

+ kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ) dan penggunaan ‘adalah’ atau ‘ialah’ (是 shì).

#### **4.4.1 Penggunaan Pola Struktur Sintaksis Pujian Bahasa Cina antara Gender**

Dalam kajian ini, analisis data yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa wujud persamaan dan perbezaan pemilihan pola sintaksis oleh guru wanita dan lelaki semasa menyampaikan penilaian yang positif kepada murid-murid. Pola sintaksis gabungan kata adjektif (ADJ) + [kata bantu (KB) / partikal (PART)] dan gabungan kata adverba (ADV) + kata adjektif (ADJ) paling ketara dipilih oleh guru wanita dan lelaki. Sebaliknya, pola sintaksis yang dipilih oleh guru wanita dan lelaki juga berbeza antara satu sama lain. Guru wanita lebih kerap menggunakan struktur ayat gabungan kata nama (KN) atau frasa nama (FN) + kata kerja (KK) + kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ), manakala guru lelaki lebih cenderung memilih pola sintaksis perbandingan (比) (bǐ / lebih) atau 多 (duō / lebih).

Perbezaan pemilihan pola sintaksis bagi ujaran pujian dalam bahasa Cina adalah kerana faktor gender. Faktor gender menyebabkan gaya pertuturan berbeza antara guru wanita dan lelaki. Guru wanita didapati kerap menggunakan struktur ayat gabungan kata nama (KN) atau frasa nama (FN) + kata kerja (KK) + kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ) semasa memuji murid-murid. Ini adalah kerana penutur wanita seringkali menggunakan bahasa standard dengan tatabahasa itu terlalu betul. Sementara itu, guru lelaki lebih cenderung memilih pola sintaksis perbandingan 比 (bǐ / lebih) atau 多 (duō / lebih) kerana penutur lelaki selalu bersaing dalam perbualan untuk menonjolkan kuasanya.

Bagi pemilihan subjek dalam ayat, guru wanita dan lelaki didapati menggunakan kata ganti nama kedua 你 (nǐ / anda), kata ganti nama ketiga 他/她 (tā / dia) dan kata nama am dalam ujaran pujian. Walau bagaimanapun, kedua-dua gender juga menunjukkan perbezaan pemilihan subjek, dimana guru wanita lebih gemar menggunakan kata nama khas, terutamanya nama murid, manakala guru lelaki memilih kata tunjuk seperti 这班 (zhèbān / kelas ini) dan 这个 (zhège / ini) semasa berinteraksi dengan murid. Dapatkan ini sejajar dengan penemuan kajian Zuo (1988), Li dan Feng (2000) serta Zhang (2007) yang mengatakan bahawa kebanyakan kata-kata pujian dalam bahasa Cina memilih kata ganti nama kedua.

#### 4.5 Kesimpulan

Analisis data yang diperoleh membuktikan bahawa guru wanita dan lelaki mempunyai persamaan dari segi jenis pujian yang diberikan, iaitu tidak memberi pujian, pujian eksplisit dan pujian implisit. Sebaliknya, strategi tidak memberi respon bukanlah pilihan kedua-dua gender semasa berinteraksi dengan murid. Di samping itu, guru wanita lebih ketara memuji daripada guru lelaki. Guru wanita juga didapati lebih cenderung memuji murid lelaki, manakala guru lelaki lebih kerap memberikan penilaian positif kepada murid perempuan. Sehubungan dengan itu, faktor gender memang mempengaruhi tingkah laku memuji guru wanita dan lelaki.

Dari segi pemilihan leksikal pujian, kata adjektif menunjukkan kekerapan penggunaan yang paling tinggi. Ini sejajar dengan dapatan pujian dalam bahasa Inggeris oleh Wolfson (1981). Sehubungan dengan itu, terdapat tiga kata adjektif yang kerap digunakan oleh kedua-dua gender iaitu 好 (hǎo / bagus), 对 (duì / betul) dan 准确

(zhǔnquè/ jitu / tepat). Namun, guru wanita dan lelaki berbeza dalam pemilihan kata adverba, dimana guru wanita lebih cenderung menggunakan kata adverba 很 (hěn / sangat) dan 非常(fēicháng / amat), tetapi guru lelaki hanya menggunakan kata adverba 很 (hěn / sangat).

Keputusan analisis data yang diperoleh mendapati bahawa terdapat 10 jenis pola sintaksis yang digunakan oleh guru wanita dan lelaki untuk menyampaikan penilaian positif secara langsung kepada murid. Analisis data juga menunjukkan bahawa 95.4% daripada 193 pujian eksplisit dalam bahasa Cina merangkumi 5 jenis pola sintaksis yang utama, iaitu pola sintaksis gabungan (ADJ) + [ (KB) / (PART)], pola sintaksis gabungan (K ADV) + (ADJ), pola sintaksis gabungan [(KN/FN)] + (KK) + ( K ADV) + (ADJ), pola sintaksis perbandingan 比 (bǐ / lebih) atau 多 (bǐ / lebih) dan pola sintaksis gabungan (KGN/FN) + ( K ADV) + (ADJ) +[PARTIKEL]. Keputusan analisis data yang diperoleh membuktikan bahawa hanya 3 jenis pola sintaksis selari dengan hasil kajian Wang (2003), iaitu pola sintaksis gabungan kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ), gabungan kata nama atau frasa nama (KN / FN) + kata kerja (KK) + kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ) dan penggunaan 是(shì / adalah / ialah).

Bagi pemilihan pola sintaksis antara gender, guru wanita dan lelaki didapati kerap menggunakan pola sintaksis gabungan kata adjektif (ADJ) + [kata bantu (KB) / partikal (PART)] dan gabungan kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ). Sementara itu, kedua-dua gender juga menunjukkan perbezaan bagi pemilihan pola sintaksis semasa memuji murid-murid. Guru wanita lebih cenderung memilih gabungan kata nama [(KN) atau frasa nama (FN)] + kata kerja (KK) + kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ),

manakala guru lelaki lebih gemar menggunakan pola sintaksis perbandingan (比) (bǐ / lebih) .

Guru wanita dan lelaki juga menunjukkan persamaan dan perbezaan bagi pemilihan subjek dalam ujaran pujian. Guru wanita dan lelaki didapati menggunakan kata ganti nama kedua 你 (nǐ / anda), kata ganti nama ketiga 他/她 (tā / dia) dan kata nama am sebagai subjek dalam ayat. Sebaliknya, kedua-dua gender juga memaparkan perbezaan. Guru wanita lebih gemar menggunakan kata nama khas, terutamanya nama murid, manakala guru lelaki lebih popular menggunakan kata petunjuk 这(zhè / ini) untuk menyampaikan pujian.

Secara kesimpulan, guru wanita dan lelaki menunjukkan persamaan dan perbezaan dari segi kekerapan dan penggunaan jenis pujian, serta pemilihan leksikal dan pola sintaksis pujian dalam bahasa Cina. Ini terbukti faktor gender memang mempengaruhi tingkah laku memuji dan penggunaan bahasa antara guru wanita dan lelaki.

## **BAB LIMA**

### **KESIMPULAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan rumusan hasil kajian berdasarkan analisis data yang telah dikemukakan dalam bab terdahulu bagi melihat penggunaan pujian dalam bahasa Cina oleh guru wanita dan lelaki. Analisis data dalam Bab 4 jelas membuktikan bahawa faktor gender memainkan peranan yang penting dalam pemberian pujian. Di samping itu, implikasi kajian hasil daripada data-data juga diutarakan supaya boleh menjadi garis panduan, terutamanya pengajaran bahasa Cina. Cadangan lanjutan yang berkaitan dengan kajian ini turut dibentangkan dalam bab ini.

#### **5.2 Penggunaan Pujian Bahasa Cina oleh Guru Wanita dan Lelaki**

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa jenis pujian yang kerap digunakan oleh guru-guru adalah strategi tidak memberi pujian (*non-compliment*), pujian eksplisit (*explicit compliment*) dan pijian implisit (*implicit compliment*), dimana guru wanita dan lelaki memilih jenis pujian yang sama semasa berinteraksi dengan murid-murid dalam kelas. Meskipun, dapatan kajian ini tidak menyokong hasil kajian Ye (1995) dan Quan (2004) sepenuhnya. Hasil kajian yang dilaporkan oleh Ye (1995) dan Quan (2004) menyatakan bahawa pujian eksplisit, pujian implisit, tidak memberi pujian dan tidak memberi respon digunakan semasa memberikan penghargaan kepada individu lain. Sebaliknya, guru wanita dan lelaki tidak sama sekali menggunakan strategi tidak memberi respon (*no response*) dalam konteks pendidikan. Fenomena ini jarang berlaku dalam bilik darjah kerana guru merupakan model pembelajaran murid-murid dalam dan

luar kelas (Ee, 2003). Murid-murid akan meniru segala tingkah laku guru melalui pemerhatian tidak langsung. Di samping itu, guru dipertanggungjawabkan untuk menimbulkan minat pembelajaran murid, membimbing dan membentuk sikap pembelajaran yang betul, memupuk idealisme yang luhur dan nilai murni yang tinggi (Mok, 2008).

Kewujudan perbezaan dapatan kajian ini mungkin didorong oleh kaedah penyelidikan dan konteks interaksi yang berlainan. Ye (1995) dan Quan (2004) mengkaji puji yang diberikan oleh pelajar-pelajar universiti melalui kaedah soal selidik *Discourse Completion Test*. Sementara itu, kajian ini meninjau penggunaan jenis-jenis puji antara interaksi guru dengan murid dalam konteks pendidikan. Walaupun, bilangan sampel bagi kajian ini agak kecil, dimana hanya terdiri daripada empat orang guru wanita dan lelaki. Ini menyebabkan dapatan analisis kajian ini tidak dapat digeneralisaikan. Namun, data-data yang dikumpulkan berdasarkan konteks interaksi yang semulajadi dapat meningkatkan dan menjamin kebolehpercayaan dan keesahan analisis kajian. Tambahan pula, responden kajian tidak mengetahui ditinjau dari segi penggunaan kata-kata puji dalam konteks pendidikan. Ini memudahkan pengkaji mengumpul data yang secukupnya untuk kajian ini, dimana responden memberikan pelbagai maklumat atau beraksi dalam keadaan yang biasa dan rasa selamat tanpa dipengaruhi oleh kehadiran pengkaji.

Kekerapan puji yang diberikan oleh guru wanita (356 kali) adalah lebih tinggi berbanding dengan guru lelaki (263 kali). Ini membuktikan bahawa guru wanita lebih cenderung memuji murid-murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatkan ini memang sejajar dengan hasil kajian Wolfson (1983), Herbert (1990) dan

Lewandowske-Tomszaczky (1989), di mana wanita lebih kerap menyatakan penghargaan atau kekaguman kepada individu lain. Meskipun, perbezaan yang signifikan dari aspek penggunaan jenis pujian. Guru lelaki didapati lebih ketara (48 kali) memuji secara implisit berbanding dengan guru wanita (17 kali). Dapatan ini menyokong hasil kajian Sun (2003) dan Quan (2004), dimana penutur lelaki lebih kerap menyampaikan kata-kata pujian tersirat.

Analisis kajian jelas menyatakan bahawa murid lelaki (343 kali) mendapat lebih banyak pujian berbanding dengan murid perempuan (276 kali). Dapatan ini menyokong hasil kajian Brophy dan Good (1970), dimana murid lelaki lebih banyak berinteraksi dengan guru-guru dalam bilik darjah. Maka, boleh dikatakan bahawa ketidakseimbangan interaksi berlaku dalam bilik darjah (Brophy dan Good, 1970; Kelly, 1988; Yip, 1996; Jariah Mohd. Jan dan Khatijah Shamsudin, 2003). Di samping itu, layanan yang diberikan oleh guru wanita dan lelaki berbeza mengikut gender dan tingkah laku murid-murid (Yip, 1996). Guru wanita didapati lebih kerap memuji murid lelaki (219 kali) berbanding dengan murid perempuan (137 kali), manakala guru lelaki lebih cenderung menyampaikan penghargaan kepada murid perempuan (139 kali) daripada murid lelaki (124 kali). Ini menyokong pandangan Kelly (1988). Beliau berpendapat bahawa murid perempuan dan lelaki sama-sama suka menyertai secara sukarela dalam aktiviti kelas, namun guru-guru telah bertindak tidak adil dengan kerap memilih murid lelaki. Ini adalah kerana tanggapan stereotaip dan ekspektasi guru terhadap murid mendorong guru bertindak secara berlainan terhadap murid-murid. Sehubungan dengan itu, gender merupakan salah satu faktor sosial yang mempengaruhi seseorang mengujarkan dan menerima pujian di kalangan penutur dalam interaksi (sila Rujuk Bab 4).

Selain faktor gender, jarak sosial antara pemberi dan penerima puji juga mempengaruhi tingkah laku memuji. Menurut Holmes (1988), penutur lazimnya memuji penerima yang berstatus setaraf. Pendapat Holmes (1988) disokong oleh Wolfson dan Manes (1989) dengan mengatakan bahawa pemberi puji lebih cenderung menyampaikan penghargaan dan kekaguman kepada rakan karib, kenalan rapat dan rakan sejawat. Dalam kajian ini, status guru dan murid adalah asimetri (*asymmetry*), dimana guru wanita dan lelaki lebih berkuasa dalam bilik darjah. Ini dapat dibuktikan dengan peranan guru dalam pelaksanaan kurikulum (Mok, 2008). Di peringkat sekolah, guru perlu mengendalikan pengajaran bagi murid-murid yang pelbagai kebolehan dan kecerdasan, demi menyempurnakan dan menjayakan kurikulum yang terbentuk (*ibid.*). Seterusnya, guru memilih dan menetapkan isi pelajaran berdasarkan minat dan kebolehan murid, demi mencapai objektif pelajaran dengan berkesan (*ibid.*). Guru juga memilih dan menentukan bahan-bahan pelajaran yang menitik berat unsur pendidikan dan membawa manfaat untuk kehidupan dalam masyarakat, supaya melahirkan insan yang seimbang daripada jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Memandangkan guru sebagai pelaksana kurikulum dalam bilik darjah, jadi puji yang disampaikan merupakan galakan dan inspirasi (Hebert, 1990). Dalam kajian ini, kata-kata puji bukan sahaja bertujuan memotivasi dan mendorong murid-murid mengulangi kelakuan yang positif kelak (Mok, 2008), malahan berfungsi untuk menggembirakan pendengar (Herbert, 1990), iaitu murid-murid. Justeru, murid-murid yang menerima puji akan berasa seronok dan gembira (Mok, 2008), membolehkan mereka menikmati keseronokan pembelajaran (Ee, 2003).

Guru wanita didapati lebih cenderung memuji kerana mereka menjaga perasaan dan mengutamakan perhubungan dengan orang lain (Atwater, 1983). Oleh itu, kata-kata pujian yang disampaikan oleh guru wanita berperanan sebagai ‘gris roda sosial’ (*grease the social wheels*) dan ‘pelincir sosial’ (*social lubricants*) untuk menghasilkan atau memperkuuhkan perasaan solidariti antara guru dengan murid dalam bilik darjah (Manes dan Wolfson, 1981; Manes, 1983; Wolfson, 1983; Holmes, 1993). Di samping itu, guru wanita didapati menggunakan strategi memuji di permulaan, di tengah dan di akhir ujaran (Ummul Khair Ahmad dan Grace Koh Ming Ai, 2010) demi mengurangkan ancaman air muka murid-murid (Johnson dan Roen, 1992). Ini bertujuan untuk membantu murid-murid mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan pembentukan sahsiah yang seimbang (Rusli Ahmad dan Abg Ishar Abg Yaman, 2010).

Guru lelaki dibuktikan bahwa kurang mengujarkan kata-kata pujian berbanding dengan guru wanita. Ini adalah kerana lelaki menganggap memuji sebagai perbuatan yang memalukan dan mengancam air muka (Holmes, 1986). Di sampingi itu, lelaki sering menunjukkan status dengan menggunakan bahasa berkuasa dalam perbualan (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 2005). Misalnya, guru lelaki memuji penampilan murid perempuan semasa aktiviti pengajaran dilangsungkan. Kata adjektif 可爱 (kěài / comel) bukan sahaja merupakan pujian kepada murid perempuan, malahan ia juga berfungsi sebagai kriteria pemilihan penglibatan murid dalam aktiviti pengajaran. Maka, kriteria pemilihan tersebut boleh diinterpretasikan sebagai memperalatkan (Jia, 1997) dan mengarahkan murid untuk menyertai aktiviti dalam kelas. Mengikut hasil kajian Jia (1997), fungsi memperalatkan individu lain (利用他人 lìyòng tārén) hanya ditemui

dalam konteks timur. Maka, guru wanita dan lelaki melihat pujian mempunyai fungsi yang berlainan dalam konteks interaksi tertentu.

Boleh dirumuskan bahawa, faktor gender mempengaruhi tingkah laku memuji antara guru wanita dengan lelaki. Ini adalah kerana wanita dan lelaki mempunyai sub-budaya yang berasingan dalam sesuatu komuniti. Lebih-lebih lagi, kaum lelaki berperanan sebagai ketua rumah dan pencari nafkah secara tradisi, ternyata kedudukan lelaki lebih dominan berbanding dengan wanita yang subordinat (Lakoff, 1975). Fenomena ini membawa kepada perbezaan lakuan bahasa kedua-dua gender (Crawford, 1995). Status wanita yang subordinat (Lakoff, 1975) menyebabkan mereka sentiasa berbudi bahasa dan kerap memuji semasa berinteraksi. Wanita seringkali menyampaikan penghargaan dan kekaguman demi mewujudkan dan mengukuhkan perhubungan solidariti dengan penutur-penutur lain. Di samping itu, wanita juga memerlukan pengiktirafan status sosial dalam sebuah komuniti. Justeru itu, lakuan bahasa wanita masih terkongkong dengan tanggapan stereotaip masyarakat (Zhao, 2009), walaupun kini, status dan taraf pendidikan wanita kian meningkat.

Sebagai keperluan sosial, penutur boleh menyatakan kekaguman dan penghargaan ke atas apa-apa saja yang dimiliki oleh individu, seperti harta benda, ciri-ciri personaliti, perwatakan, prestasi, makanan, anak-anak dan sebagainya. Oleh itu, topik pujian dalam sesuatu interaksi adalah tidak terhad (Zhang, 2007). Namun, pengkaji timur (Ye, 1995; Jia, 1997; Wang, 2003; Quan, 2004) membuktikan bahawa pujian dalam bahasa Cina lebih ditumpukan kepada perwatakan, keupayaan dan penampilan yang dimiliki oleh individu. Dalam masyarakat timur, penutur lelaki jarang memuji penampilan dan fesyen pakaian wanita, manakala penutur wanita tidak digalakkan menyampaikan

kekaguman ke atas perwatakan lelaki. Sekiranya penutur wanita dan lelaki berbuat demikian, perbuatan mereka dianggap kurang sopan (Zhang, 2007). Analisis data menjelaskan bahawa keupayaan, ciri-ciri personaliti dan penampilan murid merupakan topik pujian dalam konteks pendidikan. Topik pujian dalam kajian ini menunjukkan persamaan dibandingkan dengan hasil pengkaji barat dan timur (Wolfson, 1983, 1989; Knapp *et al.*, 1984; Daikuahara, 1986; Holmes dan Brown, 1987; Lewandowske-Tomszacyk, 1989; Herbert, 1989, 1991; Ye, 1995; Nelson *et al.*, 1996a; Akmar Mohamad, 2000; Achugar, 2001; Yuan, 2002; Cui, 2007). Dalam kajian ini, guru lelaki didapati memuji penampilan murid perempuan dengan menggunakan kata adjektif 可爱 (kěài / comel). Ini terbukti bahawa pujian ke atas penampilan wanita bukan lagi menjadi taboo perbincangan oleh penutur lelaki. Ini juga mencerminkan masyarakat timur menitik berat keupayaan lelaki dan mengutamakan penampilan wanita, iaitu 郎才女貌 (lángcái nǚmào / lelaki yang berkebolehan dan wanita yang jelita).

Analisis dapatan juga membuktikan bahawa topik keupayaan tidak hanya difokuskan kepada murid lelaki sahaja. Sebaliknya, murid perempuan juga menerima kata-kata pujian berkaitan dengan kebolehan mengemukakan jawapan yang tepat. Guru wanita didapati memilih kata adjektif 好 (hǎo / bagus), 正确 (zhèngquè / tepat) dan 准确 (zhǔnquè / jitu) untuk memuji murid perempuan dan lelaki atas keupayaan mengemukakan jawapan yang menepati kehendak soalan. Guru lelaki pula menggunakan kata adjektif 对 (duì / betul) untuk memuji murid-murid yang menjawab dengan betul dalam kajian ini. Tingkah laku memuji kedua-dua gender membuktikan bahawa tanggapan stereotaip masyarakat timur yang mementingkan keupayaan lelaki mulai berubah.

Perwatakan individu merupakan keunikan topik pujian dalam bahasa Cina. Ini adalah kerana masyarakat timur lebih menitik berat kepada pentingnya penyemaian akhlak peribadi daripada konteks barat (Xu, 2003). Analisis data menunjukkan bahawa perwatakan murid perempuan dan lelaki juga menarik perhatian guru-guru dalam kelas. Guru wanita menyampaikan penghargaan kepada murid perempuan yang berani mencuba dengan mengujarkan 佩服 (pèifu / mengagumi), manakala guru lelaki memuji beberapa murid lelaki yang kelihatan jujur. Maka, boleh dirumuskan bahawa topik pujian mempengaruhi pemilihan leksikal pujian yang dilafazkan oleh guru wanita dan lelaki. Kedua-dua gender akan memilih leksikal yang sesuai berdasarkan topik pujian dan konteks interaksi.

Secara kesimpulanya, guru wanita dan lelaki berbeza dari aspek kekerapan penggunaan, pemilihan leksikal dan pola sintaksis bagi menyampaikan pujian dalam bahasa Cina. Oleh itu, faktor gender dan nilai sosial budaya bukan sahaja memainkan peranan yang penting dalam lakuan bahasa seseorang, malahan mempengaruhi tingkah laku memuji guru-guru dalam konteks pendidikan.

### **5.2.1 Pengklasifikasian Pujian Eksplisit Bahasa Cina mengikut Rangka Model Ye (1995)**

Berdasarkan rangka model Ye (1995), pujian eksplisit bahasa Cina kajian ini diklasifikasikan kepada tiga kategori iaitu pujian eksplisit adjektif (*adjective explicit compliment*), pujian eksplisit adverba (*adverbial explicit compliment*) dan pujian eksplisit kata kerja (*verbal explicit compliment*). Walau bagaimanapun, pujian eksplisit nominal (*nominal explicit compliment*) tidak didapati dalam kajian ini seperti yang dilaporkan oleh Ye (1995).

Pujian eksplisit adjektif adalah ujaran penghargaan kepada murid secara tersurat yang mengandungi kata adjektif sebagai pembawa semantik positif. Ia menunjukkan kekerapan penggunaan yang paling tinggi dalam korpus pujian bahasa Cina. Guru wanita dan lelaki didapati memberikan pujian eksplisit adjektif kepada murid berdasarkan konteks tertentu. Kata-kata adjektif seperti 好 (hǎo / bagus), 对 (duì / betul), 正确 (zhèngquè / tepat) dan 准确 (zhǔnquè / tepat) digunakan untuk memuji keupayaan murid perempuan dan lelaki mengutarakan pendapat yang memenuhi kehendak soalan dan skema jawapan. Selain itu, guru lelaki juga dibuktikan memberikan penilaian positif ke atas penampilan murid. Kata adjektif 可爱 (kěài / comel) diujarkan untuk memuji murid yang comel; manakala 老实 (lǎoshi / jujur) dituju kepada murid yang kelihatan jujur

Pujian eksplisit adverba adalah penilaian positif tersurat yang digabungkan kata adjektif dengan kata adverba atau kata kerja dengan kata adverba. Misalnya, 答得很好 (dá dé hěn hǎo / apa yang diujarkan sangat bagus), 讲得很好 (jiǎng dé hěn hǎo / apa yang diujarkan sangat bagus), 说得对(shuō de duì / apa yang diujarkan betul ) dan 背得好 (bèi děi hǎo / menghafal dengan baik) merupakan pujian eksplisit adverba yang diujarkan oleh guru wanita dan lelaki dalam kajian ini. Keempat-empat ujaran penilaian positif terdiri daripada gabungan kata kerja 答 (dá / apa yang diujarkan), 讲 (jiǎng / apa yang diujarkan), 说 (shuō / apa yang diujarkan) dan 背(bèi / menghafal) dengan kata adverba 好(hǎo / bagus) dan 对(duì / betul). Namun, perkataan 好 (hǎo / bagus) dan 对(duì / betul) merupakan kata adjektif yang membawa semantik positif tetapi berfungsi sebagai kata adverba dalam susunan ayat. Sungguhpun begitu,

mengikut sistem tatabahasa dan struktur bahasa Cina, bentuk perkataan bahasa Cina tidak menunjukkan perubahan apabila ia berbeza fungsi dalam sesuatu sintaksis. Di samping itu, semantik perkataan itu dapat dikenal pasti berdasarkan perhubungan sintagmatik dengan perkataan lain dalam ujaran. Justeru itu, fungsi perkataan 好 (hǎo / bagus) dan 对 (duì / betul) bergantung kepada perubahan susunan perkataan dalam sintaksis. Dapatan kajian menyatakan bahawa keempat-empat pujian berkenaan diberikan atas keupayaan murid mengemukakan jawapan dan pendapat yang tepat. Peneguhan positif ini akan mendorong perasaan murid-murid menjadi gembira, seterusnya semangat belajar semakin berkobar-kobar (Mok, 2008).

Pujian eksplisit kata kerja menunjukkan kekerapan penggunaan yang paling rendah dalam kajian ini iaitu 欢迎 (huānyíng / disambut baik) dan 佩服 (pèifu / mengagumi). Kata pujian 欢迎 (huānyíng / disambut baik) diujarkan oleh guru lelaki terhadap perwatakan seorang murid perempuan. Analisis keputusan mendapati bahawa pujian eksplisit kata kerja 欢迎 (huānyíng / disambut baik) yang diujarkan merupakan kriteria pemilihan murid menjawab soalan guru semasa pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, murid perempuan juga menerima penilaian positif 佩服 (pèifu / mengagumi) daripada guru wanita atas keberaniannya mencuba menjawab soalan. Dengan ini, boleh dikatakan bahawa pujian eksplisit kata kerja bukan sahaja berfungsi untuk menggembirakan penerima pujian, malahan ia juga berperanan demi memperalatkan individu lain supaya menyempurnakan tugas dalam bilik darjah.

Secara keseluruhannya, pujian eksplisit adjektif, pujian eksplisit adverba dan pujian eksplisit kata kerja merupakan jenis-jenis pujian eksplisit yang kerap digunakan oleh guru wanita dan lelaki. Berbanding dengan kajian lepas yang dilakukan oleh Zhang (2010) mengenai pujian dalam bahasa Cina, guru-guru tidak menggunakan pujian eksplisit kata nama atau peribahasa semasa berinteraksi dengan murid-murid.

Menurut Zhang (2010), penggunaan peribahasa dan simpulan bahasa untuk memuji individu merupakan keunikan corak formula pujian dalam konteks timur, misalnya 宝刀未老 (bǎodāo wèilǎo / masih berkeupayaan), 如雷贯耳 (rúléi guàněr / mempunyai reputasi yang tinggi), 有其母必有其女 (yǒuqímǔbìyǒuqínǚ / kelakuan ibu mempengaruhi anaknya), 英雄不减当年 (yīngxióng bù jiǎn dāngnián / masih berkeupayaan). Kata-kata pujian yang menggunakan peribahasa dan simpulan bahasa mengandungi nilai sosial budaya konteks timur. Ini bukan sahaja dapat menyampaikan keaguman dan penghargaan kepada individu, malahan menonjolkan lakukan bahasa masyarakat timur yang gemar menyampaikan makna pujian secara tersirat.

Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa pujian eksplisit kata nama atau peribahasa tidak digunakan oleh guru-guru semasa berinteraksi dengan murid-murid. Ini adalah kerana topik pujian amat terhad dalam konteks pendidikan. Di samping itu, konteks interaksi kajian ini berbeza dengan kajian Zhang (2010). Data-data yang dikumpulkan bagi kajian ini berdasarkan konteks interaksi yang semulajadi antara guru dengan murid-murid semasa aktiviti pengajaran. Tambahan pula, responden kajian tidak mengetahui ditinjau dari segi penggunaan kata-kata pujian dalam konteks pendidikan. Ini memudahkan pengkaji mengumpul data yang secukupnya untuk kajian ini, dimana

responden memberikan pelbagai maklumat atau beraksi dalam keadaan yang biasa dan rasa selamat tanpa dipengaruhi oleh kehadiran pengkaji. Zhang (2010) pula melihat pujian yang digunakan dalam drama, dimana skrip dihasilkan mengikut keperluan situasi dalam drama.

### **5.3 Pemilihan Leksikal Pujian Bahasa Cina oleh Guru Wanita dan Lelaki**

Data-data yang diperoleh membuktikan bahawa guru wanita dan lelaki bukan sahaja menunjukkan persamaan tetapi juga memaparkan perbezaan dari segi pemilihan leksikal pujian dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tiga kata adjektif yang kerap digunakan oleh guru wanita dan lelaki iaitu 好 (hǎo / bagus), 对 (duì / betul) dan 准确 (zhǔnquè / tepat). Kekerapan penggunaan kata adjektif 好 (hǎo / bagus), 对 (duì / betul) dan 准确 (zhǔnquè / tepat) merangkumi 92% daripada korpus pujian dalam bahasa Cina. Ini terbukti bahawa kata adjektif paling ketara dipilih bagi tingkah laku memuji oleh kedua-dua gender. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan hasil kajian Manes dan Wolfson (1981), dimana pemilihan kata adjektif dalam pujian bahasa Inggeris juga tinggi.

Sungguhpun begitu, penggunaan kata adjektif oleh guru wanita berbeza dengan guru lelaki semasa mengujarkan kata-kata pujian kepada murid-murid. Guru lelaki didapati lebih cenderung menggunakan kata adjektif 好 (hǎo / bagus) dan 对 (duì / betul) untuk memuji keupayaan murid. Fenomena ini menunjukkan penggunaan bahasa guru lelaki dipengaruhi oleh peranan sosial dan status lelaki yang dominan. Lelaki berbahasa bertujuan untuk menyampaikan sesautu maklumat atau pendapat. Sebaliknya, guru

wanita didapati menggunakan bahasa yang standard dan jitu semasa memuji, seperti penggunaan kata adjektif 准确 (zhǔnquè) yang bermaksud jitu atau tepat.

Berbanding dengan kata adjektif, analisis data menyatakan bahawa penggunaan kata kerja amat terhad dalam kajian ini. Hanya dua kata kerja yang wujud dalam korpus pujian bahasa Cina, iaitu 欢迎 (huānyíng / disambut baik) dan 佩服 (pèifu / mengagumi). Oleh yang demikian, daptan kajian ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara kedua-dua gender dalam pemilihan kata kerja bagi tingkah laku memuji.

Pemilihan dan penggunaan kata kerja bagi kajian ini berbeza dengan hasil kajian Manes dan Wolfson (1981). Kedua-dua pengkaji mendapati bahawa kata kerja *like* dan *love* amat diminati oleh pemberi pujian dalam bahasa Inggeris. Ini adalah kerana bahasa Inggeris dan Cina mempunyai prestij yang berbeza, dimana bahasa Cina merupakan bahasa prestij yang tinggi (Hall, 1976). Oleh itu, konteks interaksi memainkan peranan penting untuk memahami mesej dan maklumat yang diterima. Faktor ini mendorong pengguna bahasa Cina supaya bertutur secara tidak langsung atau tersirat. Sehubungan dengan itu, kata kerja *like* dan *love* jarang digunakan untuk menyampaikan kekaguman dalam interaksi.

Analisis data menunjukkan bahawa guru wanita dan lelaki hanya memilih dua jenis kata adverba iaitu 很 (hěn / sangat) dan 非常 (fēicháng / amat) semasa mengujarkan pujian dalam bahasa Cina. Kedua-dua gender didapati menggunakan gabungan kata adverba 很 (hěn / sangat) dengan kata adjektif untuk memuji. Selain kata adverba 很 (hěn /

sangat), guru wanita juga menggunakan gabungan kata adverba 非常(fēicháng / amat) dengan kata adjektif untuk memuji murid-murid. Sungguhpun, kata adverba 非常 (fēicháng / amat) sinonim dengan 很(hěn / sangat), namun kedua-dua perkataan tersebut mempunyai medan semantik yang berbeza. Medan semantik bagi kata adverba 非常 (fēicháng / amat) menunjukkan penekanan yang lebih tinggi daripada 很 (hěn / sangat). Walau bagaimanapun, kedua-dua kata adverba boleh bergabung dengan mana-mana kata adjektif untuk menyampaikan pujuan.

Guru wanita dan lelaki memilih kata adverba yang berbeza untuk memuji. Ini adalah kerana gaya bahasa wanita lebih mengutamakan penekanan dan keterlaluan (*emphasis and exaggeration*) (Brook, 1970). Oleh itu, Brook (1970) membuktikan bahawa penutur wanita seringkali menggunakan perkataan seperti *tremendously, desperately, terrifically*, untuk penekanan nada. Pendek kata, penutur wanita lebih cenderung memilih kata adverba yang kukuh (Mulac dan Lundell, 1986), seperti 非常(fēicháng / amat).

Kesimpulannya, faktor gender dan status sosial antara penutur wanita dengan lelaki menyebabkan perbezaan pemilihan leksikal bagi pujuan eksplisit dalam bahasa Cina. Di samping itu, nilai sosial masyarakat timur juga mendorong kelainan gaya pertuturan pengguna bahasa Cina, misalnya kelainan lakuhan bahasa memuji.

## **5.4 Penggunaan Pola Sintaksis Pujian Bahasa Cina oleh Guru Wanita dan Lelaki**

Dalam kajian ini, analisis data menunjukkan bahawa terdapat 10 jenis pola sintaksis yang digunakan untuk mengujarkan pujian eksplisit kepada murid-murid. Analisis data yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa wujud persamaan dan perbezaan pemilihan pola sintaksis oleh guru wanita dan lelaki. Gabungan kata adjektif (ADJ) + [kata bantu (KB) / partikal (PART)] dan gabungan kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ) merupakan dua pola sintaksis yang kerap diujarkan oleh guru wanita dan lelaki.

Perbezaan tingkah laku juga kelihatan dari segi pemilihan pola sintaksis semasa memuji murid-murid. Guru wanita didapati lebih cenderung memilih pola sintaksis gabungan kata nama atau frasa nama [(KN / FN)] + kata kerja (KK) + kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ). Ini adalah kerana penutur wanita sebagai golongan subordinat dalam komuniti menyebabkan mereka kurang berkeyakinan (Lakoff, 1975). Oleh itu, mereka seringkali menggunakan bahasa standard dengan nahu bahasa itu terlalu betul. Pola sintaksis gabungan kata nama atau frasa nama [(KN / FN)] + kata kerja (KK) + kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ) ini merupakan sintaksis yang mengikuti sistem tatabahasa Cina. Pola tersebut merangkumi subjek dan predikat bagi sesuatu ayat, dimana kata nama atau frasa nama [(KN / FN)] ialah subjek ayat dan kata kerja (KK) + kata adverba (K ADV) + kata adjektif (ADJ) adalah bahagian predikat.

Semasa berinteraksi, guru lelaki lebih gemar menggunakan pola sintaksis perbandingan (比) (bǐ / lebih) atau 多 (duō / lebih). Ini adalah kerana lelaki kerap kali menonjolkan kuasa melalui perbualan, terutamanya celahan (Zimmerman dan West, 1975). Bagi lelaki, perbualan berfungsi sebagai perundingan status. Mereka sentiasa bersaing dalam

perbualan untuk mengukuhkan dan memajukan status masing-masing. Sehubungan dengan itu, pola sintaksis perbandingan (比) (bǐ / lebih) atau 多 (duō / lebih) hanya wujud dalam pertuturan guru lelaki.

Guru wanita dan lelaki didapati sama-sama menggunakan kata ganti nama kedua 你 (nǐ / anda), kata ganti nama ketiga 他/她 (tā / dia) dan kata nama am sebagai subjek dalam ujaran pujian bahasa Cina. Dapatan ini menunjukkan perbezaan pemilihan subjek dalam ujaran pujian bahasa Inggeris dengan bahasa Cina (Zhang, 2010). Kajian yang dijalankan oleh Zuo (1988) membuktikan bahawa kata ganti nama pertama jarang digunakan untuk mengujarkan pujian dalam bahasa Cina. Pendapat Zuo (1988) disokong oleh Li (2002). Li (2002) mengatakan bahawa pola sintaksis *i like / love* jarang kelihatan dalam pujian bahasa Cina. Di samping itu, Li dan Feng (2000) juga mendapati bahawa kekerapan penggunaan kata ganti nama pertama amat rendah, sebaliknya kebanyakannya pujian bahasa Cina memilih kata ganti nama kedua sebagai subjek ujaran. Ini adalah kerana nilai sosial masyarakat timur berorientasikan kumpulan atau orang lain (Xu, 2006). Pendek kata, pengguna bahasa Cina mengutamakan kebajikan kumpulan daripada kepentingan individu.

Walau bagaimanapun, dapatan ini berbeza dengan hasil kajian lepas yang dilakukan oleh Cui (2007). Hasil kajian Cui (2007) membuktikan bahawa penutur wanita lebih ketara menggunakan kata ganti pertama dan kedua, manakala lelaki lebih gemar memilih kata ganti ketiga. Di samping itu, pertuturan wanita lebih bersifat interaksional (Hirschman, 1974). Oleh itu, golongan wanita lebih cenderung menggunakan ganti nama diri seperti ‘kamu’ dan ‘kita’ yang secara eksplisit mengakui kewujudan pesert-

peserta lain di dalam interaksi (*ibid.*). Perbezaan ini adalah kerana Cui (2007) mengkaji penggunaan pujian bahasa Inggeris dalam konteks barat. Sementara itu, kajian ini meninjau penggunaan jenis pujian bahasa Cina dalam konteks pendidikan masyarakat timur. Di samping itu, responden kajian ini terdiri daripada guru-guru wanita dan lelaki yang mengajar mata pelajaran Bahasa Cina di sekolah menengah jenis kebangsaan yang menitikberatkan nilai-nilai sosial masyarakat timur. Secara tidak langsung, responden kajian mengamalkan nilai-nilai tersebut dalam penggunaan bahasa, iaitu mengutamakan kebijakan kumpulan daripada kepentingan individu. Justeru itu, kedua-dua gender menggunakan kata ganti nama kedua 你 (nǐ / anda), kata ganti nama ketiga 他/她 (tā / dia) dan kata nama am sebagai subjek dalam ujaran pujian bahasa Cina.

Walau bagaimanapun, kedua-dua gender juga menunjukkan perbezaan pemilihan subjek dalam kata-kata pujian, dimana guru wanita lebih gemar menggunakan kata nama khas, terutamanya nama murid, manakala guru lelaki memilih kata tunjuk seperti 这班(zhèbān / kelas ini) dan 这个(zhège / ini) semasa berinteraksi dengan murid. Hasil kajian Mulac dan Lundell (1986) menyokong perbezaan ini. Mulac dan Lundell (1986) mendapati bahawa lelaki bukan sahaja ketara memilih kata ganti nama bukan manusia, malahan juga gemar menggunakan kata tunjuk. Kelainan lakuan bahasa memuji kerana status lelaki yang dominan membawa kepada gaya pertuturan yang penuh keyakinan (*ibid.*).

## **5.5 Implikasi Kajian**

Pengkaji menyedari bahawa pendidik memainkan peranan yang utama dalam gaya pertuturan murid-murid. Ini adalah kerana pertuturan guru sering memberi pengaruh yang mendalam ke atas lakuan bahasa murid-murid. Lebih-lebih lagi, pendidik adalah model teladan yang dicontohi oleh murid-murid secara langsung atau tidak langsung. Maka, murid-murid akan meniru tingkah laku memuji semasa kegiatan kurikulum dijalankan dalam bilik darjah dan luar kelas. Lama-kelamaan, murid-murid akan membiasakan diri menggunakan strategi kesopanan positif semasa berinteraksi, dimana pertuturan merupakan bentuk tingkah laku sosial. Ini penting kerana pertuturan seseorang akan menonjolkan kesopanan dan perwatakan individu.

Kata-kata pujian amat penting dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pujian yang diberikan oleh guru bukan sahaja mengubah tingkah laku murid ke arah positif, malahan membolehkan murid-murid menikmati keseronokan proses pembelajaran. Di samping itu, pujian juga merupakan galakan dan insipirasi yang mendorong murid mencapai kejayaan cemerlang pada masa depan. Oleh yang demikian, guru-guru haruslah mengetahui kelebihan dan faedah kata-kata pujian yang sentiasa dilafazkan, memahami teori-teori motivasi serta strategi pengajaran yang sesuai. Ini membantu menyumbang kepada kecemerlangan setiap murid yang pelbagai kecerdasan.

Memandangkan Malaysia berbilang kaum dan bangsa, kajian ini boleh memberikan sedikit penerangan mengenai tingkah laku pertuturan merentasi budaya. Ia mendedahkan dan menjelaskan perbezaan amalan nilai-nilai sosial dalam komunikasi merentasi budaya, seperti budaya Cina dan Melayu. Lantaran itu, dapatan kajian ini boleh membantu individu yang mempelajari bahasa Cina menyedari pengaruh budaya

terhadap penggunaan bahasa. Kesedaran ini mengelakkan salah faham komunikasi merentasi budaya.

### **5.6 Batasan Kajian**

